



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

KEDAH

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





**ISSN 2805-5276**



9 7 7 7 2 8 0 5 5 2 7 0 0 6

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 dan F3, Kompleks F  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
**MALAYSIA**

Laman web: <https://www.audit.gov.my>

Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)

Tel.: 603-8091 1000

Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2021  
**Laman web:** [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
**Emel:** [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
**Tel:** 603-9236 6895  
**Faks:** 603-9222 4773



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

KEDAH

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# **KANDUNGAN**



---

## **KANDUNGAN**

---

**MUKA  
SURAT**

**PENDAHULUAN**

vii

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KEDAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH**

1. Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri 1 - 3

**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI  
PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH**

2. Pengurusan Kemudahan Sukan 2 - 3

**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**

3. Darulaman Aset Sdn. Bhd. 3 - 3

**PENUTUP** 4 - 3

**AKRONIM** 5 - 3





# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap dua aktiviti di lima jabatan dan satu agensi serta pengurusan satu syarikat Kerajaan Negeri Kedah. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).

3. Pandemik Covid-19 terbukti menjadi medan yang menguji ketahanan setiap jabatan/agensi Kerajaan dan tidak terkecuali juga JAN. Di sebalik situasi luar biasa yang terjadi sejak tahun 2020, di mana Malaysia telah melalui beberapa fasa Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard pengoperasian pejabat kerajaan yang ketat, JAN masih dapat menyiapkan LKAN Tahun 2019 Siri 2 bagi memenuhi mandat yang ditetapkan. Pada asalnya LKAN ini dijadual untuk dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Mac 2021, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan sidang Dewan Rakyat tidak dapat diadakan seperti mana jadual asal yang ditetapkan, keadaan ini turut memberi kesan terhadap jadual pembentangan LKAN. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan Audit yang dilaporkan dalam LKAN ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan negeri.

4. Pandemik Covid-19 juga memerlukan JAN untuk mengadaptasikan perubahan dalam pelaksanaan kerja. Hal ini dilakukan dengan memperkasa teknologi digital, memanfaatkan platform dalam talian sepenuhnya dan menyelaras program pengauditan untuk disesuaikan dengankekangan sumber dan keterbatasan pergerakan fizikal pegawai. Jabatan/agensi yang diaudit turut mengambil pendekatan secara dinamik dan telah memberikan sokongan untuk memastikan proses pengauditan dapat disempurnakan.

5. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi/syarikat Kerajaan berkenaan. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri berkenaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**30 Ogos 2021**



**JABATAN KERJA RAYA  
NEGERI KEDAH**

**JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN  
NEGERI KEDAH**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH**

- 1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN  
NEGERI**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

### JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- JKR Negeri Kedah bertanggungjawab menyenggara jalan raya, jalan pertanian oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, jalan perbandaran serta jalan kawasan perumahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan manakala jalan kampung oleh Pejabat Daerah dan Tanah.
- Pengauditan difokuskan kepada penyenggaraan jalan negeri bagi tahun 2017 hingga 2019 yang meliputi dua bidang utama, iaitu prestasi penyenggaraan jalan dan pengurusan penyenggaraan jalan. Bagaimanapun, memandangkan Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 hanya akan dibentangkan di Parlimen selepas pertengahan tahun 2021 maka data-data berkaitan pengauditan ini dikemas kini sehingga 31 Disember 2020.
- Prestasi penyenggaraan jalan dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pencapaian output adalah mengukur prestasi penyenggaraan yang dilaksanakan. Keberhasilan pula mengukur objektif pelaksanaan penyenggaraan iaitu memastikan jalan raya berkeadaan baik dan selamat digunakan.
- Pengurusan penyenggaraan jalan meliputi meliputi enam perkara iaitu pencapaian kewangan; kaedah perolehan dan pembayaran; pendaftaran dan pengemaskinian maklumat jalan; pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh syarikat konsesi; kualiti kerja penyenggaraan jalan; dan pemantauan projek.

##### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, Kerajaan Negeri Kedah menerima pemberian penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM945.41 juta.
- Objektif penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan jalan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Oleh itu, jalan perlu disenggara secara berterusan bagi memastikan jalan berfungsi dengan sempurna dan selamat untuk digunakan.

- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri oleh pihak konsesi dan agensi pelaksana telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan agar mencapai objektif ditetapkan.

### Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah memuaskan. Ini berdasarkan kepada maklum balas pengguna yang berpuas hati dengan keadaan jalan raya negeri, jalan pertanian dan jalan kampung yang mereka digunakan. Bagaimanapun, pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan tidak diagih dan dibelanjakan secara optimum. Selain itu, wujud kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
  - daripada RM945.41 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, sejumlah RM855.59 juta (90.5%) telah diagihkan kepada semua agensi pelaksana. Agensi membelanjakan sejumlah RM761.56 juta (89%) daripada jumlah yang diterima. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan tersebut hanya 80.6% daripada keseluruhan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan;
  - sebanyak 155 kerja penyenggaraan berjumlah RM11.94 juta yang siap dilaksanakan tidak dikenakan tempoh tanggungan kecacatan;
  - bekalan dibekalkan tidak mengikut spesifikasi pesanan mengakibatkan lebih harga berjumlah RM12,861;
  - Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM38,781.73 dibuat oleh PDT Pendang walaupun kerja penyenggaraan dilaksanakan dalam tempoh GST pada kadar 0%;
  - sebanyak 89 Arahan Kerja berjumlah RM27.64 juta yang dikeluarkan kepada dua syarikat konsesi lewat disiapkan dengan tempoh kelewatian di antara satu hingga 155 hari; dan
  - terdapat kerosakan dan kerja kurang berkualiti yang dilaksanakan oleh kontraktor dan syarikat konsesi.

# JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH

# JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

## PEJABAT DAERAH DAN TANAH

### 1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

#### FAKTA UTAMA

<b>RM945.41 juta</b> Pemberian Kerajaan Persekutuan (Tahun 2017 - 2020)	<b>RM761.56 juta</b> Perbelanjaan Penyenggaraan (Tahun 2017 - 2020)	<b>14,710 km</b> Panjang Jalan
<b>Peruntukan</b>	Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri	
<b>Kategori Penyenggaraan</b>	Empat kategori - rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan	
<b>Agensi Pelaksana</b>	Jabatan Kerja Raya - Jalan Negeri Jabatan Pengairan dan Saliran - Jalan Pertanian Pihak Berkuasa Tempatan - Jalan Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan dan Lorong Belakang/Lorong Tepi Pejabat Daerah dan Tanah - Jalan Kampung	
<b>Kontraktor Penyenggaraan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kontraktor lantikan agensi pelaksana</li><li>• Syarikat konsesi</li></ul>	
<b>Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri</b>	Mengakaunkan pemberian penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Bahagian 2, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan menyatakan jalan negeri adalah semua jalan awam dan jalan lain yang boleh dilalui selain dari jalan persekutuan yang diwartakan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959. Penyenggaraan jalan bermaksud penjagaan dan pemuliharaan jalan, longkang, pembetung dan jambatan, perabot jalan, jejambat/jejantas serta terowong yang menjadi sebahagian dari jalan. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menghendaki Kerajaan Persekutuan mengeluarkan sejumlah peruntukan yang dikenali sebagai Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri kepada semua Kerajaan negeri bagi menyenggara jalan negeri. Bagi melayakkan Kerajaan negeri menerima pemberian tersebut, setiap jalan hendaklah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau Malaysian Roads Records Information System (MARRIS) yang diselia oleh Kementerian Kewangan. MARRIS adalah aplikasi yang digunakan untuk merekod maklumat jalan merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Maklumat ini digunakan sebagai asas pengiraan pemberian geran penyenggaraan jalan negeri oleh Kerajaan Persekutuan.

1.2. Objektif penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan kemudahan jalan seperti permukaan serta persekitaran jalan berfungsi dengan sempurna, selesa, selamat dan memenuhi kepuasan pengguna jalan raya. Kaedah perolehan bagi melaksanakan kerja penyenggaraan jalan adalah melalui rundingan terus, sebut harga, undian dan lantikan terus. Pada tahun 2017 hingga 2020, Kerajaan Negeri Kedah telah menerima pemberian penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM945.41 juta dan telah diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM761.56 juta (80.6%) telah dibelanjakan. Butiran jumlah pemberian dan perbelanjaan adalah seperti **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PERBELANJAAN**  
**PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	PEMBERIAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2017	212.58	183.02	86.1
2018	218.96	178.03	81.3
2019	254.99	214.38	84.1
2020	258.88	186.13	71.9
<b>JUMLAH</b>	<b>945.41</b>	<b>761.56</b>	<b>80.6</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

1.3. Jabatan/agensi pelaksana bagi kerja penyenggaraan jalan negeri di negeri Kedah terdiri daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). JKR bertanggungjawab menyenggara jalan raya negeri manakala JPS menyenggara jalan pertanian. Jalan perbandaran, jalan kawasan perumahan dan lorong belakang disenggara oleh PBT manakala jalan kampung disenggara oleh PDT. Mengikut Laporan MARRIS pada 31 Disember 2020, jumlah panjang jalan negeri di negeri Kedah yang didaftarkan adalah 14,710 kilometer (km) melibatkan 34,943 batang jalan. Daripada jumlah ini, JKR, JPS, PBT dan PDT bertanggungjawab menyenggara jalan masing-masing sepanjang 2,703 km, 1,775 km, 4,165 km dan 6,067 km. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PANJANG JALAN NEGERI MENGIKUT KATEGORI JALAN**  
**DAN JABATAN/AGENSI PELAKSANA PADA 31 DISEMBER 2020**

AGENSI PELAKSANA	BIL. JALAN	PANJANG JALAN MENGIKUT KATEGORI JALAN (KM)						
		JRN	JKPG	JPTN	JRB	JKPR	PLB	JUMLAH
JKR	657	2,703.48	-	-	-	-	-	2,703.48
JPS	1,621	-	-	1,775.01	-	-	-	1,775.01
PBT	21,971	-	101.11	-	1,053.61	2,171.56	838.86	4,165.14
PDT	10,694	-	6,067.06	-	-	-	-	6,067.06
<b>JUMLAH</b>	<b>34,943</b>	<b>2,703.48</b>	<b>6,168.17</b>	<b>1,775.01</b>	<b>1,053.61</b>	<b>2,171.56</b>	<b>838.86</b>	<b>14,710.69</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

Nota:      JRN - Jalan Raya Negeri  
 JKPG - Jalan Kampung  
 JPTN - Jalan Pertanian  
 JRB - Jalan Raya Perbandaran  
 JKPR - Jalan Raya Dalam Kawasan Perumahan  
 PLB - Lorong Belakang/Lorong Tepi

1.4. Kerja penyenggaraan jalan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu penyenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan seperti **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KERJA PENYENGGARAAN JALAN MENGIKUT KATEGORI PENYENGGARAAN**

BIL.	KATEGORI	KERJA PENYENGGARAAN BERKAITAN
1.	<b>Penyenggaraan Rutin</b> Penyenggaraan dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyenggaraan <i>pavement</i> (menampal <i>pothole</i>)</li> <li>• Penyenggaraan bahu jalan</li> <li>• Pemotongan rumput</li> <li>• Penyenggaraan perabot jalan</li> <li>• Penyenggaraan pembetung dan jambatan</li> <li>• Pembersihan longkang tepi jalan</li> </ul>
2.	<b>Penyenggaraan Berkala</b> Penyenggaraan yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyenggaraan <i>pavement</i> (menurap semula jalan)</li> <li>• Mengganti perabot jalan</li> <li>• Mengelat jalan</li> <li>• Mengganti saliran</li> <li>• Membalik jambatan dan pembetung yang menghubungkan jalan</li> <li>• Menyenggara pokok di bahu jalan</li> </ul>
3.	<b>Penyenggaraan Kecemasan</b> Penyenggaraan yang memerlukan tindakan segera serta di luar jangkaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pokok tumbang</li> <li>• Tanah/cerun/tembok penahan runtuh</li> <li>• Jalan mendap</li> <li>• Pembetung dan perparitan runtuh</li> <li>• Banjir</li> </ul>
4.	<b>Penyenggaraan Pencegahan</b> Kerja penyenggaraan yang dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada. Kelewatan boleh membahayakan keselamatan pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian cerun</li> <li>• Kajian ketahanan jalan</li> <li>• Kajian lalu lintas</li> </ul>

Sumber: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif

ditetapkan, iaitu memastikan jalan raya berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

### **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh JKR, JPS dan PDT bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Bagaimanapun, memandangkan Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 hanya akan dibentangkan di Parlimen selepas pertengahan tahun 2021 maka data-data berkaitan pengauditan ini dikemas kini sehingga 31 Disember 2020. Skop pengauditan meliputi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan penyenggaraan jalan. Prestasi penyenggaraan jalan dinilai berdasarkan dua perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pencapaian output diukur terhadap tahap prestasi kerja penyenggaraan yang dijalankan. Penilaian pencapaian keberhasilan pula diukur berdasarkan objektif penyenggaraan jalan, iaitu untuk memastikan jalan raya berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

3.2. Pengurusan penyenggaraan jalan meliputi enam perkara, iaitu pencapaian kewangan; kaedah perolehan dan pembayaran; pendaftaran dan pengemaskinian maklumat jalan; pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh syarikat konsesi; kualiti kerja penyenggaraan jalan; dan pemantauan projek.

3.3. Semakan dokumen dijalankan di enam agensi yang diaudit iaitu JKR Daerah Baling, JKR Daerah Kubang Pasu, JPS Daerah Kubang Pasu, JPS Daerah Kuala Muda, PDT Padang Terap dan PDT Pendang. Selain itu, semakan dokumen turut dijalankan di Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah (PPNK), JKR Negeri dan JPS Negeri Kedah bagi mendapatkan maklumat berkaitan agihan peruntukan, penyelarasaran kerja penyenggaraan serta bayaran kemajuan kepada syarikat konsesi. Sebanyak 120 sampel kerja penyenggaraan berjumlah RM21.22 juta telah dipilih bagi tujuan pemeriksaan fizikal di daerah Kuala Muda, Kubang Pasu, Baling, Padang Terap dan Pendang. Ia melibatkan 23 sampel penyenggaraan rutin, 48 sampel penyenggaraan berkala, lima sampel penyenggaraan kecemasan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dan 44 sampel penyenggaraan berkala oleh syarikat konsesi.

### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti kontrak, minit mesyuarat, laporan kemajuan kerja, tuntutan bayaran dan fail yang berkaitan dengan

penyenggaraan jalan negeri. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek bersama pihak JKR Daerah, JPS Daerah dan PDT telah dijalankan untuk mengesahkan kerja yang dilaksanakan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan. Selain itu, soal selidik dilaksanakan secara dalam talian kepada pengguna jalan raya untuk menilai tahap kepuasan pengguna berkaitan kualiti penyenggaraan jalan raya negeri di negeri Kedah.

## 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada PPNK, JKR Negeri Kedah, JPS Negeri Kedah, JKR Daerah Baling, JKR Daerah Kubang Pasu, JPS Daerah Kubang Pasu, JPS Daerah Kuala Muda, PDT Padang Terap dan PDT Pendang telah dibincangkan semasa Mesyuarat Penutup pada 18 Oktober 2020. Maklum balas terkini telah diterima pada 7 Mac 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti perenggan berikut:

### 5.1. Prestasi Penyenggaraan Jalan

#### 5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output diukur berdasarkan pelaksanaan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh tiga agensi utama iaitu JKR, JPS dan PDT. Kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh setiap agensi adalah mengikut perancangan kerja diluluskan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan.

##### 5.1.1.1. Prestasi Keseluruhan Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Pencapaian kerja penyenggaraan jalan dinilai daripada kemajuan kerja yang telah dilaksanakan berbanding dengan perancangan awal jabatan. Garis Panduan Tatacara Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri menghendaki agensi pelaksana mengemukakan permohonan rancangan penyenggaraan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk kelulusan. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, JKR, JPS dan PDT merancang untuk melaksanakan kerja penyenggaraan sebanyak 6,039 kerja melibatkan kos berjumlah RM809.68 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,466 kerja dirancang oleh JKR, 1,197 kerja oleh JPS dan 2,376 kerja oleh PDT. Butiran lengkap perancangan dan pelaksanaan sebenar kerja penyenggaraan oleh JKR, JPS dan PDT bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PRESTASI KESELURUHAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN**  
**KERJA PENYENGGARAAN JALAN**  
**OLEH AGENSI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

AGENSI	KATEGORI SENGGARA	PERANCANGAN		PELAKSANAAN		PENCAPAIAN (%)	
		BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS
	Baki Tahun Sebelum			36	13.52	-	-
JKR	Rutin	986	144.08	632	84.03	64.1	58.3
	Kecemasan	25	13.37	140	5.07	560.0	37.9
	Berkala Agensi	742	106.29	767	96.23	103.4	90.5
	Berkala Konsesi	713	253.09	609	209.17	85.4	82.6
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>2,466</b>	<b>516.83</b>	<b>2,184</b>	<b>408.02</b>	<b>88.6</b>	<b>78.9</b>
JPS	Berkala Agensi	478	20.36	472	18.54	98.7	91.1
	Berkala Konsesi	719	34.47	513	23.67	71.3	68.7
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>1,197</b>	<b>54.83</b>	<b>985</b>	<b>42.21</b>	<b>82.3</b>	<b>77.0</b>
PDT	Berkala	2,376	238.02	1,772	156.08	74.6	65.6
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>2,376</b>	<b>238.02</b>	<b>1,772</b>	<b>156.08</b>	<b>74.6</b>	<b>65.6</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6,039</b>	<b>809.68</b>	<b>4,941</b>	<b>606.31</b>	<b>81.8</b>	<b>74.9</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Semakan Audit mendapati **kerja penyenggaraan jalan sebenar yang dilaksanakan oleh JKR, JPS dan PDT adalah 4,941 (81.8%) daripada 6,039 kerja yang dirancang, melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM606.31 juta.**

#### **5.1.1.2. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan oleh Agensi Pelaksana**

Pihak Audit telah membandingkan bilangan kerja yang dirancang dan dilaksanakan serta jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh agensi pelaksana yang diaudit iaitu JKR, JPS dan PDT bagi melaksanakan kerja penyenggaraan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

##### **a. JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu**

- i. Penyenggaraan jalan oleh JKR dilaksanakan melalui lantikan kontraktor dan syarikat konsesi. Kontraktor yang dilantik perlu melaksanakan penyenggaraan rutin, kerja kecemasan dan penyenggaraan berkala manakala syarikat konsesi hanya melaksanakan penyenggaraan berkala. Penyenggaraan oleh syarikat konsesi melibatkan kerja pakar serta kos yang tinggi seperti membaharui muka jalan. Kerja lain yang dijalankan adalah menyenggara perabot jalan, saliran dan perparitan.

- ii. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu telah melaksanakan 566 kerja berjumlah RM105.97 juta (86.7%) berbanding perancangan 653 kerja berjumlah RM147.06 juta. Sebanyak 211 kerja dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR Daerah Baling manakala 186 kerja dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR Daerah Kubang Pasu. Butirannya adalah seperti **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PELAKSANAAN KERJA BERBANDING RANCANGAN OLEH JKR DAERAH BALING DAN JKR DAERAH KUBANG PASU BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

AGENSI	PELAKSANA / KATEGORI SENGGARA		RANCANGAN		PELAKSANAAN		PENCAPAIAN (%)	
	KONTRAKTOR	SYARIKAT KONSESI	BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS
JKR Daerah Baling	Baki Tahun Sebelum (2017)	-	-	-	1	0.40	-	-
	Pengurusan dan Rutin	-	209	33.41	100	12.11	47.8	36.2
	Kecemasan	-	1	1.80	49	1.16	4900	64.4
	Berkala JD/PKN	-	67	6.40	61	7.45	91.0	116.4
	<b>JUMLAH</b>		<b>277</b>	<b>41.61</b>	<b>211</b>	<b>21.12</b>	<b>76.2</b>	<b>50.8</b>
	-	Berkala	124	39.63	105	33.05	84.7	83.4
JKR Daerah Kubang Pasu	<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>401</b>	<b>81.24</b>	<b>316</b>	<b>54.17</b>	<b>78.8</b>	<b>66.7</b>
	Baki Tahun Sebelum (2016 & 2017)	-	-	-	9	2.57	-	-
	Pengurusan dan Rutin	-	126	15.28	86	9.67	68.3	63.3
	Kecemasan	-	12	5.03	8	1.10	66.7	21.9
	Berkala JD/PKN	-	42	8.62	83	10.20	197.6	118.3
	<b>JUMLAH</b>		<b>180</b>	<b>28.93</b>	<b>186</b>	<b>23.54</b>	<b>103.3</b>	<b>81.4</b>
	-	Berkala	72	36.89	64	28.26	88.9	79.9
	<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>252</b>	<b>65.82</b>	<b>250</b>	<b>51.80</b>	<b>99.2</b>	<b>78.7</b>
	<b>PERBELANJAAN OLEH AGENSI</b>		<b>457</b>	<b>70.54</b>	<b>397</b>	<b>44.66</b>	<b>86.9</b>	<b>63.3</b>
<b>PERBELANJAAN OLEH SYARIKAT KONSESI</b>		<b>196</b>	<b>76.52</b>	<b>169</b>	<b>61.31</b>	<b>86.2</b>	<b>80.1</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>653</b>	<b>147.06</b>	<b>566</b>	<b>105.97</b>	<b>86.7</b>	<b>72.1</b>	

Sumber: JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu

- iii. Bagi tempoh yang sama, penyenggaraan oleh syarikat konsesi di JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu masing-masing adalah sebanyak 105 kerja (RM33.05 juta) dan 64 kerja (RM28.26 juta). Pencapaian kerja dilaksana berbanding yang dirancang masing-masing pada tahap 84.7% dan 88.9%. Perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh syarikat konsesi di JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu adalah seperti **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PELAKSANAAN KERJA PENYENGGARAAN OLEH SYARIKAT KONSESI DI JKR DAERAH BALING DAN JKR DAERAH KUBANG PASU BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

AGENSI	JENIS KERJA / KUANTITI						BIL. ARAHAN KERJA	JUMLAH (RM Juta)
	SALIRAN		PAVEMENT			PERABOT JALAN		
	DRAIN	CULVERT	RESURFACE	REGULATE	BAHU JALAN	GARISAN JALAN		
	(Meter)	(Meter)	(M <sup>2</sup> )	(Tan)	(M <sup>3</sup> )	(M <sup>2</sup> )		
JKR Daerah Baling	23,724	2,788	681,396	5,758	17,288	74,465	105	33.05
JKR Daerah Kubang Pasu	660	52	730,072	5,663	23,066	21,664	64	28.26
<b>JUMLAH</b>	<b>24,384</b>	<b>2,840</b>	<b>1,411,468</b>	<b>11,421</b>	<b>40,354</b>	<b>96,129</b>	<b>169</b>	<b>61.31</b>

Sumber: JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu

- iv. Secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja yang dirancang bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

**Didapati peruntukan yang diluluskan berjumlah RM109.06 juta, iaitu hanya 74.2% berbanding perancangan kos yang dikemukakan sebanyak RM147.06 juta.** Peruntukan yang terhad menyebabkan jabatan menyemak semula kerja yang dirancang dengan memilih kerja penyenggaraan yang menjadi keutamaan atau dengan mengurangkan skop kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PERANCANGAN, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN JALAN DI JKR DAERAH BALING DAN JKR DAERAH KUBANG PASU**

AGENSI/ TAHUN	PERANCANGAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)
<b>JKR DAERAH BALING</b>				
2017	31.40	14.91	14.93	100.1
2018	17.11	11.73	11.41	97.3
2019	14.43	11.21	11.21	100
2020	18.30	16.86	16.62	98.6
<b>JUMLAH</b>	<b>81.24</b>	<b>54.71</b>	<b>54.17</b>	<b>99.0</b>
<b>JKR DAERAH KUBANG PASU</b>				
2017	17.34	13.47	13.47	100
2018	15.18	13.30	12.98	97.6
2019	16.30	13.25	12.92	97.5
2020	17.00	14.33	12.43	86.7
<b>JUMLAH</b>	<b>65.82</b>	<b>54.35</b>	<b>51.80</b>	<b>95.3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>147.06</b>	<b>109.06</b>	<b>105.97</b>	<b>97.2</b>

Sumber: JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu

## **Maklum Balas JKR Negeri Kedah yang Diterima pada 8 Oktober 2020**

JKR Negeri Kedah bersetuju dengan analisis data yang dijalankan oleh pihak Audit memandangkan kerja yang dilaksanakan mengikut peruntukan yang diluluskan. Kerja penyenggaraan yang tidak diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri dalam tahun semasa akan dimasukkan semula dalam permohonan pada tahun 2021.

### **b. JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Daerah Kubang Pasu**

- i. Penyenggaraan jalan pertanian oleh JPS dilaksanakan dengan melantik kontraktor dan syarikat konsesi. Kerja yang dijalankan adalah menurap semula jalan, menyenggara jalan, tebing, longkang dan papan tanda. Penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah bagi kerja bernilai melebihi RM500,000 manakala kerja bernilai kurang dari RM500,000 dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.
- ii. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Daerah Kubang Pasu telah melaksanakan sebanyak 330 kerja berjumlah RM12.63 juta (80.7%) daripada 409 kerja yang dirancang. Kos yang dibelanjakan bagi melaksanakan 330 kerja berkenaan adalah 76.6% daripada jumlah perbelanjaan yang dirancang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 104 kerja penyenggaraan berjumlah RM5.26 juta telah dilaksanakan oleh agensi, iaitu dengan melantik kontraktor bagi menyiapkan kerja. Kerja penyenggaraan telah dapat dilaksanakan sepenuhnya (100%) dalam tempoh yang ditetapkan dengan pengurangan kos sebanyak RM0.73 juta atau 12.2% berbanding kos asal yang dirancang.
- iii. Sebanyak 226 kerja penyenggaraan pula dilaksanakan oleh syarikat konsesi melibatkan kos berjumlah RM7.37 juta. Bilangan kerja yang dilaksanakan hanya meliputi 74.1% berbanding 305 kerja yang dirancang. Butiran lanjut prestasi pelaksanaan kerja oleh JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Daerah Kubang Pasu adalah seperti **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PELAKSANAAN KERJA BERBANDING RANCANGAN OLEH JPS DAERAH KUALA MUDA DAN JPS DAERAH KUBANG PASU BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

AGENSI	PELAKSANA / KATEGORI SENGGARA		RANCANGAN		PELAKSANAAN		PENCAPAIAN (%)	
	AGENSI	SYARIKAT KONSESI	BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS (RM Juta)	BIL. KERJA	KOS
			-	-	-	-	-	-
JPS Daerah Kuala Muda	Berkala	-	52	3.90	49	3.38	94.2	86.7
	-	Berkala	242	6.56	180	4.99	74.4	76.1
<b>JUMLAH</b>			<b>294</b>	<b>10.46</b>	<b>229</b>	<b>8.37</b>	<b>77.9</b>	<b>80.0</b>
JPS Daerah Kubang Pasu	Berkala	-	52	2.09	55	1.88	105.8	90.0
	-	Berkala	63	3.94	46	2.38	73.0	60.4
<b>JUMLAH</b>			<b>115</b>	<b>6.03</b>	<b>101</b>	<b>4.26</b>	<b>87.8</b>	<b>70.6</b>
<b>PERBELANJAAN OLEH AGENSI</b>			<b>104</b>	<b>5.99</b>	<b>104</b>	<b>5.26</b>	<b>100</b>	<b>87.8</b>
<b>PERBELANJAAN OLEH SYARIKAT KONSESI</b>			<b>305</b>	<b>10.5</b>	<b>226</b>	<b>7.37</b>	<b>74.1</b>	<b>70.3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>409</b>	<b>16.49</b>	<b>330</b>	<b>12.63</b>	<b>80.7</b>	<b>76.6</b>

Sumber: JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Daerah Kubang Pasu

- iv. Secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja yang dirancang bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Sebanyak RM16 juta (97%) telah diperuntukan kepada kedua-dua agensi ini berbanding RM16.49 juta yang dimohon. Perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM12.63 juta (78.9%) berbanding peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PERANCANGAN, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN JALAN DI JPS DAERAH KUALA MUDA DAN JPS DAERAH KUBANG PASU**

AGENSI PELAKSANA/TAHUN	PERANCANGAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)
<b>JPS DAERAH KUALA MUDA</b>				
2017	1.94	1.45	1.33	91.7
2018	2.77	2.77	2.91	105.1
2019	3.66	3.66	2.08	56.8
2020	2.09	2.09	2.05	98.1
<b>JUMLAH</b>	<b>10.46</b>	<b>9.97</b>	<b>8.37</b>	<b>84</b>
<b>JPS DAERAH KUBANG PASU</b>				
2017	0.70	0.70	0.66	94.3
2018	0.89	0.89	0.96	107.9
2019	2.46	2.46	0.82	33.3
2020	1.98	1.98	1.82	91.9
<b>JUMLAH</b>	<b>6.03</b>	<b>6.03</b>	<b>4.26</b>	<b>70.6</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>16.49</b>	<b>16.00</b>	<b>12.63</b>	<b>78.9</b>

Sumber: JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Daerah Kubang Pasu

v. Tahun 2019 mencatatkan peratus perbelanjaan terendah, iaitu 56.8% (JPS Kuala Muda) dan 33.3% (JPS Kubang Pasu). Peratusan perbelanjaan yang rendah ini berpunca daripada perjanjian konsesi pada tahun 2019 yang lewat diperbaharui. **Perjanjian telah tamat pada 1 Mei 2019 dan hanya diperbaharui pada 16 Disember 2019. Keadaan ini menyebabkan 46 kerja secara konsesi berjumlah RM3.1 juta yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2019 tidak dapat dilaksanakan.** Namun, kesemua 46 kerja berkaitan telah dilaksanakan pada tahun 2020 menggunakan peruntukan tahun semasa selepas perjanjian baharu ditandatangani.

### **Maklum Balas JPS Negeri Kedah yang Diterima pada 1 Oktober 2020**

JPS Negeri Kedah memaklumkan pelaksanaan kerja syarikat konsesi tidak dapat dilaksanakan seperti dirancang apabila kontrak baharu tidak dapat dimuktamadkan selepas kontrak tamat. Kontrak baharu hanya ditandatangani pada 16 Disember 2019 iaitu selepas enam bulan kontrak tamat. Peruntukan tahun 2019 yang tidak dibelanjakan telah diagihkan kepada JPS Daerah, JKR dan PBT. Perancangan yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2019 telah dilaksanakan pada tahun 2020.

### **c. PDT Padang Terap dan PDT Pendang**

Kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh PDT Padang Terap dan PDT Pendang adalah penyenggaraan berkala, iaitu menurap semula jalan kampung serta kerja-kerja lain yang berkaitan. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 288 kerja berjumlah RM28.95 juta (93.2%) telah dilaksanakan berbanding 282 kerja yang dirancang. Daripada jumlah tersebut, PDT Padang Terap telah melaksanakan sebanyak 165 kerja (117%) berjumlah RM14.92 juta (95%) berbanding 141 kerja yang dirancang. PDT Pendang pula hanya dapat melaksanakan sebanyak 123 kerja (87.2%) daripada 141 kerja yang dirancang dengan kos berjumlah RM14.03 juta (91.3%). Butiran lanjut prestasi pelaksanaan kerja oleh PDT Padang Terap dan PDT Pendang adalah seperti **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PRESTASI PELAKSANAAN KERJA PENYENGGARAAN JALAN**  
**BERBANDING RANCANGAN DI PDT PADANG TERAP DAN PDT PENDANG**  
**BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	RANCANGAN		PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PELAKSANAAN		PRESTASI (%)	
	BIL. KERJA	KOS		BIL. KERJA	KOS	BIL. KERJA	KOS
		(RM Juta)			(RM Juta)		(RM Juta)
PDT Padang Terap	141	13.77	15.70	165	14.92	117.0	95.0
PDT Pendang	141	14.73	15.36	123	14.03	87.2	91.3
<b>JUMLAH</b>	<b>282</b>	<b>28.50</b>	<b>31.06</b>	<b>288</b>	<b>28.95</b>	<b>102.1</b>	<b>93.2</b>

Sumber: PDT Padang Terap dan PDT Pendang

### **Maklum Balas PDT Padang Terap yang Diterima pada 14 Oktober 2020**

PDT Padang Terap mengambil maklum bahawa kenyataan yang diberikan adalah seperti dinyatakan.

### **Maklum Balas PDT Pendang yang Diterima pada 26 Oktober 2020**

PDT Pendang melaksanakan kerja penyenggaraan berdasarkan waran peruntukan yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian pelaksanaan kerja oleh agensi pelaksana adalah memuaskan kecuali bagi kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Kelewatan memuktamadkan kontrak kerja syarikat konsesi menyebabkan pelaksanaan kerja tidak dapat dijalankan seperti dirancang.**

#### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* mentakrifkan *outcome* projek merupakan kesan dan pencapaian keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperoleh daripada output pembangunan. Semakan Audit mendapati **pihak JKR, JPS dan PDT belum menetapkan kaedah penilaian pencapaian keberhasilan terhadap penyenggaraan jalan negeri semasa pengauditan dijalankan**. Bagi tujuan mengukur pencapaian objektif penyenggaraan jalan iaitu memastikan kemudahan jalan seperti permukaan serta persekitaran jalan berfungsi dengan sempurna, selesa, selamat dan memenuhi

kepuasan pengguna. Pihak Audit telah menganalisis tahap keselamatan dan kepuasan pengguna jalan raya melalui soal selidik secara *online* terhadap penduduk di negeri Kedah. Selain itu, statistik kemalangan jalan raya juga turut dianalisis.

#### **5.1.2.1. Prestasi Aduan Kerosakan Jalan oleh Pengguna**

##### **a. Peringkat JKR**

- i. Piagam Pelanggan JKR Malaysia menetapkan aduan perlu diberi maklum balas dalam tempoh tujuh hari bekerja dan diambil tindakan dalam tempoh 45 hari bekerja dari tarikh aduan diterima. Mulai tahun 2015, JKR menggunakan Sistem Pengurusan Aduan untuk mengendalikan penerimaan aduan. Ini bagi memastikan pengurusan aduan dilaksanakan dengan responsif, cekap dan berkesan serta meyakinkan pengguna. Aduan juga diterima melalui e-mel, telefon dan surat.
- ii. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, JKR Negeri Kedah menerima sebanyak 1,490 aduan berkaitan kerosakan jalan, perabot jalan dan lain-lain. Aduan yang diterima didapati menurun daripada 510 aduan pada 2017 kepada 315 hingga 335 aduan pada tahun 2018 hingga 2020. Semakan Audit mendapati kesemua aduan telah diambil tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**ADUAN BERKAITAN JALAN NEGERI BERDASARKAN**  
**SISTEM PENGURUSAN ADUAN JKR NEGERI KEDAH**

TAHUN	BIL. ADUAN	TINDAKAN PEMBETULAN			TEMPOH TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL	
		BELUM SIAP	KES DITUTUP	PERATUSAN SIAP (%)	MENGIKUT TEMPOH	TIDAK MENGIKUT TEMPOH
2017	510	0	510	100	510	0
2018	330	0	330	100	330	0
2019	315	0	315	100	315	0
2020	335	0	335	100	335	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,490</b>	<b>0</b>	<b>1,490</b>	<b>100</b>	<b>1,490</b>	<b>0</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap aduan yang diterima oleh JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu mendapati masing-masing menerima sebanyak 172 dan 193 aduan. Sebanyak 114 (66.3%) aduan diterima JKR Daerah Baling dan 182 (94.3%) aduan oleh JKR Daerah

Kubang Pasu adalah berkaitan jalan negeri. Aduan tertinggi diterima JKR Daerah Baling adalah berkaitan longkang tersumbat/banjir, iaitu 40 aduan dan jalan rosak sebanyak 31 aduan. Bagi JKR Daerah Kubang Pasu, aduan tertinggi adalah berkaitan jalan rosak iaitu, 51 aduan dan longkang tersumbat/banjir sebanyak 32 aduan. Semua aduan yang diterima telah diambil tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**ADUAN BERKAITAN JALAN MENGIKUT SELIAAN DAN JENIS KEROSAKAN**

AGENSI	ADUAN DITERIMA	JENIS ADUAN / KEROSAKAN BERKAITAN JALAN										JUMLAH	
		PERABOT JALAN			JALAN								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j		
<b>JKR DAERAH BALING</b>													
2017	61	4	-	3	18	-	1	5	22	-	2	55	
2018	32	2	2	-	10	1	1	1	8	1	2	28	
2019	22	7	-	-	2	-	2	1	4	-	-	16	
2020	57	-	-	-	1	2	1	5	6	0	0	15	
<b>JUMLAH</b>	<b>172</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>31</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>12</b>	<b>40</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>114</b>	
<b>JKR DAERAH KUBANG PASU</b>													
2017	95	11	2	7	29	4	4	14	14	2	3	90	
2018	35	4	2	3	13	-	1	2	2	1	3	31	
2019	33	4	4	3	5	1	-	5	9	-	-	31	
2020	30	1	2	1	4	2	8	3	7	1	1	30	
<b>JUMLAH</b>	<b>193</b>	<b>20</b>	<b>10</b>	<b>14</b>	<b>51</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>24</b>	<b>32</b>	<b>4</b>	<b>7</b>	<b>182</b>	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

Nota:

- a - Lampu Jalan / Isyarat Rosak
- b - Garisan Jalan Pudar
- c - Perabot Jalan Rosak
- d - Jalan Rosak
- e - Tebing / Cerun Runtuh

- f - Jalan Sempit / Kotor
- g - Pokok Tumbang / Besar Tepi Jalan
- h - Longkang Tersumbat / Banjir
- i - Bahu Jalan Rosak
- j - Lokasi Kerap Kemalangan

iv. Pihak JKR memaklumkan, bebanan muatan dan laluan trafik yang tinggi menyumbang kepada kerosakan yang lebih kerap. Jalan yang disenggara JKR Daerah Kubang Pasu adalah laluan trafik yang agak sibuk, kawasan sawah serta mempunyai banyak terusan menjadi penyumbang kepada kerosakan. Pihak JKR mengambil tindakan pemberian pada tahun semasa sama ada dilaksanakan secara penyenggaraan rutin atau kecemasan oleh jabatan. Penyenggaraan berkala pula dilaksanakan bagi membaiki kerosakan yang memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi. Antara contoh aduan yang diterima dan tindakan yang telah diambil adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**

Tebing Runtuh dan Jalan Putus  
K722 - Kampung Lahar Parang, Baling  
(21.11.2018)  
(Sumber: JKR Daerah Baling)

**GAMBAR 2**

Baik Pulih Tebing Runtuh  
K722 - Kampung Lahar Parang, Baling  
(27.2.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**

K107 - Kubang Betong (Kubang Pasu)  
- Aduan Bahu Jalan Runtuh  
(9.7.2019)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

**GAMBAR 4**

K107 - Kubang Betong (Kubang Pasu)  
- Baik Pulih Tebing Sungai yang Terhakis  
(8.10.2019)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

### b. Peringkat JPS dan PDT

- Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat JPS Negeri Kedah menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) dan E-Aduan Bersepadu JPS Kedah untuk memudahkan orang awam membuat aduan secara menyeluruh. Setiap aduan akan disaring oleh Bahagian Korporat untuk tindakan daerah. Pihak Audit dimaklumkan semua aduan berkaitan jalan pertanian dikemukakan kepada JPS daerah untuk tindakan selanjutnya sama ada dilaksanakan pembaikan segera ataupun diambil kira semasa penyediaan rancangan penyenggaraan masa hadapan.
- Semakan Audit di JPS Daerah Kuala Muda mendapati aduan yang diterima tidak direkodkan dalam daftar. Aduan berkenaan hanya diambil maklum dan difailkan. JPS Daerah Kubang Pasu pula merekodkan pelbagai jenis aduan seperti masalah banjir, pembersihan sungai, pembentung runtuh dan lain-lain dalam daftar menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti aduan berkaitan jalan pertanian disebabkan rekod berkenaan tidak

dikelaskan mengikut kategori. Bagi PDT Pendang dan PDT Padang Terap, tiada daftar aduan diselenggara dan pelbagai jenis aduan yang diterima diambil maklum dan difailkan.

### **5.1.2.2. Keselamatan Pengguna Jalan Raya**

- Kerajaan negeri perlu memastikan seluruh jaringan jalan raya sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar disenggara dengan baik. Hal ini dapat membantu pengguna jalan raya menikmati pemanduan yang selesa dan selamat. Terdapat banyak faktor penyebab berlakunya sesuatu kemalangan. Antaranya sikap pengguna, keadaan fizikal jalan, cara pemanduan, pengaruh alkohol atau dadah dan sebagainya. Berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang diperoleh daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, trend kemalangan tidak konsisten antara tahun ke tahun di mana berlaku peningkatan kes pada tahun 2019 tetapi kembali menurun pada tahun 2020. Kes kemalangan tertinggi dicatatkan di daerah Kuala Muda manakala kemalangan terendah di daerah Sik. Statistik kes kemalangan jalan raya bagi seluruh negeri Kedah adalah seperti **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**STATISTIK KES KEMALANGAN JALAN RAYA PADA TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	DAERAH	TAHUN				JUMLAH
		2017	2018	2019	2020	
1.	Kota Setar	6,265	5,982	6,310	4,696	23,253
2.	Kuala Muda	6,530	6,562	7,236	6,075	26,403
3.	Kulim	3,491	3,949	4,028	3,222	14,690
4.	Kubang Pasu	1,928	1,895	2,135	1,585	7,543
5.	Langkawi	1,345	1,294	1,383	927	4,949
6.	Baling	1,105	1,112	1,124	961	4,302
7.	Padang Terap	367	342	422	344	1,475
8.	Pendang	869	805	892	738	3,304
9.	Bandar Baharu	452	421	511	382	1,766
10.	Yan	565	599	577	420	2,161
11.	Sik	348	276	301	320	1,245
<b>JUMLAH</b>		<b>23,265</b>	<b>23,237</b>	<b>24,919</b>	<b>19,670</b>	<b>91,091</b>

Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah

- Jumlah kemalangan maut di seluruh negeri Kedah bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 adalah sebanyak 1,843 kes, iaitu masing-masing sebanyak 551, 500, 445 dan 347 kes. Sebanyak 983 kes kemalangan maut atau 53.3% berlaku di jalan negeri, jalan perbandaran dan lain-lain jalan. Ia menunjukkan trend penurunan setiap tahun, iaitu 349 kes pada tahun

2017 menurun kepada 293 kes pada tahun 2018 dan 256 kes pada tahun 2019. Pada tahun 2020, hanya 85 kes kemalangan maut direkodkan, iaitu yang terendah dalam tempoh berkenaan.

- c. Bagaimanapun, perkaitan kes kemalangan berbanding kategori jalan tidak dapat ditentukan secara terus kerana kemalangan juga berpunca daripada pelbagai faktor seperti kecuaian atau sebab lain. Kajian Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) pada tahun 2011 menyatakan kelalaian manusia menjadi faktor utama kepada berlakunya kemalangan di Malaysia iaitu 80.6%. Keadaan atau kondisi jalan pula menyumbang sebanyak 13.2% manakala faktor kenderaan menyumbang 6.2%. Butiran lanjut kemalangan maut bagi seluruh negeri Kedah adalah seperti **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**STATISTIK KES KEMALANGAN MAUT PADA TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	DAERAH	KEMALANGAN MAUT															
		2017				2018				2019				2020			
		JPE	JN	JB	JLL	JPE	JN	JB	JLL	JPE	JN	JB	JLL	JPE	JN	JB	JLL
1.	Kota Setar	37	46	7	9	32	39	3	10	29	30	1	13	48	0	7	8
2.	Kuala Muda	63	45	25	1	69	29	15	3	55	21	18	4	50	12	12	5
3.	Kulim	35	21	4	0	25	23	12	3	24	21	8	1	44	10	2	5
4.	Kubang Pasu	13	25	18	21	16	25	5	11	15	32	2	12	38	0	0	4
5.	Langkawi	18	0	0	1	18	3	0	2	26	6	3	0	9	0	0	0
6.	Baling	6	26	1	21	14	23	0	13	8	18	0	7	23	0	0	9
7.	Padang Terap	7	17	0	4	3	10	0	1	5	10	0	0	4	0	0	2
8.	Pendang	6	10	9	2	5	27	0	3	12	18	0	1	18	0	5	1
9.	Bandar Baharu	6	1	9	2	8	2	0	0	6	2	0	3	6	0	1	0
10.	Yan	9	12	0	1	7	21	0	3	2	18	0	0	13	0	0	2
11.	Sik	2	10	0	1	10	5	1	1	7	7	0	0	9	0	0	0
JUMLAH		202	213	73	63	207	207	36	50	189	183	32	41	262	22	27	36
		202	349			207	293			189	256			262	85		
		551			500			445			347						

Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah

JPE: Jalan Persekutuan dan Lebuhraya

JN: Jalan Negeri

JB: Jalan Bandaran

JLL: Lain-lain Jalan

### **5.1.2.3. Tahap Kepuasan Pengguna Jalan Raya**

- a. Pihak Audit menyediakan soal selidik secara *online* dan telah dihantar kepada responden untuk mengetahui tahap kepuasan pengguna jalan raya. Soal selidik yang diedarkan merangkumi tiga perkara utama iaitu:
  - i. kualiti penyenggaraan jalan diukur melalui indikator seperti jalan tidak berlubang, tampalan dan bahu jalan diratakan serta parit dan bahu jalan disenggara;
  - ii. keselamatan dan keselesaan jalan diukur melalui indikator seperti garisan jalan jelas/tidak kabur, bahu jalan tidak terlalu sempit dan perabot jalan (*guardrail*, papan tanda, lampu jalan) disenggara; dan
  - iii. keadaan jalan raya negeri diukur melalui indikator sama ada berada dalam keadaan baik, memuaskan dan tidak memuaskan.
- b. Terdapat 250 soal selidik yang telah dihantar, sebanyak 235 responden yang memberi maklum balas menyatakan ada menggunakan jalan raya dan lain-lain jalan di negeri Kedah. Sebanyak 77 responden (32.7%) memaklumkan mereka ada menggunakan jalan pertanian dan 144 responden (61.3%) menyatakan mereka ada menggunakan jalan kampung.
- c. Analisis Audit mendapati sebanyak 27.1% hingga 45.1% responden berpendapat kualiti penyenggaraan jalan adalah baik dan memuaskan manakala 27.8% hingga 31.5% menyatakan kualiti penyenggaraan tidak memuaskan. **Perkara ini disebabkan tampalan jalan tidak rata, jalan kembali rosak, berlubang kembali dan bahu jalan tidak rata.**
- d. Selanjutnya, sebanyak 24.7% hingga 52% menyatakan aspek keselamatan dan keselesaan jalan adalah baik dan memuaskan. Bagaimanapun, 23.2% hingga 26.8% responden tidak berpuas hati. Responden berpendapat keselamatan dan keselesaan jalan tidak memuaskan **disebabkan garisan jalan tidak jelas, tiada lampu dan bahu jalan sempit.**
- e. Lebih ramai responden berpendapat keadaan jalan raya negeri adalah baik dan memuaskan dengan tahap kepuasan antara 29.2% hingga 52%. Responden yang berpendapat keadaan jalan raya negeri tidak memuaskan adalah antara 18.2% hingga 21.7%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 15.**

**JADUAL 15**  
**TAHAP KEPUASAN PENGGUNA JALAN RAYA NEGERI**

BIL.	AGENSI PELAKSANA / PENYENGGARAAN	JUMLAH MAKLUM BALAS	PENCAPAIAN (%)									
			KUALITI PENYENGGARAAN JALAN			KESELAMATAN DAN KESELESAAN			KEADAAN JALAN RAYA NEGERI			
			B	M	TM	B	M	TM	B	M	TM	
1.	JKR	Jalan Raya Negeri	235	28.5	40.0	31.5	27.6	45.5	26.8	31.5	46.4	21.7
2.	JPS	Jalan Pertanian	77	27.2	42.9	29.9	24.7	52.0	23.2	29.9	52.0	18.2
3.	PDT	Jalan Kampung	144	27.1	45.1	27.8	25.7	50.7	23.6	29.2	50.7	20.1

Sumber: Jabatan Audit Negara


B: Baik

M: Memuaskan

TM: Tidak Memuaskan


- f. Berdasarkan analisis terhadap maklum balas yang diterima, analisis selanjutnya seperti **Carta 1** hingga **Carta 3**.

**CARTA 1**




Berdasarkan **Carta 1**, seramai 121 atau 51.5% responden mengetahui saluran untuk menyalurkan aduan berbanding seramai 114 atau 48.5% responden tidak mengetahuinya.

**CARTA 2**



Berdasarkan **Carta 2**, seramai 48 atau 20.4% responden pernah membuat aduan kerosakan berkaitan jalan raya negeri berbanding seramai 187 atau 79.6% tidak pernah membuat aduan.

**CARTA 3**



Berdasarkan **Carta 3**, seramai 162 atau 69% responden berpuas hati dengan tindakan yang diambil berbanding seramai 73 atau 31% responden tidak berpuas hati.

- g. Responden juga mencadangkan agar tindakan diambil untuk memperbaiki kelemahan seperti melaksanakan pemantauan secara lebih kerap, memastikan tampalan *pothole* mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta mengecat semula garisan jalan yang pudar. Selain itu, **responden juga menyarankan agar perabot jalan seperti *guardrails*, *barrier*, *road signages*, lampu atau *reflector* dipasang dengan mencukupi.**

#### **Maklum Balas JKR Negeri Kedah yang Diterima pada 8 Oktober 2020 dan 7 Mac 2021**

Pihak JKR memaklumkan telah melaksanakan penilaian pencapaian keberhasilan terhadap penyenggaraan jalan negeri mulai tahun 2020. Pelaksanaan penilaian berkenaan dibuat seperti mana penilaian terhadap penyenggaraan jalan persekutuan yang telah dilaksanakan.

#### **Maklum Balas JPS Negeri Kedah yang Diterima pada 1 Oktober 2020 dan 18 Oktober 2020**

Pihak JPS memaklumkan telah menyediakan borang soal selidik untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kerja penyenggaraan dan tahap kepuasan pengguna. Maklum balas pengguna terhadap keselamatan dan keselesaan jalan yang tidak memuaskan adalah tidak menggambarkan keseluruhan populasi pengguna sebenar jalan pertanian.

**Pendapat Audit** **Pencapaian keberhasilan terhadap penyenggaraan jalan yang dilaksanakan tidak dapat dinilai kerana pihak JKR, JPS dan PDT belum menyediakan kaedah penilaian pencapaian keberhasilan pelaksanaan kerja penyenggaraan semasa pengauditan dijalankan. Pihak JKR hanya melaksanakan penilaian berkenaan mulai tahun 2020. Pengurusan aduan oleh JKR telah diuruskan dengan efektif apabila semua aduan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan. Selain itu, lebih ramai responden berpendapat keadaan jalan raya negeri adalah baik dan memuaskan berbanding responden yang berpendapat tidak memuaskan.**

## 5.2. Pengurusan Penyenggaraan Jalan

### 5.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menghendaki Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan khusus kepada Kerajaan negeri bagi maksud menyenggara jalan Negeri. Pemberian tersebut diperakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KWAPJN) yang dikawal oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.
- b. Majlis Kewangan Negara (MkewN) menetapkan paras minimum perbelanjaan adalah 85% daripada jumlah pemberian yang disalurkan. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Bil. 1 Tahun 2015 juga menetapkan paras prestasi perbelanjaan wang pemberian yang memuaskan adalah pada tahap 85% dan ke atas. Jika tidak, peruntukan yang disalurkan adalah berdasarkan perbelanjaan sebenar pada tahun sebelumnya. Pertimbangan ke atas penyaluran baki kelayakan akan dibuat selepas prestasi perbelanjaan suku ketiga melepassi paras 85% perbelanjaan.
- c. Semakan Audit mendapati jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan meningkat setiap tahun bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, iaitu masing-masing berjumlah RM212.58 juta, RM218.96 juta, RM254.99 juta dan RM258.88 juta. Bagi tempoh tersebut, peruntukan diagihkan kepada agensi pelaksana masing-masing berjumlah RM201.04 juta (2017), RM224.05 juta (2018), RM219.28 juta (2019) dan RM211.22 juta (2020). Perbelanjaan sebenar bagi tempoh yang sama berjumlah RM183.02 juta (2017), RM178.03 juta (2018), RM214.38 juta (2019) dan RM186.13 juta (2020).

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati paras minimum perbelanjaan sebanyak 85% seperti yang ditetapkan MkewN hanya dapat dicapai pada tahun 2017 (86.1%). Pada tahun 2018, perbelanjaan yang dilaksanakan hanya 81.3% berbanding pemberian Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM218.96 juta. Prestasi perbelanjaan JKR dan JPS pada tahun tersebut hanya mencapai 77.3% dan 72.1% daripada peruntukan yang disalurkan menyumbang kepada sasaran perbelanjaan minimum sebanyak 85% tidak dapat dicapai.
- e. Pada tahun 2020 pula, perbelanjaan yang dilaksanakan hanya mencapai 71.9% berbanding pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM258.88 juta. Perkara ini disebabkan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada agensi pelaksana hanya RM211.22 juta, iaitu berkurangan RM47.66 juta berbanding pemberian Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Kedah. Kesannya, perbelanjaan minimum sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pemberian yang disalurkan tidak dapat dicapai. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN**  
**JALAN RAYA NEGERI KEDAH TAHUN 2017 SEHINGGA 2020**

TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Juta)	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN PERSEKUTUAN (%)
<b>TAHUN 2017</b>					
212.58	PPNK	-	0.09	-	86.1
	JKR	117.48	101.89	86.7	
	JPS	53.00	53.77	101.5	
	PDT	30.56	27.27	89.2	
	<b>JUMLAH</b>	<b>201.04</b>	<b>183.02</b>	<b>91.0</b>	
<b>TAHUN 2018</b>					
218.96	PPNK	-	0.14	-	81.3
	JKR	127.70	98.69	77.3	
	JPS /PBT*	56.05	40.42	72.1	
	PDT	40.30	38.78	96.2	
	<b>JUMLAH</b>	<b>224.05</b>	<b>178.03</b>	<b>79.5</b>	
<b>TAHUN 2019</b>					
254.99	PPNK	-	0.16	-	84.1
	JKR	109.10	105.86	97.0	
	JPS /PBT*	57.33	56.68	98.9	
	PDT	52.85	51.68	97.8	
	<b>JUMLAH</b>	<b>219.28</b>	<b>214.38</b>	<b>97.8</b>	

TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Juta)	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)	PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN PERSEKUTUAN (%)
<b>TAHUN 2020</b>					
258.88	PPNK	-	0.05	-	71.9
	JKR	120.83	96.85	80.2	
	JPS /PBT*	52.03	51.60	99.2	
	PDT	38.36	37.63	98.1	
	<b>JUMLAH</b>	<b>211.22</b>	<b>186.13</b>	<b>88.1</b>	
<b>945.41</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>855.59</b>	<b>761.56</b>	<b>89.0</b>	<b>80.6</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

Nota (\*): Transaksi tahun 2018 hingga 2020 yang dilaksanakan oleh PBT dan syarikat konsesi

- f. Berdasarkan **Jadual 16**, pihak Audit mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM855.59 juta (90.5%) kepada semua agensi pelaksana daripada RM945.41 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh tersebut, agensi telah melanjutkan sejumlah RM761.56 juta (89%) bagi melaksanakan penyenggaraan jalan. Jumlah ini termasuk RM160.26 juta bagi menyenggara jalan yang diselia oleh PBT iaitu jalan perbandaran, jalan kawasan perumahan dan lorong belakang. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah RM34.85 juta dilaksanakan secara terus oleh PBT manakala RM125.41 juta dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh JPS. Hal ini kerana syarikat konsesi berkenaan juga bertanggungjawab menyenggara jalan pertanian yang diselia JPS. Jumlah ini turut mengambil kira bayaran yang tidak dapat diproses pada akhir tahun kerana dokumen sokongan tidak lengkap walaupun kerja-kerja penyenggaraan telah dilaksanakan oleh agensi.
- g. Sehingga 31 Disember 2020, baki terkumpul KWAPJN mencatatkan peningkatan sejumlah RM155.63 juta (16.6%), iaitu daripada RM935.63 juta pada tahun 2017 kepada RM1,091.26 juta pada tahun 2020. Hal ini disebabkan prestasi perbelanjaan tahunan kurang memuaskan berbanding jumlah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, mengakibatkan jumlah baki terkumpul yang belum dibelanjakan terus meningkat. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**KEDUDUKAN AKAUN KUMPULAN WANG**  
**PENYENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI KEDAH TAHUN 2017 SEHINGGA 2020**

TAHUN	BAKI TERKUMPUL 1 JANUARI (RM Juta) (a)	TERIMAAN WANG PEMBERIAN* (RM Juta) (b)	JUMLAH PERBELANJAAN* (RM Juta) (c)	BAKI TERKUMPUL 31 DISEMBER (RM Juta) [d=a+b-c]
2017	905.88	382.11	352.36	935.63
2018	935.63	543.55	501.28	977.90
2019	977.90	254.99	214.38	1,018.51
2020	1,018.51	258.88	186.13	1,091.26

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

Nota: (\*) - Jumlah terimaan dan perbelanjaan yang dilaporkan di Penyata Kewangan tahun 2017 dan 2018 termasuk transaksi bukan tunai

**Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri semasa Mesyuarat Penutup yang Diterima pada 18 Oktober 2020**

Pejabat Perbendaharaan Negeri memaklumkan sasaran perbelanjaan minimum 85% pada tahun 2018 dan 2019 tidak dapat dicapai apabila bayaran kepada syarikat konsesi pada akhir tahun tidak dapat diproses. Ini kerana dokumen sokongan bayaran lewat dikemukakan. Tuntutan bayaran dalam jumlah yang besar telah menjaskankan prestasi perbelanjaan. Pihak agensi telah diarahkan untuk merancang kerja dan mengemukakan tuntutan bayaran interim dalam jumlah besar lebih awal.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Kedah adalah kurang memuaskan. Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang diterima tidak disalurkan sepenuhnya kepada agensi pelaksana walaupun ada lebihan (surplus) sejak tahun 2017. Pemberian Kerajaan Persekutuan yang tidak digunakan sepenuhnya boleh memberi kesan kepada pelaksanaan penyenggaraan jalan negeri.</b>
-----------------------	--

### 5.2.2. Kaedah Perolehan dan Pembayaran

5.2.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK 2 menetapkan beberapa kaedah perolehan bagi semua perolehan Kerajaan. Ia untuk memastikan semua perolehan diurus secara terbaik dan menguntungkan. Lantikan terus dilaksanakan bagi kerja bernilai sehingga RM20,000. Pembelian terus bagi bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan sehingga nilai RM50,000.

Tawaran sebut harga perlu dibuat bagi memperoleh bekalan atau perkhidmatan bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 manakala bagi kerja adalah di antara RM20,000 hingga RM500,000. Perolehan melebihi RM500,00 dilaksanakan secara tender. Rundingan terus dibuat tanpa mengira had nilai tetapi memerlukan kelulusan khas Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri.

5.2.2.2. Kaedah perolehan kerja bagi perkhidmatan penyenggaraan jalan negeri di enam agensi pelaksana yang terpilih adalah melalui sebut harga, undian, lantikan terus dan rundingan terus dengan kontraktor kelas G1 dan G2. Selain itu, JKR dan JPS juga melaksanakan perolehan secara rundingan terus dengan syarikat konsesi.

5.2.2.3. Pada tahun 2015, Kerajaan negeri telah melantik dua syarikat konsesi bagi menyenggara jalan raya Negeri. Syarikat 16289-A dilantik bagi menyenggara jalan yang diselia JKR Negeri Kedah. Tempoh kontrak bermula bulan Jun 2015 hingga September 2019, termasuk dua perjanjian tambahan setelah perjanjian asal tamat pada bulan Jun 2018. Syarikat konsesi kedua, Syarikat 1078128-T dilantik untuk menyenggara jalan pertanian yang diselia oleh JPS serta jalan perbandaran yang diselia oleh PBT.

5.2.2.4. Semakan Audit mendapati berlaku ketidakpatuhan terhadap tatacara perolehan dan bayaran di JKR Daerah Baling, JKR Daerah Kubang Pasu dan PDT Pendang seperti berikut:

**a. Tiada Tempoh Tanggungan Kecacatan Selepas Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan**

- i. Arahan Perbendaharaan 200.5(i)(ii) menetapkan tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak kerja bernilai antara RM20,000 hingga RM500,000 adalah enam bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM500,000, tempoh tanggungan hendaklah sekurang-kurangnya 12 bulan. Dalam keadaan tertentu, bergantung kepada jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan melebihi daripada enam bulan boleh dikenakan.
- ii. Tempoh tanggungan tersebut perlu dikenakan kepada kontraktor yang telah menyiapkan kerja bagi membolehkan jabatan mengarahkan kontraktor melaksanakan kerja pembaikan dan menanggung kos membaiki kerosakan selepas kerja disiapkan.

iii. Semakan Audit mendapati **sebanyak 155 kerja penyenggaraan berjumlah RM11.94 juta yang siap dilaksanakan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 tidak dikenakan tempoh tanggungan kecacatan**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56 kerja berjumlah RM2.91 juta dilaksanakan oleh JKR Daerah Baling, 20 kerja berjumlah RM0.96 juta di JKR Daerah Kubang Pasu manakala 79 kerja berjumlah RM8.07 juta di PDT Pendang. Walaupun tempoh tanggungan kecacatan perlu dinyatakan seperti Perkara 200.5 Arahan Perbendaharaan, namun tempoh berkenaan tidak dicatat dalam Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan.

### **Maklum Balas JKR Daerah Baling yang Diterima pada 8 Oktober 2020**

JKR Daerah Baling memaklumkan pihaknya membuat penambahbaikan ke atas perkara yang dibangkitkan. Jurutera Daerah telah mengeluarkan memo arahan kepada pihak terlibat bagi memastikan tempoh tanggungan kecacatan diambil kira dalam projek kerja akan datang.

### **Maklum Balas JKR Daerah Kubang Pasu yang Diterima pada 8 Oktober 2020**

Pejabat ini beranggapan bahawa sesetengah kerja penyenggaraan seperti *pothole* dan perparitan tidak memerlukan tempoh tanggungan kecacatan memandangkan ia termasuk di bawah kerja berkala. Bagaimanapun, bermula tahun 2020 tempoh perkara tersebut akan dimasukkan dalam dokumen undi dan sebut harga berkaitan.

### **Maklum Balas PDT Pendang yang Diterima pada 26 Ogos 2020**

Perakuan siap kerja telah dinyatakan pada borang sebut harga, namun tidak dinyatakan di dalam surat perakuan siap kerja. Jabatan ini mengambil maklum dan akan menyediakan perakuan siap kerja secara bertulis.

**Pendapat Audit** | Tempoh tanggungan kecacatan adalah tidak memuaskan kerana tidak dinyatakan dengan jelas dalam Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan. Adalah penting kontraktor dimaklumkan secara bertulis berhubung tanggungjawab untuk melaksanakan pemberian terhadap kecacatan kerja yang mungkin wujud.

**b. Bekalan Stor Tidak Dibekalkan Mengikut Spesifikasi**

- i. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i)(ii) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Baucar bayaran hendaklah disokong dengan suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja berkaitan telah diterima.
- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran 17CGBB0400199 bertarikh 8 Oktober 2017 berjumlah RM19,998.50 yang dibayar oleh JKR Daerah Baling mendapati bekalan stor, iaitu cat yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Item yang diterima berbeza dengan item yang dipesan namun pembayaran telah dibuat mengikut jenis dan spesifikasi yang dipesan.** Berdasarkan pesanan tempatan bernombor 17CGP03000038 dan bil tuntutan pembekal mendapati bayaran dibuat untuk 30 tin cat *steel paint white colour*, 30 tin cat *steel paint black colour* dan 10 batang *roller brush small size*. Bagaimanapun, item pesanan yang diterima adalah 30 tin jenis *roadline Nippon paint white colour*, 30 tin *roadline Nippon paint black colour* dan 10 batang *roller brush small size*.
- iii. Pihak Audit telah membuat perbandingan harga perolehan cat jenis *roadline* berdasarkan sebut harga yang diperoleh jabatan pada tahun 2019. Semakan yang dibuat mendapati **wujud perbezaan harga bagi cat yang digunakan pada *steel* dan juga pada *roadline* di mana harga cat pada *roadline* adalah lebih rendah berbanding *steel* dengan perbezaan dianggarkan sebanyak RM12,861**. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**BEKALAN STOR TIDAK DIBEKALKAN MENGIKUT SPESIFIKASI**

BIL.	PESANAN				TERIMAAN				HARGA CAT <i>ROADLINE</i> BERDASARKAN SEBUT HARGA TAHUN 2019		PERBEZAAN
	JENIS BEKALAN	UNIT	HARGA SEUNIT* (RM)	JUMLAH (RM)	JENIS BEKALAN	UNIT	JUMLAH (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)		
1.	<i>Steel paint white colour</i>	30	332.35	9,970.50	<i>Roadline Nippon paint white colour</i>	30		118	3,540	6,430.50	
2.	<i>Steel paint black colour</i>	30	332.35	9,970.50	<i>Roadline Nippon paint black colour</i>	30		118	3,540	6,430.50	
	<b>JUMLAH</b>			<b>19,941.00</b>					<b>7,080</b>	<b>12,861.00</b>	

BIL.	PESANAN				TERIMAAN				HARGA CAT ROADLINE BERDASARKAN SEBUT HARGA TAHUN 2019		PERBEZAAN
	JENIS BEKALAN	UNIT	HARGA SEUNIT* (RM)	JUMLAH (RM)	JENIS BEKALAN	UNIT	JUMLAH (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)		
3.	Roller brush small size	10	5.75	57.50	Roller brush small size	10	-	-	-	-	
<b>JUMLAH PESANAN</b>				<b>19,998.50</b>	<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<b>19,998.50</b>		<b>7,080</b>	<b>12,861.00</b>	

Sumber: JKR Daerah Baling

Nota: (\*) - Harga termasuk keuntungan 15%

### Maklum Balas JKR Daerah Baling yang Diterima pada 8 Oktober 2020

JKR Daerah Baling memaklumkan terdapat keperluan mendesak untuk mendapatkan cat *roadline*. Pihaknya telah meminta pembekal untuk membekalkan cat *roadline* dan bukannya cat *steel paint*. Stok cat tersebut telah digunakan sepenuhnya.

### Maklum Balas JKR Negeri Kedah yang Diterima pada 2 November 2020

JKR Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat dengan lebih terperinci.

**Pendapat Audit** | Wujud *improper payment* terhadap bayaran yang dibuat kerana bekalan yang diterima tidak seperti dinyatakan dalam dokumen pesanan.

### c. Bayaran GST Pada Kadar 6% Dalam Tempoh GST Pada Kadar Standard 0%

- Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 mula berkuat kuasa pada 1 April 2015. Semua jenis perkhidmatan yang dilaksanakan adalah dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%. Perkhidmatan pembinaan yang dikenakan GST adalah nilai kerja dan bahan kekal yang digunakan. Cukai yang telah dikenakan perlu dibayar kepada Kerajaan dikenali sebagai cukai output. Bagaimanapun, mulai 1 Jun 2018 GST telah dikenakan pada kadar 0% sebelum dimansuhkan dan diganti dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 September 2018.

- ii. Dua inden kerja telah dikeluarkan pada 23 Mei 2018 oleh PDT Pendang bagi melaksanakan kerja penyenggaraan jalan. Nilai kerja yang dilaksanakan adalah masing-masing berjumlah RM356,984.89 (termasuk GST, RM20,206.69) dan RM328,159.05 (termasuk GST, RM18,575.04). Semakan Audit terhadap *daily site records* kontraktor bernombor pendaftaran 1961103-KD011900 mendapati tarikh sebenar kerja dimulakan adalah pada 18 Julai 2018 dan disiapkan pada 15 Ogos 2018. Semakan Audit selanjutnya dijalankan terhadap *daily site records* kontraktor bernombor pendaftaran 583119-M mendapati tarikh sebenar kerja dimulakan adalah pada 5 Julai 2018 dan disiapkan pada 15 Ogos 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**BAYARAN GST BAGI KERJA YANG DILAKSANAKAN**  
**DALAM TEMPOH GST BERKADAR STANDARD 0%**

PERKARA	BUTIRAN LANJUT	
KONTRAKTOR	1961103-KD011900	583119-M
NO. INDEN KERJA / TARIKH	18GOIK0300014 / 23.5.2018	18GOIK0300012 / 23.5.2018
KOS KERJA / GST 6%	RM309,584.00 / RM18,575.04	RM336,778.20 / RM20,206.69
TARIKH MULA / SIAP KERJA	23.05.2018 / 15.8.2018	23.05.2018 / 15.8.2018
BAUCAR BAYARAN / TARIKH	18GOBB0400026 / 26.08.2018	18GOBB0400028 / 24.9.2018
JUMLAH	RM328,159.04	RM356,984.89

Sumber: PDT Pendang

- iii. Semakan Audit mendapati **PDT Pendang telah membuat dua bayaran GST berjumlah RM38,781.73 kepada kontraktor 1961103-KD011900 dan 583119-M walaupun kadar GST pada ketika itu adalah pada kadar 0%**. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Negeri Kedah telah memaklumkan dua syarikat tersebut tidak membuat apa-apa bayaran GST ke atas bayaran yang diterima daripada PDT Pendang. Pihak Kastam memaklumkan kerja yang bermula dan disiapkan dalam tempoh 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 adalah dikenakan GST berkadar 0%.

**Maklum Balas PDT Pendang yang Diterima pada 27 Oktober 2020 dan 11 Januari 2021**

PDT Pendang memaklumkan pihaknya telah menerima keseluruhan tuntutan bayaran balik berjumlah RM38,781.73 dari kontraktor terlibat. Bayaran balik berkenaan diterima pada 13 dan 14 Oktober serta 14 dan 23 Disember 2020.

**Pendapat Audit** **Pembayaran GST tidak berlaku sekiranya jabatan peka dan lebih berhati-hati semasa membuat semakan dan kelulusan bayaran. Ini kerana arahan Kerajaan adalah jelas bahawa GST pada kadar 0% dikenakan untuk tempoh 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 dan dimansuhkan mulai 1 September 2018. Bagaimanapun, PDT Pendang telah mengambil tindakan sewajarnya dengan mengutip semula bayaran GST tersebut daripada kontraktor terlibat selepas penemuan isu Audit.**

### 5.2.3. Pendaftaran dan Pengemaskinian Maklumat Jalan dalam MARRIS Online

5.2.3.1. Perenggan 8.7 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri menyatakan proses pendaftaran jalan dilaksanakan oleh JKR Negeri atau agensi yang dibenarkan ke dalam Sistem MARRIS *Online*. Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri menghendaki JKR atau agensi pelaksana mengemas kini jalan dengan maklumat koordinat *Global Positioning System (GPS)*. Kementerian Kewangan mengarahkan agar pengemaskinian koordinat GPS hendaklah melebihi 80% pada tahun 2017. Jalan yang didaftarkan tanpa koordinat GPS boleh menyebabkan Negeri kurang menerima pemberian Kerajaan Persekutuan berbanding jumlah yang sepatutnya.

5.2.3.2. Laporan pemantauan maklumat koordinat GPS sehingga 31 Disember 2020 mendapati sebanyak 29,874 (84.3%) daripada 35,439 jalan yang didaftarkan di negeri Kedah telah dikemas kini. Pengemaskinian koordinat jalan yang diselia oleh semua agensi pelaksana telah mencapai arahan Kementerian Kewangan, iaitu melebihi 80%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**PENCAPAIAN MAKLUMAT JALAN YANG TELAH DIKEMAS KINI**  
**DENGAN KOORDINAT GPS SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI	BILANGAN JALAN		PENCAPAIAN (%)
		KESELURUHAN	DIKEMAS KINI DENGAN KOORDINAT GPS	
1.	JKR	657	656	99.8
2.	JPS	1,597	1,580	98.9
3.	PBT	21,996	18,644	84.8
4.	PDT	11,189	8,994	80.4
	<b>JUMLAH</b>	<b>35,439</b>	<b>29,874</b>	<b>84.3</b>

Sumber: JKR Negeri Kedah

5.2.3.3. Semakan Audit mendapati JKR Daerah Baling, JKR Daerah Kubang Pasu, JPS Daerah Kubang Pasu, PDT Padang Terap dan PDT Pendang telah mengemas kini semua jalan yang diselia. Hanya satu daripada 265 jalan (0.4%) belum dikemas kini oleh JPS Kuala Muda. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**PENCAPAIAN MAKLUMAT JALAN YANG TELAH DIKEMAS KINI**  
**DENGAN KOORDINAT GPS OLEH AGENSI PELAKSANA SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI	BILANGAN JALAN		PENCAPAIAN (%)
		KESELURUHAN	DIKEMAS KINI DENGAN KOORDINAT GPS	
1.	JKR Daerah Baling	92	92	100
2.	JKR Daerah Kubang Pasu	104	104	100
3.	JPS Daerah Kuala Muda	265	264	99.6
4.	JPS Daerah Kubang Pasu	182	182	100
5.	PDT Padang Terap	1,451	1,451	100
6.	PDT Pendang	405	405	100
<b>JUMLAH</b>		<b>2,499</b>	<b>2,498</b>	<b>99.9</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

### **Maklum Balas JKR Negeri Kedah yang Diterima pada 8 Oktober 2020, 2 November 2020 dan 24 Disember 2020**

JKR Negeri Kedah memaklumkan pengemaskinian maklumat jalan dengan koordinat GPS dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pengauditan berkaitan perkara tersebut dijalankan setiap tahun bagi memastikan data jalan boleh dipercayai. Sehingga 30 Disember 2020, sebanyak 35,439 jalan telah direkodkan bagi seluruh negeri Kedah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29,874 jalan atau 84.3% telah dikemas kini dengan koordinat GPS.

**Pendapat Audit** | Pengemaskinian pendaftaran jalan dalam **MARRIS online** adalah baik apabila pendaftaran koordinat jalan dengan maklumat GPS melebihi kadar minimum 80% seperti yang ditetapkan Kementerian Kewangan.

## **5.2.4. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan - Syarikat Konsesi Lewat Menyiapkan Arahan Kerja**

Merujuk Seksyen II Bahagian D, Klausula 12, Perjanjian Konsesi, syarikat hendaklah menyerahkan program kerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju Terima. Ini bagi memastikan perjalanan aktiviti kerja syarikat konsesi dapat dipantau. Klausula 43.1 perjanjian konsesi pula menyatakan apabila berlaku kelambatan kemajuan kerja, syarikat konsesi hendaklah dengan serta-merta memberikan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa sebab kelambatan dan menyatakan alasan beserta dengan dokumen sokongan. Kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah berdasarkan kepada Arahan Kerja (AK) yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

### **5.2.4.1. Syarikat Konsesi Seliaan JKR**

- a. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, JKR Daerah Kubang Pasu dan JKR Daerah Baling mengeluarkan sebanyak 126 AK berjumlah RM42.81 juta.
- b. Semakan Audit mendapati **79 kerja (62.7%) berjumlah RM27.05 juta daripada 126 AK yang dikeluarkan telah lewat disiapkan**. Daripada jumlah tersebut, 45 AK berjumlah RM12.44 juta dikeluarkan oleh JKR Daerah Baling manakala 34 AK berjumlah RM14.61 juta dikeluarkan oleh JKR Daerah Kubang Pasu. Tempoh kelewatan menyiapkan kerja berkenaan adalah masing-masing antara satu hingga 104 hari dan satu hingga 79 hari dari tarikh kerja sepatutnya disiapkan seperti dinyatakan dalam AK. Butiran lanjut tempoh kelewatan penyiapan kerja penyenggaraan yang dijalankan syarikat konsesi di JKR Daerah Baling dan JKR Daerah Kubang Pasu adalah seperti **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**KERJA LEWAT DISIAPKAN BERBANDING PROGRAM KERJA**  
**YANG DIRANCANG BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	BIL. AK	KOS KERJA (RM Juta)	SIAP SEBELUM/ MENGIKUT TEMPOH	TEMPOH KELEWATAN (HARI)					KOS KERJA (RM Juta)
				1-30	31 - 60	61 - 90	>90	JUMLAH	
<b>SYARIKAT KONSESI: JKR BALING</b>									
2017	38	10.63	22	9	6	-	1	16	5.17
2018	17	5.01	6	8	2	1	-	11	3.11
2019	24	6.41	6	9	8	1	-	18	4.16
<b>JUMLAH</b>	<b>79</b>	<b>22.05</b>	<b>34</b>	<b>26</b>	<b>16</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>45</b>	<b>12.44</b>
<b>SYARIKAT KONSESI: JKR KUBANG PASU</b>									
2017	20	9.61	9	9	1	1	-	11	4.36

TAHUN	BIL. AK	KOS KERJA (RM Juta)	SIAP SEBELUM/ MENGIKUT TEMPOH	TEMPOH KELEWATAN (HARI)					
				1-30	31 - 60	61 – 90	>90	JUMLAH	KOS KERJA (RM Juta)
2018	11	4.80	1	3	3	4	-	10	4.70
2019	16	6.35	3	8	4	1	-	13	5.55
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>20.76</b>	<b>13</b>	<b>20</b>	<b>8</b>	<b>6</b>	<b>-</b>	<b>34</b>	<b>14.61</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

- c. Pihak JKR Daerah memaklumkan antara sebab kelewatan ialah syarikat konsesi lewat memulakan kerja. Hal ini kerana syarikat konsesi mendapat arahan kerja secara serentak daripada JKR yang memberi kesan terhadap penggunaan mesin dan tenaga buruh. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati syarikat konsesi tidak memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pengguna mengenai kelambatan dan tidak memberikan sebab berserta dengan dokumen sokongan seperti yang disyaratkan. Kelewatan dalam menyiapkan kerja yang diarahkan memberi persepsi yang tidak baik di kalangan orang awam kepada pihak Kerajaan.

#### **Maklum Balas JKR Negeri Kedah yang Diterima pada 8 Oktober 2020**

Pihak JKR Negeri Kedah memaklumkan syarikat konsesi lewat menyiapkan kerja kerana mendapat AK secara serentak selepas diluluskan Pegawai Kewangan Negeri. Pihak JKR menyerahkan semua AK kepada syarikat konsesi bagi memudahkan syarikat merancang pelaksanaan kerja. Keperluan melaksanakan kerja secara serentak telah memberi kesan terhadap penggunaan mesin dan tenaga buruh syarikat. Bagi tahun 2021, pihak konsesi akan diarahkan menyediakan perancangan kerja (*master program* bagi semua daerah) untuk memudahkan pemantauan dan asas pengeluaran Arahan Kerja.

#### **5.2.4.2. Syarikat Konsesi Seliaan JPS**

- a. Semakan Audit dilaksanakan terhadap 54 sampel AK yang dikeluarkan pada tahun 2018. Sebanyak 15 kerja bernilai RM0.65 juta dikeluarkan oleh JPS Daerah Kubang Pasu manakala baki 39 kerja bernilai RM2.20 juta oleh JPS Daerah Kuala Muda. Semakan Audit mendapati 10 kerja yang dilaksanakan lewat disiapkan. Sebanyak empat AK berjumlah RM0.24 juta dikeluarkan oleh JPS Daerah Kubang Pasu dengan tempoh kelewatan antara 18 hingga 107 hari. Kelewatan juga berlaku ke atas enam AK berjumlah RM0.35 juta di JPS Daerah Kuala Muda dengan tempoh kelewatan antara 43 hingga 155 hari.

- b. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPS, pelaksanaan kerja di jalan pertanian bergantung kepada musim menuai atau musim tengkujuh. Pihak konsesi terpaksa mengubah jadual pelaksanaan kerja sama ada diawalkan atau dilewatkan bergantung kepada keadaan cuaca. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati syarikat konsesi tidak memberikan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa mengenai kelambatan dan tidak memberikan sebab berserta dokumen sokongan seperti disyaratkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 23** dan **Jadual 24**.

**JADUAL 23**  
**TEMPOH SIAP KERJA OLEH SYARIKAT KONSESI**  
**DI JPS DAERAH KUBANG PASU DAN JPS DAERAH KUALA MUDA**

TAHUN	BIL. AK	KOS KERJA (RM Juta)	SIAP SEBELUM/ MENGIKUT TEMPOH	TEMPOH KELEWATAN (HARI)					KOS KERJA (RM Juta)
				1-60	61-100	101-155	JUMLAH		
<b>SYARIKAT KONSESI: JPS DAERAH KUBANG PASU</b>									
2018	15*	0.65	11	2	1	1	4	0.24	
<b>SYARIKAT KONSESI: JPS DAERAH KUALA MUDA</b>									
2018	39**	2.20	33	2	3	1	6	0.35	

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah

Nota: (\*) - Empat kerja tambahan yang tidak dirancang  
(\*\*) - Lima kerja tambahan yang tidak dirancang

**JADUAL 24**  
**KELEWATAN PENYIAPAN KERJA**  
**DI JPS DAERAH KUBANG PASU DAN JPS DAERAH KUALA MUDA**

BIL.	NAMA JALAN/TAMAN	JUMLAH (RM Juta)	PROGRAM KERJA		MULA KERJA SEBENAR	SIAP KERJA SEBENAR	LEWAT (Hari)
			RANCANG MULA KERJA	RANCANG SIAP KERJA			
<b>JPS DAERAH KUBANG PASU</b>							
1.	Jalan Kg. Lembah (Alor Musa)	0.02	19/5/2018	6/6/2018	12/8/2018	15/8/2018	70
2.	Jalan Sg. Bata Kg. Kunluang - Kg. Makpap	0.06	10/6/2018	2/7/2018	20/8/2018	27/10/2018	107
3.	Jalan ABCD Kg. Paya Tok Keong	0.02	5/7/2018	22/7/2018	6/8/2018	9/8/2018	18
4.	Jalan Kg. Kunluang-Kg. Pahana (Sg. Bata)	0.14	25/7/2018	20/8/2018	21/8/2018	16/10/2018	57
	<b>JUMLAH</b>	<b>0.24</b>					
<b>JPS DAERAH KUALA MUDA</b>							
1.	Jalan Ladang Terusan ST	0.10	13/5/2018	6/6/2018	14/8/2018	29/8/2018	84
2.	Jalan Ban Pantai	0.06	23/6/2018	8/7/2018	11/8/2018	20/8/2018	43
3.	Jalan Ladang Alor Tok Sabu	0.03	9/7/2018	18/7/2018	8/9/2018	18/9/2018	62
4.	Jalan Ladang. Alor Tok Panglima	0.03	19/7/2018	25/7/2018	15/9/2018	25/9/2018	62
5.	Jalan Ladang Terusan LV Kanan	0.10	26/8/2018	22/9/2018	8/9/2018	9/11/2018	48
6.	Jalan Ladang Feeder EC5-EC6	0.03	12/2/2019	20/2/2019	8/7/2019	25/7/2019	155
	<b>JUMLAH</b>	<b>0.35</b>					

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah

## **Maklum Balas JPS Negeri Kedah yang Diterima pada 29 September 2020**

JPS Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah memberi arahan kepada syarikat konsesi untuk mengeluarkan notis bertulis kepada Pegawai Pengguna atau wakil Pegawai Pengguna.

**Pendapat Audit** | Kelewatan menyiapkan kerja oleh syarikat konsesi boleh menjelaskan keselamatan pengguna dan seterusnya jalan yang disenggara tidak dapat digunakan pada masa yang sepatutnya.

### **5.2.5. Kualiti Kerja Penyenggaraan Jalan**

Kerja penyenggaraan hendaklah dijalankan dengan sempurna mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Jabatan bertanggungjawab untuk memantau kerja yang dijalankan kontraktor adalah seperti mana *Bill of Quantity (BQ)*. Pihak Audit telah menjalankan lawatan fizikal di beberapa lokasi terpilih bersama Jurutera/Penolong Jurutera/Juruteknik Jabatan. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kualiti kerja penyenggaraan adalah baik kecuali bagi perkara yang dibangkitkan di perenggan berikutnya:

#### **5.2.5.1. Kualiti Kerja Penyenggaraan Berkala**


- a. Merujuk Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, penyenggaraan berkala ialah kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan. Penyenggaraan berkala di JKR Daerah Kubang Pasu, JKR Daerah Baling, JPS Daerah Kuala Muda dan JPS Kubang Pasu adalah melalui pelantikan kontraktor dan syarikat konsesi.
- b. Pihak Audit telah menjalankan lawatan fizikal terhadap 92 sampel bernilai RM17.39 juta, iaitu 31 sampel kerja berjumlah RM12.11 juta dilaksanakan oleh JKR, 51 sampel kerja berjumlah RM4.08 juta oleh JPS dan 10 sampel kerja berjumlah RM1.20 juta oleh PDT. Lawatan Audit mendapati secara umumnya kontraktor dan syarikat konsesi telah melaksanakan kerja mengikut AK, spesifikasi dan standard kerja yang diluluskan kecuali beberapa kerosakan dan kerja kurang berkualiti yang ditemui semasa lawatan Audit. Namun begitu, semua kerosakan telah dibaiki. Penemuan Audit adalah seperti **Jadual 25**. Beberapa contoh kerosakan jalan adalah seperti **Gambar 5** hingga **Gambar 14**.

**JADUAL 25**  
**PENEMUAN AUDIT BAGI KERJA PENYENGGARAAN BERKALA**

BIL.	PERIHAL KERJA/ JUMLAH (RM)/ NO. ARAHAN KERJA (AK)/NO.BAUCAR/	LOKASI	TARIKH SIAP KERJA	TARIKH LAWATAN	PENEMUAN AUDIT	GAMBAR	
						SEBELUM	SELEPAS
<b>JKR</b>							
1.	Kerja-kerja menyenggara jalan (CIPR) Jumlah: RM1,293,981.55 No. AK: KP/02/2018 (Konsesi 16289-A 2018)	Jalan Batu 20/Kerpan, Kubang Pasu	24.10.2018	8.3.2020	- Terjadi <i>Slipping Crack</i> di tepi garisan putih bahu jalan.	5	6
					- Keadaan jalan yang tinggi dari bahu jalan.	7	8
2.	Kerja-kerja menyenggara jalan serta ( <i>Mill &amp; Pave</i> ) Jumlah: RM1,119,354.14 No. AK: KP/05/2018 (Konsesi 16289-A 2018)	Jalan Perindustrian PKNK, Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu	6.12.2018	9.3.2020	- Kerja membaiki kerosakan jalan dan menampal <i>pothole</i> telah dibuat namun jalan menjadi mendapak disebabkan laluan utama kenderaan berat.	9	10
3.	Kerja-kerja menyenggara jalan di Jalan Jitra/Kelubi serta lain-lain kerja Jumlah: RM774,947.26 No. AK: KP/06/2019. (Konsesi 16289-A 2019)	Jalan Jitra/Kelubi (K273), Kubang Pasu	8.7.2019	8.3.2020	- Terdapat kesan tayar jentera berat di atas jalan yang diturap. - Garisan putih jalan tertanggal.	-	-
4.	Kerja-kerja menyenggara permukaan jalan serta lain-lain kerja berkaitan Jumlah: RM521,895.36 No. AK: B/10/2019 (Konsesi 16289-A 2019)	Jalan Bikan/Badang/Sedim (K166), Baling	15.4.2019	26.2.2020	- Kerosakan jenis <i>shoving</i> disebabkan laluan jalan kenderaan berat. - Terdapat sisa premix tidak dibuang.	-	-
<b>JPS</b>							
1.	Kerja-kerja menyenggara jalan ladang Jumlah: RM31,291.50 No. Baucar:19DNBB0400390 (Kontraktor 2019)	Kg. Damai, Mukim Keplu, Kubang Pasu	19.5.2019	18.2.2020	- Jalan ladang yang diratakan dengan <i>crusher run</i> pada tahun 2019 telah mendapak.	-	-
2.	Kerja-kerja penyenggaraan jalan LBLB8 Jumlah: RM205,714.47 No. Baucar:19DNBB0401425 (Kontraktor 2019)	Jalan LBLB8, Kubang Pasu	25.12.2019	18.2.2020	- Jalan yang disenggara pada tahun 2019 telah rosak semula apabila jentera menuai padi menggunakan jalan tersebut.	-	-
3.	Kerja penyenggaraan jalan di Kg. Pengkalan Kakap Jumlah: RM155,610 (Konsesi 1078128-T 2018)	Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda	3.12.2018	11.3.2020	- Berlaku rekahan pada jalan yang diturap.	11	12
4.	Kerja penyenggaraan jalan Kg. Pengkalan Kakap Jumlah: RM47,034 (Konsesi 1078128-T 2018)	Jalan Ladang Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda	27.3.2019	11.3.2020	- Papan tanda yang dipasang telah rosak dan terbalik.	13	14

BIL.	PERIHAL KERJA/ JUMLAH (RM)/ NO. ARAHAN KERJA (AK)/NO.BAUCAR/	LOKASI	TARIKH SIAP KERJA	TARIKH LAWATAN	PENEMUAN AUDIT	GAMBAR	
						SEBELUM	SELEPAS
5.	Kerja penyenggaraan Jalan Ladang Permatang Samak, Semeling(Luar Skim Merbok) Jumlah: RM67,404.20 No. Baucar:19DNBB0400860 (Kontraktor 2019)	Jalan Ladang Permatang Samak, Semeling (Luar Skim Merbok), Kuala Muda	29.8.2019	11.3.2020	- Jalan ladang yang disenggara jarang digunakan.	-	-
6.	Kerja penyenggaraan jalan Ladang Sg. Bujang (Luar Skim Merbok Jumlah: RM65,440 No. Baucar:18DNBB0401144 (Kontraktor 2018)	Jalan Ladang Sg. Bujang (Luar Skim Merbok), Kuala Muda	2.12.2018	11.3.2020	- Papan tanda yang dipasang telah hilang/dicuri dan kawasan sekitar dipenuhi semak.	-	-
<b>PDT</b>							
1.	Kerja Penyenggaraan Jalan Kampung Pulai Jumlah: RM125,000 No. Baucar:19GOBB0400040 (Kontraktor 2019)	Jalan Kampung Pulai, Mukim Bukit Raya, Pendang	28.11.2019	30.1.2020	- Papan tanda dipasang walaupun papan tanda lama masih boleh digunakan.	-	-
2.	Kerja-kerja menurap semula jalan mini tar serta kerja berkaitan di Kg Padang Lalang. Jumlah: RM193,907.60 No. Baucar: 19GIBB0400028 (Kontraktor 2019)	Kg Padang Lalang, Mukim Padang Temak, Padang Terap (Lorong 2-Lorong Pak Berahim)	1.11.2019	23.1.2020	- Kerosakan pada pembetung yang dipasang.	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara



GAMBAR 5  
Jalan Batu 20/Kerpan, Kubang Pasu  
- Terjadi *Slipping Crack* di Bahu Jalan  
(08.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 6  
Jalan Batu 20/Kerpan, Kubang Pasu  
- Bahu Jalan Telah Siap Disenggara  
(10.09.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**

Jalan Batu 20/Kerpan, Kubang Pasu  
- Pengukuran Bahu Jalan Rendah  
(08.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**

Jalan Batu 20/Kerpan, Kubang Pasu  
- Bahu Jalan Siap Telah Disenggara  
(10.09.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9**

Jalan Perindustrian PKNK,  
Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu  
- Jalan Mendap Laluan Kendaraan Berat  
(09.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**

Jalan Perindustrian PKNK,  
Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu  
- Jalan Mendap Telah Disenggara  
(10.09.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

**GAMBAR 11**

Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda  
- Rekanan Pada Permukaan Jalan Yang Diturap  
(11.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**

Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda  
- Rekanan Pada Permukaan Jalan Telah Dibaiki  
(01.10.2020)  
(Sumber: JPS Daerah Kuala Muda)

**GAMBAR 13**

Jalan Ladang, Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda  
- Papan Tanda Rosak dan Terbalik  
(11.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 14**

Jalan Ladang, Kg. Pengkalan Kakap, Kuala Muda  
- Papan Tanda Telah Ditukar  
(01.10.2020)  
(Sumber: JPS Daerah Kuala Muda)

### 5.2.5.2. Keadaan Jalan Kampung yang Memerlukan Penyenggaraan

Lawatan fizikal Audit bersama pegawai PDT Padang Terap pada 23 Januari 2020 dan 7 Mac 2020 serta PDT Pendang pada 30 Januari 2020 mendapati terdapat jalan yang perlu dibuat penyenggaraan. Pihak Audit dimaklumkan pegawai PDT bahawa jalan tersebut telah dimasukkan dalam perancangan penyenggaraan tahun 2020. Berdasarkan pemakluman PDT Padang Terap, penyenggaraan telah selesai dilaksanakan seperti **Gambar 15** hingga **Gambar 22**.

**GAMBAR 15**



Kg. Batu 19, Kuala Nerang  
- Jalan Rosak  
(23.01.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 16**



Kg. Batu 19, Kuala Nerang  
- Jalan Telah Dibaiki  
(17.11.2020)  
(Sumber: PDT Padang Terap)

**GAMBAR 17**



Kg. Sungai Pisang, Padang Terap  
- Culvert Runtuh  
(07.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 18**



Kg. Sungai Pisang, Padang Terap  
- Culvert dan Jalan Telah Dibaiki  
(17.11.2020)  
(Sumber: PDT Padang Terap)

**GAMBAR 19**



Kg. Alor Parit, Mukim Bukit Raya, Pendang  
- Jalan Rosak  
(30.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 20**



Kg. Alor Parit, Mukim Bukit Raya, Pendang  
- Jalan Telah Disenggara  
(02.11.2020)  
(Sumber: PDT Pendang)

**GAMBAR 21**

Jalan Kg. Batu 20<sup>1/2</sup>, Padang Pusing, Pendang  
- Jalan Kampung Belum Diturap (Aduan)  
(30.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 22**

Jalan Kg. Batu 201/2, Padang Pusing, Pendang  
- Jalan Kampung Telah Diturap  
(02.11.2020)  
(Sumber: PDT Pendang)

### **Maklum Balas PDT Padang Terap yang Diterima pada 19 Ogos 2020**

Pihak PDT Padang Terap memaklumkan jalan Kg. Batu 19 dan jalan Kg. Sungai Pisang telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan bajet penyenggaraan bagi tahun 2020 dan telah diluluskan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Terdapat kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan dengan sebaiknya dan tahap keselamatan jalan negeri tidak dapat dioptimumkan. Namun begitu, tindakan membaiki kerosakan dan menyenggara jalan telah diambil dan selesai dilaksanakan oleh agensi pelaksana terlibat.</b>
-----------------------	--

#### **5.2.6. Pemantauan Projek**

5.2.6.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK 4.7 berkaitan peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengguna antara lain menjelaskan perkara berkaitan penyeliaan projek pembangunan. Pegawai Pengguna adalah pegawai teknikal yang dilantik sebagai wakil Kerajaan untuk mengawas kerja, mentadbir kontrak dan memberi arahan berkaitan kerja menurut peruntukan kontrak. Pegawai Pengguna bertanggungjawab melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap kerja penyenggaraan bagi memastikan kerja dijalankan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja.

5.2.6.2. Pemantauan projek adalah proses untuk mengekalkan tempoh masa penyiapan, kos serta kualiti yang dikehendaki serta dibuat berdasarkan kepada ekspektasi yang ditetapkan. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang

berbangkit semasa pelaksanaan kerja di tapak. Semakan Audit mendapati pemantauan dan penyeliaan projek dilaksanakan melalui lawatan tapak, laporan kemajuan fizikal dan kewangan projek.

### a. Pemantauan Rutin

- i. JKR Negeri Kedah mengarahkan Skuad Ronda diwujudkan di setiap JKR Daerah bagi melaksanakan operasi rondaan memantau jalan negeri. Rondaan pemantauan dilaksanakan setiap bulan mengikut jadual yang ditentukan. Ia untuk memastikan jalan sentiasa dalam keadaan selamat dan bebas lelubang (*pothole*). Semakan Audit mendapati JKR Daerah Kubang Pasu mewujudkan Skuad Ronda bagi melaksanakan operasi rondaan memantau jalan di sekitar Kubang Pasu. Berdasarkan Laporan Rondaan Harian, pihak Audit mendapati pihak JKR Daerah Kubang Pasu telah melaksanakan pemeriksaan rutin mengikut jadual yang ditetapkan.
- ii. Lawatan Audit pada 10 Mac 2020 melibatkan 19 jalan sepanjang 125.9 km di daerah Kubang Pasu mendapati walaupun pemeriksaan rutin dijalankan, kerosakan jalan masih berlaku di beberapa lokasi. Namun begitu, semua kerosakan telah diambil tindakan pemberian selepas menerima teguran Audit. Butirannya adalah seperti **Jadual 26** dan **Gambar 23** hingga **Gambar 30**.

**JADUAL 26**  
**PENEMUAN PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT TERHADAP JALAN**  
**YANG DISENGGARA DI JKR DAERAH KUBANG PASU**

BIL.	KERJA RUTIN	PENEMUAN AUDIT	LOKASI	TARIKH LAWATAN AUDIT	LAPORAN RONDAAN HARIAN		GAMBAR	
					TARIKH RONDAAN	PENEMUAN	SEBELUM	SELEPAS
1.	<i>Pavement</i>	<i>Potholes</i> belum disenggara (patch).	Susur Keluar Jalan Persekutuan 276 / K252 Jalan Kg. Darat	10.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecacatan	23	24
			K103 – Jalan Kg. Bukit Kecik (berhampiran kilang Sin Soon Aik)	10.3.2020	26.2.2020	Pembaikan telah dibuat	-	-
			K103 – Jalan Bt. 15 Jitra / Kg. Bemban / Charok Mokkan	8.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecacatan	-	-
		<i>Pavement defects/damage (surface crack/Slippage/rutting/shoving/ Depression/uneven patching)</i> belum disenggara.	K290 – Jalan Taman Pasu / Kg. Teluk Nibong	8.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecacatan	-	-
			K103 – Jalan Kg. Bukit Kecik	9.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecacatan	25	26
			K020 – Jalan Sintok / Padang Sanai	10.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecacatan	27	28

BIL.	KERJA RUTIN	PENEMUAN AUDIT	LOKASI	TARIKH LAWATAN AUDIT	LAPORAN RONDAAN HARIAN		GAMBAR	
					TARIKH RONDAAN	PENEMUAN	SEBELUM	SELEPAS
2.	Bahu Jalan	<i>Topping up of road shoulder belum dilaksanakan/ Regrading bahu jalan belum dilaksanakan.</i>	K191 – Kg. Pulau Timbul	10.03.2020	27.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
3.	Potong Rumput	Rumput panjang	K004 – Jalan Jitra / Sg. Korok	10.03.2020	27.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
4.	Perabut Jalan	<i>Chevron delineator tiada/rosak/ condong</i>	K273 - Jalan Jitra/Kelubi	8.3.2020	26.2.2020	<i>Signboard Chevron hilang 3 Nos di KM 2.1</i>	-	-
			K107 – Kg. Kangar	9.3.2020	27.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
			K116 – Kg. Kota Mengkuang	10.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
			K116 – Kg. Panchor	10.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
			K116 – Kg. Tanjung Putus	10.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
5.	<i>Jambatan dan culvert</i>	<i>Kerosakan pada expansion joint di jambatan belum disenggara.</i>	K103 – Jalan Muda Kuari	8.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-
		Tebing runtuh	K104 – Kg. Bukit	9.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	29	30
		<i>Culvert runtuh</i>	K270 – Kg. Alang Lama	10.3.2020	Tiada rekod kecamatan	<i>Quotation telah dikeluarkan</i>	-	-
6.	Longkang/ Parit	Parit belum disenggara (dipenuhi rumput/ sampah/air bertakung).	K267- Jalan Kg. Batas Jenalik / Kg. Guar Arang	9.3.2020	26.2.2020	Tiada rekod kecamatan	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JKR Daerah Kubang Pasu

**GAMBAR 23**



Jalan Kg. Darat(K252)/Jalan Persekutuan (276)  
- Jalan Berlubang dan Berlekuk  
(10.3.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 24**



Jalan Kg. Darat(K252)/Jalan Persekutuan (276)  
- Pembaikan Telah Siap Dijalankan  
(10.9.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

**GAMBAR 25**



Jalan Kg. Bukit Kecik (K103)  
- Jalan Berlubang  
10.3.2020  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 26**



Jalan Kg. Bukit Kecik (K103)  
- Pembaikan Telah Siap Dijalankan  
(10.9.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

**GAMBAR 27**



K020 - Jalan Sintok / Padang Sanai  
- Gelinciran (*Slippage*) pada Pavement  
(10.3.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 28**



K020 - Jalan Sintok / Padang Sanai  
- Pembaikan Telah Siap Dijalankan  
(10.9.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

**GAMBAR 29**



K104 - Kg. Bukit  
- Tebing Runtuh  
(9.3.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 30**



K104 - Kg. Bukit  
- Tebing Runtuh Telah Diambil Tindakan Pembaikan  
(6.12.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Kubang Pasu)

- iii. Sepanjang tempoh pengauditan di JKR Daerah Baling, tiada rekod rondaan rutin dikemukakan untuk semakan Audit. Bagaimanapun, rekod pengeluaran *tarmac* dan lokasi penyenggaraan menampal jalan berlubang ada direkodkan dalam daftar kerja *patching pothole*. Lawatan Audit bersama pegawai JKR yang dijalankan pada 26 dan 27 Februari serta 10 Mei 2020 mendapati terdapat kerosakan jalan yang ditemui. Lawatan tersebut melibatkan 19 jalan sepanjang 175.1 km di daerah Baling. Butiran pemeriksaan fizikal adalah seperti **Jadual 27**. Antara

kerosakan jalan di beberapa lokasi adalah seperti **Gambar 31** hingga **Gambar 38**. Namun begitu, semua kerosakan telah dibaiki.

**JADUAL 27**  
**PENEMUAN PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT TERHADAP JALAN**  
**YANG DISENGGARA DI JKR DAERAH BALING**

BIL.	KERJA RUTIN	PENEMUAN AUDIT	LOKASI	TARIKH LAWATAN AUDIT	GAMBAR	
					SEBELUM	SELEPAS
1.	<i>Pavement</i>	<i>Pavement defects/damage (surface crack/crocodile crack/ lekukan) belum disenggara.</i>	K765 - Jalan Kuala Bakong	26.2.2020	-	-
			K720 - Jalan Kuala lesong/ Felda Teloi (Sebelum Simpang)	26.2.2020	-	-
			K720 - Kampung Belida	10.5.2020	31	32
2.	Bahu Jalan	<i>Topping up of road shoulder belum dilaksanakan/ Regrading bahu jalan belum dilaksanakan.</i>	K15 - Jalan Batu 42/Asam Jawa/Parit Panjang	26.2.2020	33	34
			K759 - Jalan IADP Tebing Tinggi/Kg.Lela Kuala Pegang	27.2.2020	-	-
3.	Potong Rumput	Rumput panjang	Jalan Kuala Pegang/Parit Panjang (K152) Dan	26.2.2020	-	-
			Jalan Kuala Pegang/Kampung padang/Asam Jawa (K717)	26.2.2020	-	-
			Jalan Sungai Limau/Parit Panjang/Sempadan Sik (K15)	27.2.2020	-	-
4.	Perabut Jalan	Papan tanda rosak	K15 - Kg. Parit Panjang	25.2.2020	35	36
		<i>Guardrai/ tertanggal</i>	K720 - Simpang Kuala Lesong	10.5.2020	-	-
		<i>Chevron delineator rosak/ condong</i>	K765 - Jalan Kuala Temekah / Kuala Bakong	26.2.2020	-	-
		Tiada garisan tepi jalan	Jalan Batu 42 / Gulau (TEKIH)	27.2.2020	37	38
5.	Longkang/ Parit	Parit belum disenggara (dipenuhi rumput/ sampah/air bertakung).	K156 - Jalan Kuala Ketil/Parit Panjang	26.2.2020	-	-
			K722 - Jalan Tembak/ Charuk Beras / Padang Geh	26.2.2020	-	-
			K15 - Jalan Sungai Limau/Parit Panjang	27.2.2020	-	-
			Jalan Batu 42 / Gulau (TEKIH)	27.2.2020	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JKR Daerah Baling

**GAMBAR 31**



K720 - Kampung Belida  
- Lekukan dan Air Bertakung  
(10.5.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 32**



K720 - Kampung Belida  
- Penyenggaraan Telah Dilaksanakan  
(07.12.2020)

(Sumber: JKR Daerah Baling)

**GAMBAR 33**

K15 - Jalan Batu 42/Asam Jawa/Parit Panjang  
- Bahu Jalan Tinggi 9 Inci  
(26.2.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 34**

K15 - Jalan Batu 42/Asam Jawa/Parit Panjang  
- Bahu Jalan Tinggi 9 Inci Telah Diratakan  
(10.9.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Baling)

**GAMBAR 35**

K15 - Kg. Parit Panjang  
- Papan Tanda Rosak  
(25.2.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 36**

K15 - Kg. Parit Panjang  
- Papan Tanda Telah Ditukar  
(7.12.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Baling)

**GAMBAR 37**

Jalan Batu 42 / Gulau (TEKIH)  
- Tiada Garisan Tepi  
(27.2.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 38**

Jalan Batu 42 / Gulau (TEKIH)  
- Jalan Telah Dicat Garisan Tepi  
(10.9.2020)  
(Sumber: JKR Daerah Baling)

**Pendapat  
Audit**

**Masih terdapat kelemahan dalam aspek pemantauan menyebabkan terdapat kerja yang dilaksanakan kurang berkualiti. Namun tindakan penambahbaikan segera telah diambil sebaik sahaja menerima teguran Audit.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan penyenggaraan jalan negeri oleh agensi dan syarikat konsesi adalah memuaskan. Perancangan untuk menyenggara jalan negeri telah dapat dilaksanakan. Selain itu, berdasarkan maklum balas soal selidik, pengguna berpuas hati dengan keadaan jalan raya negeri, jalan pertanian dan jalan kampung yang digunakan. Bagaimanapun, pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan tidak diagih dan dibelanjakan secara optimum. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek perolehan dan pembayaran serta kelewatan syarikat konsesi menyiapkan kerja penyenggaraan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan berturap negeri oleh pihak konsesi dan kontraktor penyenggaraan, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 7.1. Kerajaan negeri mempertimbangkan untuk menambah peruntukan penyenggaraan jalan negeri bagi membolehkan penyenggaraan dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Penyenggaraan yang mencukupi dapat mengelakkan kerosakan jalan menjadi lebih teruk dan memerlukan kos penyenggaraan dan pembaikan lebih tinggi di masa hadapan;
- 7.2. pengemasikan pendaftaran jalan negeri dalam MARRIS *Online* oleh semua agensi terlibat hendaklah dipertingkatkan bagi membolehkan Kerajaan negeri menerima peruntukan penyenggaraan yang sepatutnya daripada Kerajaan Persekutuan;
- 7.3. JKR hendaklah meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan untuk memastikan kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh pihak konsesi dan kontraktor penyenggaraan mematuhi syarat kontrak dan berkualiti;
- 7.4. JKR, JPS dan PDT perlu memastikan kualiti kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan mengikut standard yang telah ditetapkan; dan
- 7.5. JKR disaran untuk menjalankan semakan secara berkala terhadap rekod dan data jalan di semua jabatan/agensi pelaksana untuk memastikan ketepatan data.



**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI  
NEGERI**  
**PERBADANAN STADIUM  
NEGERI KEDAH**

**2. PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN**



## BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau semua program pembangunan ekonomi, sosial, infrastruktur, keselamatan dan alam sekitar di negeri Kedah bagi mencapai dasar pembangunan negara dan termasuk dasar pembangunan sukan negeri.
- Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, BPEN telah diluluskan peruntukan program pembangunan kemudahan sukan (P04-13000) berjumlah RM28.93 juta. Jabatan dan agensi lain yang terlibat dalam pengurusan kemudahan sukan ialah Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah (Perbendaharaan Negeri), Perbadanan Stadium Negeri Kedah (PSNK), Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR Negeri).
- Pengauditan merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan kemudahan sukan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Bagaimanapun, skop pengauditan tidak merangkumi pengurusan atlet dan program kejurulatihan.
- Prestasi kemudahan sukan dinilai melalui elemen pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan kemudahan sukan pula meliputi pencapaian kewangan, pengurusan perolehan, pembaikan dan baik pulih *venue* sukan, pengurusan hasil dan status pemilikan tanah *venue* sukan.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Kemudahan Sukan yang melibatkan peruntukan pembangunan di bawah BPEN telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Objektifnya adalah untuk menyediakan kemudahan sukan bagi atlet dan orang awam di negeri Kedah.

- Penyediaan kemudahan stadium dan prasarana sukan yang baik dapat memberi manfaat kepada pengguna khususnya para atlet negeri Kedah.
- Kerja menaik taraf kemudahan stadium dan prasarana sukan yang dilakukan dengan baik dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dapat memastikan kemudahan tersebut berada pada tahap boleh guna yang tinggi.

#### Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan prestasi projek yang dilaksanakan kurang cekap kerana dua daripada tiga projek lewat disiapkan berbanding jadual asal yang ditetapkan. Penilaian pencapaian keberhasilan pula tidak dapat diukur namun *venue* sukan secara umumnya telah dimanfaatkan melalui penggunaan oleh persatuan sukan dan orang awam.
- Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim dan Projek Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan. Kontraktor telah diluluskan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) masing-masing selama 126 hari dan 197 hari;
  - Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim masih tidak dapat disiapkan selepas berakhirnya tempoh EOT kedua dan dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bagi tempoh 102 hari. Projek hanya diperakui siap pada 12 Januari 2017;
  - PSNK tidak menetapkan sasaran penggunaan *venue* sukan menyebabkan pengukuran pencapaian keberhasilan dari segi kekerapan penggunaan kemudahan sukan yang disediakan oleh Kerajaan negeri tidak dapat diukur;
  - Buku Log penggunaan hanya diselenggara bagi tiga *venue* sukan iaitu di Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Pusat Akuatik Gunung Keriang;
  - hanya 226 (65.9%) daripada 343 permohonan penggunaan *venue* sukan mempunyai surat kelulusan daripada Pengarah PSNK

kerana fail permohonan tidak lengkap dan tidak kemas kini. Selain itu, berlaku perbezaan rekod antara log penggunaan dengan bilangan kelulusan permohonan penggunaan bagi Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik, Gunung Keriang;

- bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, BPEN hanya membelanjakan sejumlah RM11.32 juta (39.1%) daripada peruntukan diluluskan yang berjumlah RM28.93 juta;
- syarikat kontraktor yang dilantik secara rundingan terus bagi Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim tidak mengikut kelayakan yang ditetapkan kerana hanya dalam Kelas G2 (had nilai perolehan antara RM0.20 juta hingga RM0.50 juta) sedangkan harga kontrak berjumlah RM2.22 juta. Pihak kontraktor juga telah gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga memerlukan pelantikan pihak ketiga. Sehingga ke tarikh pengauditan, pelantikan pihak ketiga masih belum dibuat;
- JKR Negeri telah mengeluarkan dua kali Inden Kerajaan dan Perakuan Siap Kerja bagi Kerja Naik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat Untuk Dijadikan Gimnasium MSNK;
- kemudahan sukan di Kompleks Akuatik Gunung Keriang, Lapang Sasar Menembak Pokok Sena dan Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah tidak disenggara dengan baik dan mengalami kerosakan;
- sehingga tahun 2020, tunggakan hasil keseluruhan PSNK adalah berjumlah RM1.45 juta. Persatuan A merupakan penghutang tertinggi bagi Stadium Darul Aman iaitu berjumlah RM1.17 juta; dan
- pemilikan tanah *venue* sukan Gelanggang Boling Padang, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Akuatik Gunung Keriang dan Perkarangan Stadium Darul Aman masih belum dipindah milik kepada PSNK.



## **BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PERBADANAN STADIUM NEGERI KEDAH**

### **2. PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN**

**RM28.93 juta**

Peruntukan Pembangunan  
Tahun 2017 - 2020

**RM11.32 juta**

Perbelanjaan  
Tahun 2017 - 2020

**6 Venue Sukan**

Melibatkan 16 kemudahan sukan  
di bawah pengurusan PSNK

**Bahagian Perancang  
Ekonomi Negeri**

Bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau semua program pembangunan ekonomi, sosial, infrastruktur, keselamatan dan alam sekitar di negeri Kedah bagi mencapai dasar pembangunan negara termasuk pencapaian dasar pembangunan sukan negeri.

**Perbadanan Stadium  
Negeri Kedah (PSNK)**

Bertanggungjawab untuk mengurus, membangun dan mempromosikan *venue* sukan milik Kerajaan Negeri Kedah.

**Majlis Sukan  
Negeri Kedah (MSNK)**

Bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan sukan di negeri Kedah.

**Jabatan Kerja  
Raya Negeri**

Bertanggungjawab sebagai perunding utama, pelaksana dan pemantau terhadap projek-projek di bawah Kerajaan negeri.

**Tiga Projek Naik Taraf  
tahun 2017 – 2020  
yang dipilih untuk auditan  
terperinci**

- Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim (projek sambungan).
- Pengubahsuainan dan Naik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah kepada Pejabat MSNK.
- Kerja Menaik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat untuk Dijadikan Gimnasium MSNK.

### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Dasar Sukan Negara merupakan dasar pembangunan sukan ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh. Dasar tersebut menggariskan matlamat, objektif, strategi, peranan dan tanggungjawab setiap Agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, persatuan atau badan sukan, institusi pengajian serta individu yang terlibat dengan sukan. Antara objektif Dasar Sukan Negara adalah untuk menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat.

1.2. Kerajaan negeri bertanggungjawab menyediakan peruntukan kewangan dan infrastruktur bagi membangunkan semua program sukan. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) merupakan salah satu bahagian yang diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK). BPEN berperanan membuat perancangan, penyelaras dan pemantauan terhadap semua program pembangunan ekonomi, sosial,

infrastruktur, keselamatan dan alam sekitar di negeri Kedah bagi mencapai dasar pembangunan negara, termasuk dasar pembangunan sukan negeri.

1.3. Peruntukan program pembangunan kemudahan sukan (P04-13000) yang diluluskan kepada BPEN bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 adalah berjumlah RM28.93 juta. Peruntukan ini melibatkan tiga aktiviti, iaitu membina/menaik taraf stadium, membina/menaik taraf prasarana stadium dan pengambilan tanah. Sejumlah 14 projek naik taraf telah dilaksanakan melibatkan perbelanjaan RM5.91 juta dan 16 kerja baik pulih melibatkan perbelanjaan sejumlah RM0.58 juta. Selain itu, sejumlah RM4.83 juta telah dibelanjakan bagi bayaran pampasan pengambilan tanah bagi Cadangan Pembangunan Kompleks Sukan di Daerah Kubang Pasu.

1.4. Selain BPEN, terdapat dua agensi lain yang melaksanakan program sukan di Negeri Kedah, iaitu Perbadanan Stadium Negeri Kedah (PSNK) dan Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK). PSNK ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Stadium Negeri Tahun 1971. Mengikut keputusan MMK yang bersidang pada 30 Ogos 2006, PSNK diberi tanggungjawab untuk menguruskan semua *venue* sukan di negeri Kedah. Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK) yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 pula bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan sukan di negeri Kedah.

## **2.     OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Kemudahan Sukan yang melibatkan peruntukan pembangunan di bawah BPEN telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menyediakan kemudahan sukan bagi atlet dan orang awam di negeri Kedah.

## **3.     SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan kemudahan sukan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Prestasi kemudahan sukan dinilai berdasarkan dua perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pengurusan aktiviti kemudahan sukan pula dinilai berdasarkan lima perkara, iaitu pencapaian kewangan, pengurusan perolehan, pembaikan dan baik pulih *venue* sukan, pengurusan hasil dan status pemilikan tanah *venue* sukan.

3.2. Pengauditan dilaksanakan di BPEN, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah (Perbendaharaan Negeri), PSNK, MSNK dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR Negeri). Lawatan fizikal Audit telah dibuat terhadap empat daripada enam *venue* sukan atau 66.7% di bawah pengurusan PSNK. Bagaimanapun, skop pengauditan tidak merangkumi pengurusan atlet dan program kejurulatihan.

3.3. Keseluruhan perbelanjaan di bawah P04-13000 bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 berjumlah RM11.32 juta melibatkan lapan perihal perbelanjaan. Sebanyak enam perihal perbelanjaan bagi kerja naik taraf, baik pulih dan pengambilan tanah telah dipilih sebagai sampel Audit melibatkan perbelanjaan berjumlah RM8.06 juta (71.2%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**MAKLUMAT SAMPEL PROGRAM PEMBANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	PERBELANJAAN KESELURUHAN (RM Juta)	SAMPEL SEMAKAN (RM Juta)	SAMPEL (%)
1.	Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim dan merupakan projek sambungan sejak tahun 2015.	0.68	0.68	100.0
2.	Pengubahanuan dan Naik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah kepada Pejabat MSNK	1.91	1.68	87.9
3.	Menaik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat untuk Dijadikan Gimnasium MSNK	0.42	0.42	100.0
4.	Kerja-Kerja Naik Taraf yang Lain	2.07	0.14	6.8
5.	Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Kompleks Sukan Daerah Kubang Pasu	4.83	4.83	100.0
6.	Kerja Baik Pulih	0.41	0.31	75.6
7.	Pemasangan Lampu Limpah Padang Bola Sepak dan Kerja-Kerja Lain di Stadium Sultan Abdul Halim	0.50	0.00	0.0
8.	Menaik Taraf Stadium Hoki dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kompleks Muadzam Shah	0.50	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>11.32</b>	<b>8.06</b>	<b>71.2</b>

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

#### 4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan kemudahan sukan Negeri. Temu bual serta perbincangan dengan pegawai terlibat di BPEN, PSNK, MSNK dan JKR Negeri turut dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan fizikal Audit di *venue* sukan yang dipilih juga telah dibuat.

## **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan antara bulan November 2019 hingga bulan Mac 2020. Lawatan susulan juga dilakukan pada bulan November 2020 dan Februari 2021. Maklum balas telah diterima pada 12 Oktober 2020, 19 Oktober 2020, 10 Januari 2021, 23 Februari 2021, 28 Februari 2021, 16 Ogos 2021, 17 Ogos 2021 dan 19 Ogos 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas BPEN, PSNK, MSNK dan JKR Negeri telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 16 Disember 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### **5.1. Prestasi Aktiviti**

#### **5.1.1. Pencapaian Output**

5.1.1.1. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, 14 projek naik taraf telah dilaksanakan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM5.91 juta. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.01 juta (51%) daripada perbelanjaan projek naik taraf telah dibelanjakan bagi kerja menaik taraf padang Stadium Sultan Abdul Halim Alor Setar; pengubahsuaian dan naik taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah kepada Pejabat MSNK; serta menaik taraf rumah kedai dua tingkat untuk dijadikan gimnasium MSNK. Ketiga-tiga projek naik taraf tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada JKR Negeri sebagai Pegawai Pengguna oleh BPEN. Status projek adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2  
PRESTASI PROJEK BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	NAMA PROJEK	HARGA KONTRAK SEMASA (RM Juta)	PERBELANJAAN TAHUN 2017-2020 (RM Juta)	KOS SEBENAR PROJEK (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	STATUS PROJEK
1.	Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim	2.18	0.68	2.05*	16.05.2016	12.01.2017	Projek lewat disiapkan dengan lanjutan masa selama 241 hari.
2.	Pengubahsuaian dan Naik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah Kepada Pejabat MSNK	2.39	1.91	1.91	16.02.2019	31.08.2019	Projek disiapkan dengan lanjutan masa selama 197 hari.

BIL.	NAMA PROJEK	HARGA KONTRAK SEMASA (RM Juta)	PERBELANJAAN TAHUN 2017-2020 (RM Juta)	KOS SEBENAR PROJEK (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	STATUS PROJEK
3.	Kerja Menaik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat untuk dijadikan Gimnasium MSNK	0.45	0.42	0.42	18.11. 2019	18.11.2019	Disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan.
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>5.02</b>	<b>3.01</b>	<b>4.38</b>			

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (\*) - Perbelanjaan sebelum tahun 2017 adalah berjumlah RM1.37 juta

5.1.1.2. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

**a. Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim**

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) yang bersidang pada 11 Februari 2015 telah mencadangkan agar padang Stadium Sultan Abdul Halim dinaik taraf untuk digunakan sebagai tempat latihan bagi beberapa perlawanan bola sepak liga.
- ii. Pada 17 November 2015, BPEN telah melantik sebuah syarikat secara rundingan terus untuk melaksanakan projek menaik taraf padang tersebut menggunakan kaedah reka dan bina. Harga asal kontrak adalah berjumlah RM2.22 juta termasuk *Goods and Services Tax (GST)*, dan bayaran sehingga interim ke-19 berjumlah RM2.05 juta. Maklumat berkaitan projek adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**MAKLUMAT PELAKSANAAN**  
**PROJEK MENAIK TARAF PADANG STADIUM SULTAN ABDUL HALIM**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN/KETERANGAN
1.	Harga Kontrak Termasuk <i>GST</i> Berjumlah RM0.13 Juta	RM2.22 juta
2.	Harga Kontrak Semasa Berdasarkan Pelarasan Harga Kontrak	RM2.18 juta
3.	Kos Sebenar Projek setakat Interim Ke-19 pada 3 September 2019	RM2.05 juta
4.	Bon Pelaksanaan (5% daripada harga kontrak)	RM110,757
5.	Bon Jaminan Reka Bentuk (5% daripada harga kontrak)	RM110,757
6.	Surat Setuju Terima	17 November 2015

BIL.	PERKARA	BUTIRAN/KETERANGAN
7.	Tempoh Projek	17 November 2015 hingga 16 Mei 2016 (24 Minggu)
8.	Tarikh Milik Tapak	1 Disember 2015
9.	Tarikh Patut Disiapkan	16 Mei 2016
10.	Perakuan Siap Kerja	12 Januari 2017 Jumlah Kelambatan dan Lanjutan Masa termasuk Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa yang dibenarkan sehingga Tarikh Siap Kerja adalah selama 241 hari.
11.	Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (Hari)	Jumlah Keseluruhan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa yang dibenarkan adalah selama 126 hari:  - Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Pertama: 17 Mei 2016 - 21 Jun 2016 (36 hari)  - Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Kedua: 22 Jun 2016 - 19 September 2016 (90 hari)
12.	Tempoh Tanggungan Kecacatan dan Penyenggaraan	12 Januari 2017 hingga 11 Januari 2019 (24 bulan)

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

iii. Berdasarkan kepada Surat Setuju Terima, tarikh siap projek adalah sebelum atau pada 16 Mei 2016 dengan LAD ditetapkan pada kadar RM415.72 sehari seperti dinyatakan dalam *Appendix 1* dokumen kontrak. Semakan Audit mendapati **projek telah disiapkan pada 12 Januari 2017, iaitu lewat selama 241 hari. JKR telah meluluskan dua lanjutan masa yang keseluruhannya berjumlah 126 hari.**

iv. Selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa kedua, projek masih gagal disiapkan. Sehubungan itu, **kontraktor telah dikenakan LAD selama 102 hari berjumlah RM42,403**. Kontraktor didapati telah diluluskan pengecualian pembayaran LAD selama 13 hari daripada keseluruhan tempoh LAD selama 115 hari.

**b. Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah kepada Pejabat MSNK**

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) melalui Kertas No.7(F)343/2017 yang bersidang pada 10 Oktober 2017 telah bersetuju dengan cadangan untuk memindahkan operasi pentadbiran MSNK ke Kompleks Sukan Muadzam Shah.
- ii. Tempoh siap kerja bagi projek ini adalah selama 40 minggu. Harga asal kontrak adalah berjumlah RM2.33 juta termasuk GST manakala kos sebenar projek adalah berjumlah RM1.91 juta. Berdasarkan Surat Setuju Terima yang dikeluarkan pada 5 April 2018, tarikh milik tapak adalah pada 13 Mei 2018 dan kontraktor perlu menyiapkan projek ini pada 16 Februari 2019. Semakan Audit mendapati **projek telah disiapkan pada 31 Ogos 2019 dengan lanjutan masa selama 197 hari.**
- iii. Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 31 Ogos 2019 setelah diluluskan empat Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa selama 197 hari, iaitu pada 13 Februari, 21 April, 14 Julai dan 7 Ogos 2019. Maklumat berkaitan projek adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**

**MAKLUMAT PELAKSANAAN PROJEK PENGUBAHSUAIAN DAN MENAIK TARAF KOMPLEKS SUKAN MUADZAM SHAH KEPADA PEJABAT MAJLIS SUKAN NEGERI KEDAH**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN/KETERANGAN
1.	Harga Tawaran Termasuk <i>GST</i> Berjumlah RM0.13 juta	RM2.33 juta
2.	Harga Kontrak Semasa Berdasarkan Pelarasan Harga Kontrak	RM2.39 juta
3.	Kos Sebenar Projek	RM1.91 juta
4.	Bon Pelaksanaan (5% daripada harga kontrak)	RM116,600
5.	Surat Setuju Terima	5 April 2018
6.	Tempoh Projek	13 Mei 2018 hingga 16 Februari 2019
7.	Tarikh Milik Tapak	13 Mei 2018
8.	Tarikh Patut Disiapkan	16 Februari 2019
9.	Perakuan Siap Kerja	31 Ogos 2019
10.	Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (Hari)	Jumlah Kelambatan dan Lanjutan Masa keseluruhan sehingga Tarikh Siap Kerja sebenar selama 197 hari:

BIL.	PERKARA	BUTIRAN/KETERANGAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Pertama: 16 Februari 2019 hingga 20 April 2019 (64 hari)</li> <li>- Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Kedua: 21 April 2019 hingga 19 Jun 2019 (60 hari)</li> <li>- Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Ketiga: 20 Jun 2019 hingga 31 Julai 2019 (42 hari)</li> <li>- Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Keempat: 1 Ogos 2019 hingga 31 Ogos 2019 (31 hari)</li> </ul>
11.	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan	RM440.75 sehari
12.	Tempoh Tanggungan Kecacatan dan Penyenggaraan	31 Ogos 2019 hingga 30 Ogos 2020 (12 Bulan)

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

- iv. Keadaan Kompleks Sukan Muadzam Shah yang telah dinaik taraf seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Bahagian Hadapan MSNK  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Bilik Pengurus MSNK  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Kaunter Pertanyaan MSN  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Bilik Mesyuarat MSN  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**c. Kerja-kerja Naik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat Untuk Dijadikan Gimnasium MSNK**

- i. MSNK mempunyai dua unit rumah kedai dua tingkat iaitu Lot 5679 dan Lot 5680 yang terletak berhadapan dengan pejabat MSNK. Cadangan naik taraf rumah kedai dua tingkat tersebut untuk dijadikan gimnasium telah dibuat oleh MSNK dan peruntukan bagi kerja tersebut telah diluluskan oleh BPEN pada 10 April 2019. Waran peruntukan kecil berjumlah RM450,000 bertarikh 11 September 2019 telah disalurkan kepada JKR Negeri. Maklumat berkaitan projek adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**MAKLUMAT PELAKSANAAN KERJA-KERJA NAIK TARAF RUMAH KEDAI DUA**  
**TINGKAT UNTUK DIJADIKAN GIMNASIUM MAJLIS SUKAN NEGERI KEDAH**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN / KETERANGAN
1.	Harga Tawaran Projek	RM450,000
2.	Harga Sebenar Kerja	RM416,712
3.	Surat Setuju Terima	9 Oktober 2019
4.	Tempoh Projek	1 Oktober 2019 hingga 18 November 2019 (7 minggu)
5.	Tarikh Milik Tapak	1 Oktober 2019
6.	Tarikh Patut Disiapkan seperti Surat Setuju Terima	18 November 2019
7.	Perakuan Siap Kerja	18 November 2019
8.	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan	RM35 sehari
9.	Tempoh Tanggungan Kecacatan	18 November 2019 hingga 15 Mei 2020

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

- ii. Projek telah dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan dengan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 18 November 2019. Lawatan Audit pada 4 Mac 2020 mendapati kerja naik taraf rumah kedai dua tingkat untuk dijadikan gimnasium MSNK telah siap seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

**GAMBAR 5**



Gimnasium, MSNK  
Free Weight Area, Aras Bawah  
(04.03.2020)  
Sumber: Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 6**



Gimnasium, MSNK  
Relaxation Room Aras Atas  
(04.03.2020)  
Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pendapat Audit** | **Pelaksanaan Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim dan Projek Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Kompleks Sukan Muadzam Shah Kepada Pejabat MSNK kurang cekap. Hal ini kerana projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal yang ditetapkan.**

### 5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* menetapkan jabatan membuat penilaian pencapaian keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksana telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi impak kepada golongan sasar. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

#### 5.1.2.1. Penggunaan *Venue* Sukan

- a. Mengikut keputusan MMK yang bersidang pada 30 Ogos 2006, PSNK diberi tanggungjawab untuk menguruskan *venue* sukan di negeri Kedah. Sehingga 2019, PSNK mengurus, membangun dan mempromosikan enam *venue* sukan melibatkan 16 kemudahan yang disediakan seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI VENUE SUKAN PSNK**

BIL.	VENUE SUKAN	KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN
1.	Stadium Darul Aman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Padang Bola Sepak</li> <li>• Trek Olahraga</li> </ul>
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang Sepak Takraw</li> <li>• Gelanggang Bola Jaring</li> <li>• Gelanggang Bola Tampar</li> <li>• Gelanggang Ping Pong</li> <li>• Gelanggang Futsal</li> <li>• Gelanggang Street Soccer</li> </ul>
3.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Padang Bola Sepak</li> <li>• Padang Hoki</li> <li>• Gelanggang Skuasy</li> <li>• Gelanggang Futsal</li> <li>• Gelanggang Bola Jaring</li> </ul>
4.	Kompleks Akuatik Gunung Keriang Kedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kolam Renang</li> </ul>
5.	Lapang Sasar Menembak Pokok Sena	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ruangan Menembak</li> </ul>
6.	Gelanggang Boling Padang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang Boling Padang</li> </ul>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- b. Semakan Audit mendapati **PSNK tidak menetapkan sasaran penggunaan venue sukan sehingga menyebabkan pengukuran pencapaian keberhasilan dari segi keperluan penggunaan venue/kemudahan sukan yang disediakan oleh Kerajaan negeri tidak dapat diukur**. Temu bual dengan pegawai PSNK menyatakan penggunaan *venue* sukan adalah berdasarkan permohonan daripada agensi, persatuan sukan dan orang awam. PSNK hanya menetapkan sasaran berdasarkan anggaran hasil tahunan yang akan diperoleh bagi penggunaan *venue* sukan tersebut. Bagaimanapun, tiada sasaran terperinci disediakan mengikut *venue* sukan.
- c. Bagi mengukur kekerapan penggunaan *venue* sukan, pihak Audit membuat perbandingan antara permohonan dan kelulusan penggunaan berdasarkan fail permohonan dan Buku Log. Permohonan penggunaan kemudahan *venue* sukan perlu mendapat kelulusan daripada Pengarah PSNK. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, sebanyak 343 permohonan telah dibuat melibatkan penggunaan di Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Akuatik, Kompleks Sukan Muadzam Shah dan Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena. **Bagaimanapun, hanya 226 (65.9%) daripada 343 permohonan mempunyai surat kelulusan daripada Pengarah PSNK**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PENGGUNAAN VENUE SUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

BIL.	VENUESUKAN	TAHUN						JUMLAH KESELURUHAN	
		2017		2018		2019			
		MOHON	LULUS	MOHON	LULUS	MOHON	LULUS	MOHON	LULUS
1.	Stadium Darul Aman	30	20	75	53	27	16	132	89
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	43	38	32	21	47	21	122	80
3.	Kompleks Akuatik, Gunung Keriang	15	11	17	13	22	6	54	30
4.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	16	16	8	6	5	1	29	23
5.	Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena	3	3	2	1	1	-	6	4
6.	Gelanggang Boling Padang	Tiada Rekod Penggunaan							
<b>JUMLAH</b>		<b>107</b>	<b>88</b>	<b>134</b>	<b>94</b>	<b>102</b>	<b>44</b>	<b>343</b>	<b>226</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- d. Selain itu, PSNK ada menyediakan **Buku Log penggunaan venue sukan bagi tiga venue sukan, iaitu Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik, Gunung Keriang**. Buku Log penggunaan bagi tiga venue sukan yang lain, iaitu Kompleks Sukan Muadzam Shah, Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena dan Gelanggang Boling Padang tidak dikemukakan semasa pengauditan.
- e. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, kekerapan penggunaan bagi Stadium Darul Aman adalah sebanyak 340 kali. Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik, Gunung Keriang pula masing-masing sebanyak 386 dan 47 kali. Jumlah keseluruhan penggunaan bagi tiga tahun adalah sebanyak 773 seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**LOG PENGGUNAAN VENUE SUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

BIL.	VENUE SUKAN	BILANGAN LOG PENGGUNAAN			JUMLAH KESELURUHAN
		TAHUN 2017	TAHUN 2018	TAHUN 2019	
1.	Stadium Darul Aman	105	139	96	340
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	120	136	130	386
3.	Kompleks Akuatik, Gunung Keriang	13	14	20	47
<b>JUMLAH</b>		<b>238</b>	<b>289</b>	<b>246</b>	<b>773</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- f. Semakan selanjutnya Audit mendapati **berlaku perbezaan rekod antara penggunaan yang dicatat dalam Buku Log dan bilangan penggunaan yang diluluskan bagi Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik, Gunung Keriang**. Daripada sebanyak 773 kali penggunaan *venue* untuk acara sukan direkodkan, hanya 199 penggunaan diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KELULUSAN PENGGUNAAN VENUE SUKAN BERBANDING LOG PENGGUNAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	VENUE SUKAN	BILANGAN		
		LOG PENGGUNAAN	KELULUSAN PENGGUNAAN	PERBEZAAN
2017	Stadium Darul Aman	105	20	85
	Stadium Sultan Abdul Halim	120	38	82
	Kompleks Akuatik, Gunung Keriang	13	11	2
2018	Stadium Darul Aman	139	53	86
	Stadium Sultan Abdul Halim	136	21	115
	Kompleks Akuatik, Gunung Keriang	14	13	1
2019	Stadium Darul Aman	96	16	80
	Stadium Sultan Abdul Halim	130	21	109
	Kompleks Akuatik, Gunung Keriang	20	6	14
<b>JUMLAH</b>		<b>773</b>	<b>199</b>	<b>574</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- g. Keadaan ini berlaku disebabkan fail permohonan bagi menggunakan kemudahan *venue* sukan yang diselenggara oleh PSNK tidak lengkap dan tidak kemas kini. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan yang dibuat telah mendapat kelulusan atau tidak.

### **Maklum Balas PSNK yang Diterima pada 12 Oktober 2020, 17 Ogos 2021 dan 19 Ogos 2021**

Log penggunaan di Lapang Sasar direkodkan di dalam Fail Penggunaan *Venue* Lapang Sasar manakala Buku Log kemasukan atlet ada ditempatkan di *venue* tersebut. Terdapat beberapa situasi yang menyebabkan berlakunya perbezaan rekod antara bilangan kelulusan permohonan penggunaan dengan log penggunaan bagi Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik Gunung Keriang. Antaranya pembatalan tempahan pada saat akhir tanpa surat rasmi, tempahan yang masuk secara *walk in*, perubahan atau pindaan tarikh tempahan tanpa menyertakan surat rasmi (penganjur memaklumkan secara lisan sahaja). PSNK juga akan mewujudkan fail baru bagi menyelenggara permohonan yang dibatalkan dan ditunda serta yang tidak diluluskan oleh PSNK dan permohonan tersebut akan direkodkan di dalam buku bagi memudahkan semakan.

PSNK telah membuat penambahbaikan terhadap penyelenggaraan buku log dengan merekodkan surat permohonan, surat balas daripada PSNK, kadar sewaan yang dikenakan dan status sewaan bagi penggunaan fasiliti di Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim dan Kompleks Akuatik. Buku log penggunaan Lapang Sasar, Pokok Sena, termasuk jadual aktiviti telah disediakan bagi kegunaan atlet Majlis Sukan Negeri Kedah. Borang permohonan tempahan untuk penggunaan fasiliti gelanggang sukan dan tempahan padang di Stadium Sultan Abdul Halim, boleh didapati melalui laman web atau di Pejabat Pengurusan PSNK. Selain itu, penggunaan fasiliti secara *walk in* disediakan di Pejabat Operasi Stadium Sultan Abdul Halim.

PSNK telah mengemukakan surat kepada persatuan bagi cadangan mewujudkan kerjasama di antara PSNK dan persatuan bagi membincangkan perkara serta isu semasa bagi pembangunan venue dan kemajuan sukan Boling Padang.

**Pendapat Audit** Secara keseluruhannya, kemudahan *venue* sukan yang disediakan telah digunakan untuk pembangunan sukan negeri Kedah. Bagaimanapun, PSNK tidak menetapkan sasaran penggunaan *venue* pada tahun 2017 hingga 2020 menyebabkan pencapaian keberhasilan kemudahan sukan yang disediakan oleh Kerajaan negeri tidak dapat diukur.

## 5.2. Pengurusan Aktiviti

### 5.2.1. Pencapaian Kewangan

5.2.1.1. BPEN telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM28.93 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Semakan Audit mendapati **BPEN hanya membelanjakan sejumlah RM11.32 juta (39.1%)**, iaitu RM5.45 juta pada tahun 2017, RM446,925 (2018), RM2.57 juta (2019) dan RM2.85 juta (2020).

5.2.1.2. Analisis Audit mendapati berlaku penurunan perbelanjaan sebanyak RM5 juta pada tahun 2018 berbanding RM5.45 juta pada tahun 2017. Bagaimanapun, pada tahun 2019 dan 2020, perbelanjaan meningkat masing-masing sebanyak RM2.12 juta dan RM0.28 juta. Analisis terhadap peratus perbelanjaan berbanding peruntukan mendapati tahun 2019 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 60.5% manakala tahun 2018 mencatatkan peratusan terendah iaitu hanya 6.2%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN
2017	12.42	5.45	6.97	43.9
2018	7.26	0.45	6.81	6.2
2019	4.25	2.57	1.68	60.5
2020	5.00	2.85	2.15	57.0
<b>JUMLAH</b>	<b>28.93</b>	<b>11.32</b>	<b>17.61</b>	<b>39.1</b>

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

5.2.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM4.83 juta (88.7%) daripada perbelanjaan tahun 2017 melibatkan pembayaran pampasan pengambilan tanah bagi pembangunan kompleks sukan di daerah Kubang Pasu. Penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2018 pula disebabkan kelulusan berbelanja hanya diluluskan untuk Projek Pengubahsuaian dan Naik Taraf Kompleks Muadzam Shah kepada pejabat MSNK berjumlah RM201,125; Projek Menaik Taraf Padang Sultan Abdul Halim berjumlah RM87,400; dan kerja lain berjumlah RM158,400. Manakala perolehan bagi kerja lain tidak mendapat kelulusan berbelanja daripada Pegawai Kewangan Negeri.

### **Maklum Balas BPEN yang Diterima pada 10 Januari 2021**

Perbelanjaan dibuat berdasarkan arahan dan had perbelanjaan yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri. BPEN mengutamakan program atau projek lain yang lebih berkepentingan dan berkeperluan selain memastikan pembangunan negeri Kedah tidak terjejas. Perbelanjaan bagi projek atau pemberian juga dibuat terhadap *venue* sukan terpilih sahaja.

**Pendapat Audit** | **Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan adalah tidak memuaskan kerana peratus perbelanjaan tahunan hanya mencapai antara 6.2% hingga 60.5%. Perkara ini bermaksud peruntukan tidak digunakan secara optimum untuk meningkatkan kemudahan sukan di negeri Kedah.**

## **5.2.2. Pengurusan Perolehan**

Semakan Audit berdasarkan sampel yang telah dipilih mendapati terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan bagi dua projek, iaitu Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim dan Kerja-kerja Naik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat Untuk Dijadikan Gimnasium MSNK. Penemuan Audit adalah seperti yang berikut:

### **5.2.2.1. Projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim**

#### **a. Kontraktor yang Dilantik Tidak Mengikut Kelas Kelayakan**

- i. Pekeling Perbendaharaan Malaysia PK 1, Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan, Perenggan 7 (1) (a) menghendaki semua pendaftaran

kontraktor kerja awam dan kerja elektrik dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) mengikut jenis kerja yang mereka berkelayakan dan gred berkaitan. Semua kontraktor kerja bagi perolehan kerajaan hendaklah mengikut kelas dan had nilai perolehan kerja yang ditetapkan. Bagi kontraktor kerja kategori Bangunan/ Awam/Mekanikal, kelas dan had nilai perolehan kerja adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**KELAS DAN HAD NILAI PEROLEHAN KERJA KONTRAKTOR KERJA**  
**BAGI KATEGORI BANGUNAN/AWAM/MEKANIKAL**

BIL.	KELAS (GRED)	HAD NILAI PEROLEHAN KERJA
1.	G1	RM200,000 dan ke bawah
2.	G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000
3.	G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
4.	G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
5.	G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
6.	G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
7.	G7	Melebihi RM10,000,000

Sumber: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1

- ii. Semakan Audit terhadap profil syarikat AS0330215-X di laman sesawang CIDB mendapati **kontraktor yang dilantik secara rundingan terus oleh Lembaga Perolehan Negeri Kedah tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Hal ini kerana kontraktor yang dilantik berada dalam kelas G2 sedangkan harga kontrak berjumlah RM2.22 juta dan memerlukan kontraktor berdaftar hanya dalam kelas G4.**

**b. Pelantikan Kontraktor Pihak Ketiga untuk Membaiki Kecacatan Belum Dibuat**

- i. Tempoh tanggungan kecacatan dan penyenggaraan bagi projek Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim adalah selama dua tahun, iaitu bermula pada 12 Januari 2017 hingga 11 Januari 2019. Bagaimanapun, **pihak kontraktor didapati telah gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh tersebut.** Semakan Audit mendapati PSNK telah mengemukakan aduan kerosakan padang kepada JKR Negeri pada 11 Oktober 2018. Berdasarkan surat kontraktor bertarikh

16 Januari 2019 kepada JKR Negeri, pemberian terhadap aduan kerosakan telah dibuat. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan Lawatan Pemeriksaan Kecacatan bagi tujuan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Membalik Kecacatan oleh JKR Negeri pada 13 Februari 2019, masih terdapat kecacatan/kerosakan di padang tersebut. Kecacatan/kerosakan tersebut antaranya termasuk padang ditumbuhinya rumput liar dan *Panel Sub Mersible Pump* tidak berfungsi. Sehubungan itu, JKR Negeri telah mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor bagi membalik kecacatan/kerosakan tersebut pada 18 April 2019.

- ii. Pihak kontraktor telah mengemukakan surat bertarikh 24 Jun 2019 kepada Pengarah JKR Negeri bagi memaklumkan syarikat tidak dapat membalik kecacatan/kerosakan tersebut. Pada 7 Ogos 2019, JKR Negeri telah mengeluarkan surat kepada pihak kontraktor memaklumkan pelantikan pihak ketiga akan dibuat bagi menjalankan kerja-kerja kecacatan tersebut. Surat kelulusan untuk melantik pihak ketiga telah diperoleh daripada SUK pada 24 September 2019. **Sehingga ke tarikh pengauditan, pelantikan pihak ketiga masih belum dibuat.**
- iii. Lawatan Audit pada 5 November 2020 mendapati **kawasan padang masih ditumbuhinya dengan rumput liar dan satu daripada dua *Panel Sub Mersible Pump* tidak berfungsi** seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

**GAMBAR 7**



Padang Stadium Sultan Abdul Halim  
- Padang Masih Ditumbuhinya Rumput Liar  
(05.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



Padang Stadium Sultan Abdul Halim  
- *Panel Sub Mersible Pump* tidak berfungsi  
(05.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## **Maklum Balas JKR Negeri yang Diterima pada 23 Februari 2021 dan 16 Ogos 2021**

JKR Negeri telah membuat panggilan sebut harga pada 27 Januari 2021 dan tarikh tutup iklan tersebut 3 Februari 2021. Laporan penilaian sebut harga telah dibuat pada 7 Februari 2021. Sebuah syarikat telah dilantik pada 7 Mac 2021 untuk membaiki kecacatan yang masih belum dilaksanakan melalui sebut harga bilangan JAP(B)/01/2021. Tarikh masuk tapak bermula pada 7 Mac 2021 dan berakhir pada 6 April 2021. Namun kerja-kerja tersebut masih tidak dapat dilaksanakan pada tempoh yang ditetapkan kerana stadium mendapat tempahan penggunaan dan kemudiannya dijadikan sebagai pusat vaksinasi mulai 19 April 2021. JKR Negeri dalam proses untuk memberikan lanjutan masa kepada pihak kontraktor bagi membolehkan kerja-kerja tersebut dapat dilaksanakan.

**Pendapat | Pengurusan perolehan secara rundingan terus bagi Projek Audit Menaik Taraf Padang Stadium Sultan Abdul Halim tidak selaras dengan peraturan kerana kontraktor yang dilantik tidak berada dalam kelas kelayakan yang sewajarnya. Selain itu, pelantikan kontraktor pihak ketiga bagi membaiki kerja-kerja kecacatan juga lewat dilaksanakan.**

### **5.2.2.2. Kerja-kerja Naik Taraf Rumah Kedai Dua Tingkat Untuk Dijadikan Gimnasium MSNK**

#### **a. Pengeluaran Inden Kerajaan Tidak Teratur**

- i. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2 perenggan 2.3, Inden Kerajaan adalah satu dokumen kewangan yang perlu dikeluarkan oleh agensi kerajaan kepada kontraktor untuk melaksanakan perolehan kerja.
- ii. Semakan Audit mendapati **JKR Negeri telah mengeluarkan dua kali Inden Kerajaan dan Perakuan Siap Kerja bagi projek ini.**

Inden Kerajaan yang pertama dikeluarkan pada 22 Oktober 2019 berjumlah RM392,677 dan Perakuan Siap Kerja bertarikh 18 November 2019. Bagaimanapun, Inden Kerajaan tersebut dibatalkan dan digantikan dengan inden yang baharu berjumlah RM450,000 pada 28 November 2019 bagi memasukkan kos arahan kerja tambahan bernilai RM24,035. Antara kerja tambahan yang dibuat adalah pemasangan jeriji *compressor*, kabel

telefon dan *network* serta kerja-kerja paip bekalan tandas dan *pantry*. Berdasarkan nota dalam dokumen pembayaran, inden dibatalkan kerana Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri (iSPEKS) tidak membenarkan pelarasan nota debit dibuat bagi nilai kerja tersebut.

- iii. Selain itu, tempoh penyiapan kerja pada Inden Kerajaan diberikan sehingga 31 Disember 2019 walaupun berdasarkan Surat Setuju Terima tarikh siap kerja adalah pada 18 November 2019. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**BUTIRAN INDEN KERAJAAN DAN PERAKUAN SIAP KERJA**

BIL.	NO. INDEN KERAJAAN/ TARIKH	AMAUIN (RM)	TARIKH PATUT SIAP KERJA BERDASARKAN SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH PATUT SIAP KERJA BERDASARKAN INDEN	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA
1.	19CBIK0300174 / 22.10.2019 (Dibatalkan)	392,677	18.11.2019	22.10.2019 hingga 31.12.2019	18.11.2019
2.	19CBIK0300203 / 28.11.2019	450,000	18.11.2019	28.11.2019 hingga 31.12.2019	01.12.2019

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah

- iv. Semakan lanjut mendapati Arahan Perubahan Kerja (APK) oleh JKR Negeri adalah pada 28 November 2019 walaupun tarikh siap kerja sebenar adalah pada 18 November 2019. APK sepatutnya dikeluarkan sebelum kerja-kerja disiapkan. Seterusnya, perubahan inden boleh dibuat sebelum tarikh siap kerja berdasarkan perubahan kerja yang diluluskan tersebut.

### Maklum Balas SUK Negeri Kedah yang Diterima pada 19 Ogos 2021

Inden Kerajaan asal bertarikh 22 Oktober 2019 dikeluarkan dengan harga kontrak RM392,677. Bagaimanapun Inden asal ini telah dibatalkan dengan kebenaran Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Kedah berdasarkan surat rujukan P.KW.N(K)P.09/2019 Jld2(70), bertarikh 27 November 2019. Kebenaran juga diberikan untuk dikeluarkan Inden baharu pada 28 November 2019 dengan harga kontrak baharu iaitu RM450,000. Justifikasi kelulusan ini merujuk kepada Surat Arahan Operasi (12)/2019, Garis Panduan Pembayaran bagi invois yang melebihi jumlah Pesanan Tempatan/Inden yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri Kedah. Inden baharu dikeluarkan kerana terdapat tambahan kerja bertarikh 28 November 2019 dengan amaun baru bernilai RM450,000 untuk membolehkan baucar bayaran

dibuat. Tarikh Perakuan Siap Kerja sebenarnya ialah 18 November 2019. Namun oleh kerana Inden baharu bertarikh 28 November 2019, maka Jabatan perlu menulis tarikh Perakuan Siap Kerja pada 1 Disember 2019 untuk membolehkan baucar bayaran diluluskan di dalam sistem i-SPEKS. Hal ini terjadi kerana sistem i-SPEKS tidak membenarkan tarikh siap kerja dikunci masuk lebih awal daripada tarikh inden dikeluarkan.

**Pendapat Audit** | Pengeluaran inden yang tidak teratur menunjukkan tiada kawalan terhadap perolehan jabatan kerana tidak mengikut kontrak asal perolehan.

### 5.2.3. Pembaikan dan Baik Pulih *Venue Sukan*

Kerajaan negeri tidak menyalurkan peruntukan bagi penyenggaraan *venue* sukan yang diuruskan agensi. Kerajaan negeri hanya menyalurkan peruntukan pembangunan yang melibatkan kerja membina dan menaik taraf stadium dan prasarana stadium. Agensi seperti PSNK dan MSNK adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan penyenggaraan terhadap *venue* sukan di bawah pengurusannya.

#### 5.2.3.1. *Venue Sukan Tidak Disenggara Dengan Baik*

##### a. Kompleks Akuatik, Gunung Keriang

- i. Kompleks Akuatik, Gunung Keriang yang bernilai RM37.1 juta telah dibina pada tahun 2004 untuk digunakan semasa Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Kedah pada tahun 2006. Projek ini ditawarkan kepada sebuah syarikat secara rundingan terus. Kompleks ini dilengkapi dengan tiga kolam, iaitu kolam pertandingan (50 meter x 25 meter), kolam terjunan (35 meter x 25 meter) dan kolam latihan (25 meter x 25 meter).
- ii. Lawatan Audit pada 3 Mac 2020 mendapati **kolam terjunan (35 meter x 25 meter) tidak dapat digunakan kerana mengalami kebocoran sejak bulan Oktober 2019 dan kerosakan terhadap sistem pam dan penapis air belum dibaiki.**
- iii. BPEN telah meluluskan peruntukan berjumlah RM0.60 juta kepada JKR Negeri bagi menaik taraf Kompleks Akuatik. Kerja membaik pulih

kebocoran kolam renang telah disiapkan pada 14 Disember 2020 dengan kos berjumlah RM475,696. Selain itu, kerja menyenggara sistem pam dan penapis air juga telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM98,100 dan disiapkan pada 27 Oktober 2020.

- iv. Lawatan Audit pada 24 Februari 2021 mendapati tindakan pembaikan terhadap kerosakan tersebut telah dilakukan selepas teguran Audit seperti dalam **Gambar 9** hingga **Gambar 16**.

**GAMBAR 9**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Kerosakan Kolam Terjunan  
(35 meter x 25 meter)  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Kolam Terjunan (35 meter x 25 meter) Telah Dibaiki  
Tetapi Masih Dalam Tempoh Kecacatan  
(24.02.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Sistem Pam Air Bocor  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Komponen Pam Air Telah Diganti Baharu  
(24.02.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 13**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Sistem Pam Air yang Bocor  
Menyebabkan Limpahan Air  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 14**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Tiada Limpahan Air di Bilik Pam  
(24.02.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 15**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
-Kebocoran Penapis Air  
(03.03.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 16**




Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Penapis Air Telah Diganti Baharu  
(24.02.2021)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Selain itu, terdapat kerosakan yang masih tidak dibuat pembaikan akibat daripada mendapan tanah seperti dalam **Gambar 17** hingga **Gambar 19**.

**GAMBAR 17**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Mendapan Tanah Menyebabkan Lantai Merekah  
(03.03.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 18**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Mendapan Tanah Menyebabkan Lantai Merekah  
(03.03.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 19**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Mendapan Tanah Menyebabkan Lantai Merekah  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. Pihak Audit mendapati **kerosakan yang pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006 dan 2011 juga masih tidak diambil tindakan pembaikan** seperti dalam **Gambar 20** dan **Gambar 21**.

**GAMBAR 20**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Retakan pada Dinding Kompleks  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 21**



Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
- Mendapan Tanah Menyebabkan Struktur Tangga Berubah  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vii. Keadaan *venue* sukan yang rosak dan kemudahan sukan yang tidak boleh berfungsi dengan baik menyebabkan atlet dan orang awam tidak dapat menggunakan fasiliti tersebut. Selain itu, kerosakan yang tidak dibaiki boleh menyebabkan fasiliti tersebut tidak selamat dan membahayakan pengguna.

## Maklum Balas JKR Negeri yang Diterima pada 7 Mac 2021


Pemeriksaan Forensik Geoteknik telah dijalankan pada Disember 2015 oleh Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur berkenaan dengan masalah mendapan tanah di Kompleks Akuatik, Gunung Keriang. Penemuan lokasi mendapan, sebab dan kesan telah dikenal pasti. Bagaimanapun, tindakan baik pulih seperti yang disyorkan oleh Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan kewangan BPEN tidak mencukupi.

**Pendapat Audit | Mendapan tanah yang tidak dibaik pulih boleh mendatangkan risiko kerosakan lebih besar kepada Kompleks Akuatik, Gunung Keriang.**

### b. Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena

- i. Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena mempunyai kemudahan menembak bagi jarak sepuluh meter, 25 meter dan 50 meter. Pada tahun 2006, lapang sasar tersebut pernah dinaik taraf menggunakan peruntukan daripada Majlis Sukan Negara Malaysia berjumlah RM2.5 juta.
- ii. Lawatan Audit pada 3 Mac 2020 ke lapang sasar tersebut mendapati kemudahan tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana peralatan mengalami kerosakan dan perlu dibaik pulih. **Kerosakan tersebut seperti sistem penyambungan wayar dan mechanical marker tidak berfungsi serta papan sasaran rosak.** Keadaan peralatan di lapang sasar tersebut seperti dalam **Gambar 22** hingga **Gambar 27**.

**GAMBAR 22**



Lapar Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Pengepit Kertas Sasaran bagi Lapang Sasar Menembak Sepuluh Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 23**



Lapar Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Tiada Pengepit Kertas Sasaran bagi Lapang Sasar Menembak Sepuluh Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 24**



Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Papan Sasaran/Target yang Rosak bagi Lapang Sasar  
Menembak 50 Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 25**



Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Papan Sasaran/Target yang Rosak bagi Lapang Sasar  
Menembak 25 Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 26**



Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Mechanical Marker Tidak Berfungsi bagi Lapang Sasar  
Menembak 50 Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 27**



Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena  
- Mechanical Marker Tidak Berfungsi bagi Lapang Sasar  
Menembak 25 Meter  
(03.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Hal ini berlaku kerana kurangnya pemberian khusus dan berkala terhadap peralatan lapang sasar menembak menyebabkan peralatan-peralatan tersebut tidak berada dalam keadaan baik.

### **Maklum Balas PSNK yang Diterima pada 12 Oktober 2020**

Kerja membaik pulih dan pemberian peralatan menembak di Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, pihak PSNK telah membuat permohonan peruntukan bagi kerja membaik pulih peralatan menembak di Lapang Sasar, Pokok Sena kepada pihak BPEN bermula tahun 2017 hingga 2020. Namun demikian sehingga kini peruntukan bagi kerja baik pulih peralatan menembak di Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena masih belum diluluskan. Pihak PSNK tidak mempunyai kepakaran dalam mengendalikan dan menyenggara peralatan menembak di Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena selepas penyerahan *venue* kepada PSNK. PSNK mengakui kelemahan yang ada dan tindakan penambahbaikan akan diambil. PSNK akan mewujudkan jadual penyenggaraan berkala terhadap peralatan menembak selepas kerja pemberian dilaksanakan.

**Pendapat Audit** | **Peralatan menembak di Lapang Sasar Menembak Pokok Sena yang tidak dibaiki dan disenggara menyebabkan kemudahan dan peralatan tidak dapat digunakan secara optimum. Selain itu, kos pembaikan akan meningkat disebabkan kerosakan yang lewat dibaiki.**

### c. Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah

- i. Lawatan Audit pada 4 Mac 2020 mendapati **kemudahan di venue sukan tersebut telah rosak, hilang dan tidak dibaiki dengan baik** seperti dalam **Gambar 28** hingga **Gambar 32**. Bagaimanapun, lawatan Audit yang dijalankan pada 24 Februari 2021 mendapati pagar yang rosak telah diganti baharu seperti **Gambar 33** dan **Gambar 34**.

**GAMBAR 28**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
-Paip Siraman Rosak  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 29**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
-Lampu Masa Bagi Perlawanan Hoki Rosak  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 30**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Sub Switch Board Hilang  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 31**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Tandas Rosak  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 32**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Tempat Duduk Penonton Hilang  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 33**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Pagar yang Telah Rosak  
(04.03.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 34**



Padang Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah  
- Pagar yang Telah Diganti Baharu  
(24.02.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum Balas BPEN yang Diterima pada 12 Oktober 2020 dan 23 Februari 2021**

Sebagai langkah awal pencegahan kehilangan akibat pencerobohan, BPEN telah meluluskan peruntukan kepada JKR Negeri bertarikh 9 Julai 2020 bagi kerja menaik taraf pagar, longkang dan kerja berkaitan di Stadium Hoki, Kompleks Sukan Muadzam Shah. Kerja tersebut telah disiapkan pada 14 Disember 2020 dengan kos berjumlah RM491,747.

**Pendapat Audit** | Kerosakan dan kehilangan aset boleh menyebabkan peningkatan kos perbelanjaan pembaikan serta menjelaskan imej MSNK dan Kerajaan negeri.

#### **5.2.4. Pengurusan Hasil**

Seksyen 44 (2) (b), iaitu Kuasa untuk Membuat Peraturan-Peraturan dalam Warta Kerajaan Enakmen 30 Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman 2019 menetapkan peraturan-peraturan boleh dibuat untuk menetapkan fi atau caj bagi

perkhidmatan yang disediakan oleh PSNK, dan untuk kemasukan orang ke stadium, pameran atau aktiviti yang dianjurkan oleh PSNK.

#### **5.2.4.1. Hasil Sewaan *Venue Sukan***

- a. *Venue* sukan yang diuruskan oleh PSNK dikenakan sewaan penggunaan mengikut kadar yang diluluskan dalam Mesyuarat PSNK. Kadar sewaan adalah antara RM2 hingga RM2,500 mengikut tempoh jam, hari, sesi dan pertandingan yang dijalankan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13**  
**KADAR SEWAAN KEMUDAHAN SUKAN MENGIKUT *VENUE SUKAN***  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	VENUE SUKAN	KEMUDAHAN	TEMPOH	KADAR HARGA (RM)
<b>Kolam Renang</b>				
1.	Kompleks Akuatik	Dewasa	Individu	4
		Kanak-kanak	Individu	2
		Kolam 50 Meter	Sesi	400
		Kolam 25 Meter	Sesi	400
		Kolam 1.45 Meter	Sesi	400
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	Stadium Tertutup	Hari	2,500
		Padang Bola Sepak (Program Selain Bola Sepak seperti riadah dan rekreatif)	Hari	1,200
		Padang Bola Sepak	Pertandingan	200
3.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	Padang Bola Sepak	Jam	90
		Padang Hoki	Jam	50
		Gelanggang Skuasy	Jam	10
4.	Stadium Darul Aman	Padang Bola Sepak	Hari	500
		Trek	Hari	650
5.	Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena	Lapang Sasar (50 Meter)	Hari	250
		Lapang Sasar (25 Meter)	Hari	250
		Lapang Sasar (10 Meter)	Hari	250
6.	Gelanggang Boling Padang	Gelanggang	Hari	500

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- b. Semakan Audit mendapati *venue* sukan ini disewa oleh badan kerajaan, bukan kerajaan, sekolah, pihak swasta, badan korporat, persatuan sukan dan orang perseorangan. MSNK juga menyewa *venue* sukan tersebut untuk melatih atlet

di bawah kendaliannya. Bagaimanapun pada tahun 2017 hingga 2020, tiada rekod penggunaan dan penyewaan bagi Gelanggang Boling Padang.

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Anggaran Belanja Mengurus mendapati sasaran hasil yang disediakan oleh PSNK setiap tahun merangkumi keseluruhan *venue* sukan dan premis perniagaan milik PSNK. Bagaimanapun, **PSNK tidak meletakkan sasaran hasil secara terperinci bagi setiap venue sukan**. Berdasarkan analisis Audit terhadap Penyata Kewangan PSNK mendapati pada tahun 2017 dan 2018, hasil sewaan *venue* sukan adalah berjumlah RM1.68 juta dan RM1.49 juta. Pada tahun 2019 dan 2020 pula, hasil sewaan *venue* sukan masing-masing berjumlah RM1.70 juta dan RM0.82 juta. Secara keseluruhan, prestasi hasil sewaan terhadap *venue* sukan tersebut menurun pada tahun 2018 sebanyak RM185,953 (11.1%) dari tahun 2017. Bagaimanapun, hasil sewaan meningkat sebanyak RM204,506 (13.7%) pada tahun 2019. Pada tahun 2020, hasil sewaan berjumlah RM0.87 juta (51.6%). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PRESTASI SEWAAN VENUE SUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	VENUE SUKAN	TAHUN/HASIL SEWAAN (RM)				PERBANDINGAN ANTARA TAHUN (%)
		2017	2018	2019	2020	
1.	Stadium Darul Aman	905,331	847,530	1,172,140	655,845	27.6
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	503,968	419,751	371,562	105,014	79.2
3.	Kompleks Akuatik Negeri Kedah	151,218	133,405	127,939	44,011	70.9
4.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	106,428	79,500	18,292	12,000	88.7
5.	Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena	8,908	9,714	4,473	2,592	70.9
<b>JUMLAH</b>		<b>1,675,853</b>	<b>1,489,900</b>	<b>1,694,406</b>	<b>819,462</b>	<b>51.1</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

### Maklum Balas PSNK yang Diterima pada 19 Ogos 2021

Pada bulan Disember 2020, pengurusan PSNK telah mengambil tindakan dengan menyediakan sasaran hasil secara terperinci bagi setiap *venue* untuk digunakan pada tahun 2021.

**Pendapat Audit** | **Sasaran secara terperinci bagi setiap venue sukan yang tidak dibuat menyebabkan prestasi hasil sebenar venue tersebut tidak dapat diukur pada tahun 2017 hingga 2020.**

#### 5.2.4.2. Tunggakan Hasil Sewaan Venue Sukan

- a. Akaun Belum Terima (ABT) PSNK terdiri daripada penghutang sewaan termasuk tunggakan penggunaan fasiliti, premis perniagaan di *venue* sukan dan aset milik PSNK.
- b. Berdasarkan Penyata Kewangan PSNK, pada tahun 2017, tunggakan hasil sewaan bagi Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Sukan Muadzam Shah, Kompleks Akuatik Gunung Keriang dan Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena adalah berjumlah RM1.20 juta. Seterusnya pada tahun 2018 dan 2019, tunggakan tersebut masing-masing berjumlah RM1.33 juta dan RM1.46 juta. Berlaku peningkatan tunggakan sebanyak RM130,131 (10.9%) pada tahun 2018 berbanding 2017. Pada tahun 2019, tunggakan hasil juga meningkat sebanyak RM132,408 (10%) berbanding tahun 2018. Pada tahun 2020, berlaku penurunan tunggakan sebanyak RM6,375 (0.4%) berbanding pada tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**

**TUNGGAKAN HASIL SEWAAN VENUE SUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

<b>BIL.</b>	<b>VENUE SUKAN</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN HASIL SEWAAN MENGIKUT TAHUN (RM)</b>			
		<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
1.	Stadium Darul Aman	910,567	1,076,022	1,220,825	1,252,809
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	208,205	174,179	184,121	156,080
3.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	54,929	59,357	44,798	36,163
4.	Kompleks Akuatik Negeri Kedah	19,787	13,849	9,250	8,460
5.	Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena	4,590	4,802	1,623	730
<b>JUMLAH</b>		<b>1,198,078</b>	<b>1,328,209</b>	<b>1,460,617</b>	<b>1,454,242</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- c. Semakan Audit terhadap lejar penghutang PSNK sehingga bulan Disember 2020 mendapati **Persatuan A merupakan penghutang tertinggi bagi Stadium Darul Aman iaitu berjumlah RM1.17 juta**. Selain itu, penghutang kedua tertinggi adalah Persatuan B dengan hutang

tertunggak sehingga bulan Disember 2020 berjumlah RM63,070. Entiti C juga mempunyai hutang tertunggak bagi tempoh tahun 2017 dan 2018 dan telah dilunaskan pada tahun 2019. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, Persatuan A dan Persatuan B masih belum menjelaskan tunggakan sejak tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**SENARAI PENGHUTANG YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAGI PENYEWAAN VENUE STADIUM DARUL AMAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL	NAMA PENGHUTANG	JUMLAH HUTANG TERTUNGGAK MENGIKUT TAHUN (RM)			
		2017	2018	2019	2020
1.	Persatuan A	795,851	964,587	1,111,690	1,166,239
2.	Persatuan B	63,070	63,070	63,070	63,070
3.	Entiti C	21,188	21,188	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>880,109</b>	<b>1,048,845</b>	<b>1,174,760</b>	<b>1,229,309</b>

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati PSNK hanya mempunyai *Letter of Understanding* (LoU) dengan Persatuan A bertarikh 31 Disember 2017 yang menyatakan mengenai persetujuan penyewaan tersebut. Walaupun dalam LoU menyatakan dokumen perjanjian sewaan disertakan, namun dokumen tersebut tidak disediakan. Temu bual dengan pegawai PSNK menyatakan dokumen perjanjian sewaan tersebut masih belum dimuktamadkan kerana peralihan kuasa Pengerusi Persatuan A dan Pengerusi PSNK. Mengikut LoU, tempoh penyewaan adalah dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.
- e. Tunggakan berlaku antaranya disebabkan kelemahan dalam menguatkuasakan kutipan sewa. Antara contoh, walaupun surat kelulusan penggunaan *venue* sukan telah menyatakan bayaran sewaan hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum penggunaan, PSNK telah membenarkan *venue* sukan tersebut digunakan sebelum bayaran diterima. Peningkatan tunggakan sewaan *venue* sukan menyebabkan PSNK mengalami kekurangan hasil dan kerja pembaikan *venue* sukan tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

**Maklum Balas PSNK yang Diterima pada 12 Oktober 2020 dan 19 Ogos 2021**

PSNK telah berusaha dalam mengurangkan jumlah tunggakan hasil sewaan bagi semua *venue* di bawah pengurusan PSNK dengan mewujudkan Jawatankuasa *Task Force* Kutipan Akaun Belum Terima. Selain itu, PSNK telah membentangkan laporan tunggakan terkini Persatuan A dalam Mesyuarat PSNK Kali 1/2020 bertarikh 27 Julai

2020 untuk perhatian Pengerusi PSNK yang juga merupakan Presiden Persatuan A yang baru. Selain itu, surat peringatan telah dikeluarkan kepada Persatuan B bertarikh 24 April 2016. Tiada surat peringatan selanjutnya dikeluarkan kepada persatuan kerana pihak PSNK tidak dapat mengenal pasti alamat serta senarai ahli jawatankuasa dalam persatuan tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PSNK pada 30 Disember 2020 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah telah memutuskan kertas makluman berkenaan tunggakan sewaan yang melibatkan Persatuan A dibentangkan dalam mesyuarat Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman. Mesyuarat Perbadanan Stadium Negeri Kedah Kali 1/2021 bertarikh 3 Januari 2021 dipengerusikan oleh Pengerusi PSNK yang merupakan Presiden Persatuan A telah membincangkan kertas makluman tersebut dan bersetuju supaya pihak Persatuan A menyelesaikan tunggakan sewaan bagi penggunaan kemudahan di *venue* PSNK. Sehingga kini, masih tiada maklum balas diterima daripada pihak Persatuan A untuk menyelesaikan tunggakan. Pada tahun 2021, Persatuan A telah diswastakan dan menjadi persatuan baharu dan semua tuntutan akan dibuat kepada persatuan baharu. Selain itu, PSNK akan membentangkan kertas cadangan hapus kira tunggakan Persatuan B di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PSNK dan Mesyuarat Perbadanan Stadium Negeri Kedah untuk kelulusan.

**Pendapat | Kutipan tunggakan hasil sewaan oleh PSNK kurang berkesan Audit kerana jumlah hutang tertunggak menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2018 hingga 2020.**

### **5.2.5. Status Pemilikan Tanah *Venue* Sukan**

5.2.5.1. Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) menetapkan pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah terdiri daripada pelupusannya oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Selain itu, Seksyen 62 KTN juga menetapkan PBN bolehlah dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam. Pewartaan tersebut hendaklah menyatakan perihal tanah dan tujuan tanah dirizabkan, menetapkan pegawai awam yang bertanggungjawab serta rizab tanah tersebut dinyatakan bagi maksud awam.

5.2.5.2. Berdasarkan keputusan MMK yang bersidang pada 10 Oktober 2017, Majlis bersetuju dengan permohonan hak milik tanah bagi *venue* sukan di bawah pengurusan PSNK dan meletakkan syarat bagi tanah-tanah tersebut kepada syarat Bangunan (Tapak Rekreasi Stadium). Premium tanah ditetapkan pada kadar RM1,000 bagi setiap lot seperti butiran dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**SENARAI TANAH *VENUE* SUKAN YANG DIPOHON OLEH PSNK**

BIL	KAWASAN/LOT	KELUASAN YANG DIPOHON (HEKTAR)
1.	Stadium Sultan Abdul Halim (Lot 3403, 3342, 3343, 3707 dan Lot 1 Kawasan Suka Menanti)	7.24
2.	Lapang Sasar Pokok Sena (Sebahagian RC325, Lot 4285)	3.67
3.	Gelanggang Boling Padang (Sebahagian Lot 373,374 dan keseluruhan Lot 402 di kawasan Taman Rimba)	1.75
4.	Kompleks Akuatik (Sebahagian Lot 1828, 1829 dan 1831)	0.34

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

5.2.5.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati tanah Lapang Sasar Menembak, Pokok Sena telah ditukar milik kepada PSNK pada 14 Oktober 2019. Selain itu, berdasarkan minit mesyuarat dan fail tanah mengenai pemilikan tanah *venue* sukan mendapati PSNK telah mengemukakan permohonan tanah kerajaan secara pemilikan geran bagi empat *venuesukan* kepada Pejabat Tanah Kota Setar (PTKS) antara 23 Februari 2017 hingga 27 Januari 2019. Permohonan tersebut telah diproses dan PSNK perlu menanggung kos yang tinggi, iaitu berjumlah RM18.17 juta melibatkan bayaran premium, bayaran wang pertaruhan dan pertukaran hak milik. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai PSNK bahawa pihaknya tidak mampu menjelaskan kos tersebut disebabkan sumber kewangan yang terhad. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**KOS PEMILIKAN TANAH YANG PERLU DITANGGUNG OLEH PSNK**

BIL.	KAWASAN/LOT	KELUASAN YANG DIPOHON (HEKTAR)	TARIKH PERMOHONAN KEPADA PTKS	TARIKH MAKLUM BALAS PTKS	KOS YANG PERLU DITANGGUNG (RM Juta)
1.	Tanah Gelanggang Boling Padang	1.50	23.02.2017	TM	TM
2.	Stadium Sultan Abdul Halim	6.78	23.02.2017	04.04.2019	0.70
3.	Tanah Kompleks Akuatik Gunung Keriang	3.88	18.11.2018	10.12.2019	9.69
4.	Tanah Perkarangan Stadium Darul Aman	1.94	27.01.2019	10.12.2019	7.78

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Kedah

Nota: TM – Tiada Maklumat

5.2.5.4. Sehubungan itu, Mesyuarat PSNK Bilangan 1 Tahun 2019 bertarikh 1 Ogos 2019 telah memutuskan Pengurusan PSNK membuat permohonan supaya status tanah PSNK diletakkan di bawah Seksyen 62 KTN, dan PSNK sebagai penjaga dan penyenggara sahaja. PSNK telah mengemukakan surat permohonan tersebut kepada Pegawai Daerah Kota Setar pada 18 Disember 2019.

5.2.5.5. Selain itu, antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat PSNK adalah mewujudkan Dasar Penggantian *Venue* PSNK bagi memastikan tanah *venue* sukan yang telah diambil dibuat penggantian. Bagaimanapun, pewujudan dasar tersebut terpaksa ditangguhkan disebabkan status hak milik tanah *venue* sukan yang belum dimuktamadkan.

**5.2.5.6. *Sehingga tarikh pengauditan dibuat, status tanah bagi venue sukan tersebut masih belum dipindahkan kepada PSNK.***

**Maklum Balas PSNK yang Diterima pada 12 Oktober 2020 dan 17 Ogos 2021**

Perbadanan Stadium Negeri Kedah telah mengadakan mesyuarat dengan Pejabat Tanah Kota Setar (PTKS) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Kedah) pada 2 Julai 2020. Semasa mesyuarat tersebut PSNK telah dimaklumkan bahawa proses perizaban tanah *venue* sukan di bawah Seksyen 62, KTN masih lagi dalam tindakan PTKS. Ia akan dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Kedah) sebelum diangkat kepada PBN untuk kelulusan.

Bagi tanah perkarangan Stadium Darul Aman dan tanah Stadium Sultan Abdul Halim, PSNK telah menerima maklum balas daripada PTKS masing-masing melalui surat PTKS/K01/39/2017 dan PTKS/K/39/2017(11) bertarikh 29 Disember 2020. Surat maklum balas tersebut menyatakan sokongan perizaban di bawah Seksyen 62, KTN yang telah dihantar ke PTG Kedah masing-masing pada 9 dan 29 Disember 2020. Bagi tanah gelanggang boling padang, PTKS menyatakan masih dalam proses tindakan Laporan Am Tanah (Laporan Semula Secara Perizaban) oleh Penolong Pegawai Tanah. Bagi tanah Kompleks Akuatik, PTKS memaklumkan masih dalam proses menunggu pandangan teknikal daripada Majlis Bandaraya Alor Setar.

**Pendapat | Status perizaban tanah *venue* sukan yang belum selesai boleh Audit | menyebabkan PSNK kehilangan hak terhadap tanah *venue* sukan tersebut.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan prestasi projek yang dilaksanakan kurang cekap kerana dua daripada tiga projek lewat disiapkan berbanding jadual asal yang ditetapkan. Penilaian pencapaian keberhasilan pula tidak dapat diukur namun *venue* sukan secara umumnya telah dimanfaatkan melalui penggunaan oleh persatuan sukan dan orang awam. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan kemudahan sukan seperti peratus perbelanjaan yang rendah berbanding peruntukan, proses perolehan bagi dua projek yang diaudit tidak teratur, pembaikan dan baik pulih *venue* sukan tidak dijalankan serta pengurusan tunggakan hasil dan pemilikan tanah yang kurang cekap. Keadaan ini menyebabkan objektif aktiviti yang ditetapkan masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang, adalah disyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.1. PSNK dan MSNK perlu menetapkan sasaran penggunaan *venue* sukan dan Buku Log penggunaan *venue* sukan perlu diselenggara dengan baik dan kemas kini;
- 7.2. BPEN dan JKR perlu memastikan pelaksanaan projek dan kerja baik pulih *venue* sukan dirancang dengan teliti dan dipantau dengan berkesan supaya kerja dapat disiapkan mengikut tempoh dan kualiti yang ditetapkan;
- 7.3. BPEN perlu melaksanakan perancangan bajet yang teliti dan prestasi perbelanjaan perlu ditambah baik mengikut keutamaan bagi memastikan kemudahan sukan berada pada tahap optimum;
- 7.4. BPEN dan JKR Negeri hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kerajaan dan arahan-arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan supaya proses perolehan dan pembayaran dilaksanakan dengan telus, cekap dan berkesan;
- 7.5. PSNK hendaklah mengambil tindakan yang lebih berkesan dan proaktif bagi memastikan tunggakan hasil dapat dikutip; dan
- 7.6. PSNK dan MSNK hendaklah menyediakan peruntukan mengurus yang mencukupi bagi menyenggara *venue* sukan.



## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**

**3. DARUL AMAN ASET SDN. BHD.**



## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH DARULAMAN ASET SDN. BHD.**

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Penilaian meliputi sembilan aspek tadbir urus korporat yang diaudit iaitu Pengurus, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, *Standard Operating Procedures (SOP)*, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam dan Pemantauan Syarikat Subsidiari bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020.
- Pengurusan aktiviti pula meliputi pengurusan bangunan, pemberian dan penyenggaraan fasiliti bangunan serta penjualan lot kuota Melayu bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020.
- Analisis turut dijalankan terhadap pernyataan kewangan beraudit bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 yang merangkumi analisis pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, aset, liabiliti dan aliran tunai.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Darulaman Aset Sdn. Bhd. (DASB) merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan modal berbayar berjumlah RM250,000.
- Sasaran DASB untuk menjadi sebuah syarikat pengurusan senggaraan fasiliti bangunan yang terunggul di rantau Wilayah Utara yang memberi perkhidmatan kepada aset atau harta tanah milik PKNK, syarikat subsidiari PKNK, Kerajaan negeri dan pihak swasta.
- DASB diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Kedah melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) untuk bertindak sebagai agen pemasaran bagi jualan lot kuota Melayu yang tidak berjaya dijual oleh pemaju di negeri Kedah.

#### **Apa yang ditemui Audit?**

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan DASB untuk menceburi bidang pengurusan aset dan harta tanah telah tercapai. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat DASB berada pada tahap kurang memuaskan. Manakala pengurusan aktiviti juga kurang cekap

di mana terdapat beberapa kelemahan dalam prestasi dan pelaksanaan aktiviti yang perlu ditambah baik. Kedudukan kewangan DASB berada pada tahap kurang stabil kerana trend pendapatan utama menurun dan jumlah liabiliti telah melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

### **Tadbir Urus Korporat**

- Amalan tadbir urus korporat DASB adalah kurang memuaskan. Penambahbaikan diperlukan dalam aspek berkaitan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, SOP, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama serta pemantauan syarikat subsidiari.

### **Pengurusan Aktiviti**

- Prestasi pendapatan berbanding sasaran yang ditetapkan daripada aktiviti pengurusan bangunan bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing sebanyak 79.1%, 86.3% dan 76.1%. Namun, pada tahun 2020 pendapatan bagi aktiviti tersebut telah mencapai sasaran.
- Prestasi pendapatan berbanding sasaran yang ditetapkan daripada aktiviti pemberian dan penyenggaraan fasiliti bangunan bagi tahun 2017 hingga 2020 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing sebanyak 81%, 79.2%, 54.5% dan 55.8%.
- Prestasi keuntungan syarikat bagi tempoh tiga tahun mencatatkan penurunan di mana pada tahun 2018 dan 2019, DASB mengalami kerugian masing-masing sejumlah RM8,367 dan RM60,311.
- Prestasi penjualan lot kuota Melayu tidak dapat diukur kerana aktiviti tersebut tidak dilaksanakan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020.
- Dokumen kontrak yang baharu bagi pengurusan bangunan Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall, Kompleks Ukir Square dan Condo 900 tidak disediakan.
- Pelantikan syarikat kawalan keselamatan bagi Condo 900 dibuat kepada syarikat yang tidak mempunyai Lesen Agensi Persendirian.

- Dokumen kontrak bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan dan pencucian tidak disediakan.
- Perkhidmatan pembersihan dan pencucian di Wisma PKNK dan Kompleks Ukir Mall kurang memuaskan.
- Tuggakan bayaran daripada pemilik/penghuni Condo 900 meningkat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- DASB tidak menyediakan pelan pemasaran dan promosi secara efektif untuk mencari peluang perniagaan baharu bagi meningkatkan pendapatan dan prestasi syarikat.

### **Kedudukan Kewangan**

- Kedudukan kewangan DASB adalah kurang stabil kerana pendapatan DASB menurun bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.
- Jumlah liabiliti telah melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- Baki tunai dan kesetaraan tunai DASB berbaki positif namun menunjukkan trend menurun bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.



# PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

## 3. DARULAMAN ASET SDN. BHD.

### FAKTA UTAMA

**28.01.1995**

Ditubuhkan di bawah  
Akta Syarikat 1965

**01.01.2010**

Dipindah milik kepada PKNK

**24.08.2008**

Mula beroperasi

**RM250,000**

Modal Berbayar

**Jenis Syarikat**

- i. Syarikat Berhad Menurut Syer
- ii. Milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)

**Objektif Utama  
Penubuhan**

Menceburid dalam bidang pengurusan aset dan hartanah

**Aktiviti Utama**

Pengurusan bangunan

**syarikat subsidiari**


Darulaman Solutions Sdn. Bhd.

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Darulaman Aset Sdn. Bhd. (DASB) ditubuhkan pada 28 Januari 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM250,000. DASB merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan mula beroperasi pada 24 Ogos 2008 dalam bidang pengurusan aset dan hartanah. Pada awal penubuhannya, DASB merupakan syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Bina Darulaman Berhad (BDB) dan telah dipindah milik kepada PKNK pada 1 Januari 2010. DASB mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu Darulaman Solutions Sdn. Bhd. (DSSB) yang berstatus aktif dengan pegangan saham sebanyak 70%.

1.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif penubuhan DASB adalah untuk menceburid dalam bidang pengurusan aset dan hartanah. Aktiviti utama DASB adalah dalam pengurusan bangunan. Selain itu, DASB juga menjalankan aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan, pengurusan parkir, pembersihan dan pencucian, kawalan keselamatan, pengurusan acara dan sewa urus bangunan serta penjualan lot kuota Melayu. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, aktiviti pengurusan bangunan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan DASB iaitu antara 64.9% hingga 73% manakala aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan menyumbang pendapatan kedua tertinggi iaitu antara 10.5% hingga 12.4%. Pendapatan DASB diperoleh daripada yuran pengurusan, bayaran perkhidmatan dan bayaran parkir. Model Perniagaan DASB adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**MODEL PERNIAGAAN DASB**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan DASB melalui amalan tadbir urus korporat yang baik, pengurusan aset dan harta tanah yang cekap, berkesan dan berhemat serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan sembilan aspek tadbir urus korporat termasuk aspek pemantauan syarikat subsidiari bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap pengurusan aset dan harta tanah terdiri daripada aktiviti pengurusan bangunan, aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan serta aktiviti penjualan lot kuota Melayu.

3.2. Dua bidang utama yang dinilai bagi pengurusan aktiviti ialah prestasi aktiviti dan pelaksanaan aktiviti yang terlibat. Prestasi aktiviti dinilai dari aspek pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan prestasi pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan serta aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan. Pencapaian keberhasilan DASB pula dinilai berdasarkan prestasi keuntungan syarikat, penjualan lot kuota Melayu di negeri Kedah dan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan DASB. Perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah berkaitan dengan perkhidmatan pengurusan bangunan, penjualan lot kuota Melayu serta pelan pemasaran dan promosi. Selain itu, aspek kedudukan kewangan turut dinilai dengan melaksanakan analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2017, 2018 dan 2019.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat DASB di Alor Setar, Kedah. Pihak Audit juga menjalankan lawatan fizikal terhadap bangunan yang diuruskan oleh DASB, iaitu Wisma PKNK dan Kompleks Ukir Mall di Alor Setar, Kompleks Ukir Square di Sungai Petani dan Condo 900 di Jitra. Selain itu, pihak Audit turut menjalankan lawatan fizikal terhadap aktiviti pengurusan terminal bas dan parkir yang dijalankan oleh syarikat subsidiari iaitu DSSB di Sungai Petani.

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen serta menganalisis data berkaitan. Pengesahan dengan pihak ketiga iaitu Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) juga dilaksanakan bagi mengesahkan maklumat mengenai peranan DASB sebagai agen jualan lot kuota Melayu. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan DASB tahun 2017 dan 2018 yang diaudit oleh Tetuan Baqir Hussain & Co. dan penyata kewangan tahun 2019 yang diaudit oleh Jamal, Amin & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pihak Audit turut mengedarkan borang soal selidik kajian kepuasan pelanggan bagi menilai tahap kepuasan terhadap perkhidmatan yang dilaksanakan oleh DASB.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2020 dan perkara yang ditemui serta maklum balas DASB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 1 Mac 2021. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:


##### **5.1. Tadbir Urus Korporat**

5.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan di bawah PKNK, pengurusan DASB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Syarikat 2016, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Perlembagaan Syarikat, *Standard Operating Procedures* (SOP), pekeliling dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah Malaysian Code on Corporate

Governance (MCCG) 2017, The Green Book-Enhancing Board Effectiveness April 2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [Handbook MKD] dan panduan tadbir urus daripada Chartered Institute of Internal Auditors.

5.1.2. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, pengurusan DASB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh empat orang Pegawai Eksekutif. Selepas persaraan Pengurus Besar pada 30 Jun 2020, pelantikan Pengurus Besar yang baharu masih belum dilaksanakan. Bagaimanapun, seorang *caretaker manager* telah dilantik bagi menguruskan DASB. Bilangan kakitangan DASB pada 31 Disember 2020 ialah seramai 20 orang yang terdiri daripada eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur organisasi DASB terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian Pembangunan Perniagaan, Bahagian Operasi, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia serta Bahagian Kewangan seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**CARTA ORGANISASI DASB PADA 31 DISEMBER 2020**



Sumber: Carta Organisasi DASB

5.1.3. Semakan Audit mendapati DASB telah mengamalkan tiga daripada sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Jawatankuasa Audit (JKA) dan Audit Dalam. Bagaimanapun, enam aspek amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), SOP, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Pemantauan Syarikat Subsidiari. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan adalah seperti berikut:

**a. Lembaga Pengarah**

- i. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, Lembaga Pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak lebih daripada 12 orang ahli. Amalan 4.1, MCCG 2017 menetapkan sekurang-kurangnya separuh daripada

komposisi Lembaga Pengarah adalah Pengarah berstatus bebas. Semakan Audit mendapati sehingga 31 September 2020, Lembaga Pengarah DASB dianggotai oleh tiga orang ahli yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang ahli. Bagaimanapun, **kesemua ahli yang dilantik adalah berstatus tidak bebas kerana mereka merupakan pegawai daripada agensi induk iaitu PKNK**. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana keahlian Lembaga Pengarah DASB ditentukan oleh agensi induk berdasarkan saiz syarikat dan aktiviti yang dijalankan. Keadaan ini tidak selaras dengan amalan terbaik dan boleh menimbulkan risiko konflik kepentingan dalam membuat keputusan dan penyalahgunaan kuasa.

- ii. Amalan 3.1, MCCG 2017 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati **Lembaga Pengarah tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk Pengarah syarikat**.

#### **Maklum Balas DASB yang diterima pada 11 Februari 2021 dan 7 Mac 2021**

Keputusan mengenai pelantikan ahli Lembaga Pengarah DASB dibuat oleh Pengerusi PKNK merangkap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Pihak PKNK tidak bercadang untuk melantik ahli Lembaga Pengarah yang berstatus bebas memandangkan pendapatan DASB adalah terhad kerana lebih tertumpu kepada perkhidmatan pengurusan bangunan PKNK. Bagaimanapun, pihak PKNK dalam proses penyediaan kertas kerja berkaitan dengan dasar pelantikan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari yang akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PKNK pada bulan April 2021.

Kod Tatalaku dan Etika untuk Pengarah syarikat telah disediakan oleh PKNK untuk diguna pakai oleh syarikat subsidiarinya. Bagaimanapun, Kod Tatalaku dan Etika tersebut hanya melibatkan Pengarah syarikat sahaja. DASB sedang menyediakan draf Kod Tatalaku dan Etika yang lebih menyeluruh untuk diangkat dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah bagi suku ketiga tahun 2021.

**Pendapat Audit | Pelantikan semua ahli Lembaga Pengarah berstatus tidak bebas boleh menimbulkan konflik kepentingan dan menjelaskan ketelusan Lembaga Pengarah dalam membuat sesuatu keputusan mengenai syarikat.**

## b. Setiausaha Syarikat

- i. Seksyen 236(1) Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat dan menentukan terma dan syarat pelantikan tersebut. Panduan 1.4, amalan 1.4, MCCG 2017 menyatakan Setiausaha Syarikat berperanan menasihati Lembaga Pengarah mengenai peranan dan tanggungjawab mereka. Selain itu, Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab menguruskan logistik bagi semua mesyuarat ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya; menghadiri dan mencatat minit bagi semua mesyuarat ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya; serta memudah cara komunikasi Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat juga hendaklah mematuhi Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam menjalankan tanggungjawabnya.
- ii. Semakan Audit mendapati pelantikan Setiausaha Syarikat DASB dilaksanakan di peringkat agensi induk. Berdasarkan surat pengesahan pelantikan Setiausaha Syarikat bil. (57a) dlm.PKN(K) 2/C Jld 20 bertarikh 1 Januari 2020, Setiausaha Syarikat DASB yang dilantik adalah Timbalan Pengurus Setiausaha Korporat dan Perundangan PKNK berkuat kuasa mulai 21 Mac 2003. Terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat berkaitan dengan tempoh lantikan dan bidang tugas telah dinyatakan melalui surat tersebut kecuali perkara berkaitan kadar yuran Setiausaha Syarikat. Yuran yang dibayar adalah berjumlah RM1,200 setahun dan dibayar kepada agensi induk iaitu PKNK.
- iii. Semakan Audit mendapati **tiada agenda berkaitan dengan SOP, pelan strategik, KPI dan Laporan Prestasi syarikat subsidiari ditetapkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah**. Perkara ini berlaku kerana Setiausaha Syarikat tidak menasihati pengurusan DASB berkaitan penetapan agenda tetap dalam mesyuarat tersebut. Berdasarkan minit mesyuarat ahli Lembaga Pengarah, agenda yang dibincangkan antaranya seperti pembentangan bajet tahunan, pencapaian prestasi kewangan, projek-projek yang sedang dijalankan dan perkara-perkara berbangkit berkaitan dengan aktiviti syarikat.
- iv. Keadaan ini menyebabkan perkara yang memerlukan pandangan, pemantauan dan kelulusan Lembaga Pengarah tidak diangkat untuk dibincangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.

## **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 3 Ogos 2021**

Pihak pengurusan DASB telah membentangkan isu tersebut dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah DASB Bil. 2 Tahun 2021 yang diadakan pada 16 Mac 2021 untuk makluman Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah DASB telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Exco DASB bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu yang dibangkitkan untuk tindakan selanjutnya. Keanggotaan jawatankuasa tersebut terdiri daripada seorang ahli Lembaga Pengarah DASB sebagai Pengerusi dan enam orang pegawai dari PKNK. Sehubungan itu, tindakan selanjutnya akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Exco yang akan datang.

**Pendapat | Setiausaha Syarikat yang tidak memainkan peranan secara Audit efektif boleh menjelaskan keberkesanan tadbir urus korporat syarikat.**

### **c. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)**

- i. Berdasarkan SOP berkaitan terma dan syarat perkhidmatan kakitangan DASB, kuasa melantik kakitangan bagi jawatan pengurus dan ke atas diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga Pengarah DASB. Manakala bagi jawatan yang lain diletakkan di bawah kuasa Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) atau Pengurus.
  
- ii. Semakan Audit mendapati sebelum jawatan Pengurus Besar diwujudkan pada 1 Oktober 2016, pengurusan DASB diketuai oleh KPE. Bagaimanapun, jawatan KPE tidak lagi diisi sejak kekosongan jawatan tersebut pada 29 Julai 2016.  
**Pihak Audit tidak dapat mengesahkan status kewujudan jawatan KPE kerana tiada sebarang keputusan mengenainya dibincang atau direkodkan dalam minit mesyuarat ahli Lembaga Pengarah DASB.**
  
- iii. Selepas persaraan Pengurus Besar pada 30 Jun 2020, Lembaga Pengarah DASB telah melantik seorang *caretaker manager* untuk mengetuai DASB berkuat kuasa mulai 15 Julai 2020. Pihak Audit mendapati **terma dan syarat pelantikan serta peranan caretaker manager tidak dinyatakan dalam surat pelantikan**. Bayaran elauan *caretaker manager*

hanya diputuskan melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 3 Tahun 2020 yang bertarikh 4 Oktober 2020.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021 dan 3 Ogos 2021**

Perkara ini tidak pernah dibangkitkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah setelah kekosongan jawatan KPE sejak 29 Julai 2016.

Pihak pengurusan DASB telah membentangkan isu tersebut dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah DASB Bil. 2 Tahun 2021 yang diadakan pada 16 Mac 2021 untuk makluman Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah DASB telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Exco DASB bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu yang dibangkitkan untuk tindakan selanjutnya.

**Pendapat Audit** | **Ketiadaan sumber rujukan yang jelas menyebabkan peranan dan had bidang kuasa caretaker manager tidak dapat ditentukan dan memberi risiko penyalahgunaan kuasa.**

#### **d. Standard Operating Procedures (SOP)**

- i. Handbook MKD – perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan dan aktiviti syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pematuhan SOP yang telah diluluskan hendaklah merangkumi kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, berdasarkan Pelan Strategik DASB Tahun 2019 – 2023, antara objektif strategik DASB adalah untuk mewujudkan SOP yang jelas dan praktikal serta mudah difahami dan dilaksanakan oleh kakitangan.
- ii. Semakan Audit mendapati DASB telah menyediakan SOP berkaitan pentadbiran, perkhidmatan kakitangan, pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Bagaimanapun, **SOP yang disediakan tidak lengkap dan tidak dikemas kini selaras dengan operasi dan aktiviti semasa syarikat**. Antaranya adalah SOP berkaitan pengurusan kewangan,

perkhidmatan kakitangan dan aktiviti pengurusan bangunan. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati SOP yang disediakan tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

- iii. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana semakan semula terhadap SOP yang disediakan tidak pernah dibuat oleh pihak pengurusan DASB. Ketiadaan prosedur yang lengkap telah memberi kesan kepada operasi syarikat seperti pengurusan dan pelaksanaan kontrak yang tidak teratur. Selain itu, SOP yang tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah tidak dapat dijadikan dokumen rujukan rasmi syarikat dan dikuatkuasakan penggunaannya.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB mengambil maklum mengenai perkara tersebut. Tindakan segera akan diambil untuk menyemak semula dan menyediakan SOP yang lengkap serta dikemas kini merangkumi semua aktiviti syarikat, perkhidmatan kakitangan dan prosedur kewangan. SOP ini dijangka dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah dalam mesyuarat bagi suku ketiga tahun 2021 setelah mengambil kira kekangan masa dan tenaga kerja yang agak terhad akibat pandemik Covid-19.

**Pendapat | SOP yang tidak lengkap dan kemas kini serta tidak mendapat Audit | kelulusan Lembaga Pengarah memberi risiko terhadap kawalan dalaman pengurusan pentadbiran dan kewangan serta operasi syarikat.**

## **e. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

### **i. Pelan Strategik**

- Amalan Terbaik MCCG 2017 amalan 1.1, panduan 1.1 dan Handbook MKD perenggan 2.2(b) menyarankan rancangan korporat/pelan strategik diluluskan dan pelaksanaannya dipantau oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Halatuju Strategik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah 2019-2023 menghendaki setiap syarikat subsidiari menyediakan pelan strategik bagi tempoh lima tahun.

- Semakan Audit mendapati pelan strategik **DASB bagi tahun 2018 dan tahun sebelumnya tidak pernah disediakan.** Bagaimanapun, pada tahun 2019 DASB telah menyediakan pelan strategik bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 selaras dengan kehendak agensi induk. Tumpuan utama pelan strategik tersebut adalah memfokuskan kepada tiga aktiviti perniagaan utama DASB. Aktiviti tersebut ialah aktiviti jualan dan pemasaran harta tanah milik PKNK dan syarikat subsidiari, aktiviti pengurusan penyenggaraan gudang dan logistik serta aktiviti pencucian kawasan ladang.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiga aktiviti yang dinyatakan dalam pelan strategik DASB tidak dilaksanakan pada tahun 2019 dan 2020** sebaliknya hanya menumpukan kepada aktiviti yang sedia ada. Selain itu, pihak Audit mendapati **pelan strategik tersebut tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah DASB.**
- Pihak Audit dimaklumkan oleh pengurusan DASB bahawa perkara ini berlaku kerana arahan penyediaan pelan strategik tersebut dibuat dalam tempoh yang singkat menyebabkan kajian secara terperinci tidak dapat dilaksanakan sebelum menyediakan pelan strategik tersebut. DASB juga tidak maklum berhubung keperluan membentangkan pelan strategik yang disediakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, tiada bukti menunjukkan Setiausaha Syarikat telah menasihati pengurusan DASB berhubung perkara tersebut. Ini menyebabkan hala tuju syarikat tidak dapat ditentukan dengan jelas dan tiada pemantauan daripada Lembaga Pengarah.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB tidak pernah menyediakan pelan strategik untuk tahun 2018 dan tahun sebelumnya kerana tidak maklum akan keperluan pelan tersebut. Penyediaan pelan strategik ini hanya disediakan atas inisiatif oleh agensi induk bermula tahun 2019. Proses penyediaan pelan strategik tersebut dibuat dalam tempoh masa yang singkat dan tiada kajian terperinci dapat dibuat mengenai perancangan untuk jangka masa lima tahun seperti yang dikehendaki oleh agensi induk. Sebagai langkah penambahbaikan, pihak DASB telah mengemas kini pelan strategik untuk tempoh tahun 2021 hingga 2023 dengan meletakkan sasaran yang lebih realistik. Pelan strategik yang baharu telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 4 Tahun 2020 pada 20 Disember 2020.

**Pendapat Audit** | **Penyediaan pelan strategik tanpa kajian secara terperinci dan kelulusan Lembaga Pengarah menyebabkan hala tuju syarikat yang dirancang tidak tercapai.**

## **ii. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

- Greenbook Bahagian 1 perenggan 3.2 dan Handbook MKD perenggan 3.33 hingga 3.35 menyarankan Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Sasaran dan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama hendaklah disedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Di samping itu, Halatuju Strategik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah 2019-2023 juga menghendaki setiap syarikat subsidiari menyediakan KPI bagi tujuan pemantauan.
- Semakan Audit mendapati **KPI bagi tahun 2018 dan sebelumnya tidak pernah disediakan** oleh DASB. Manakala, KPI bagi tahun 2019 dan 2020 telah disediakan selaras dengan kehendak Halatuju Strategik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah 2019-2023. DASB telah menetapkan empat KPI utama syarikat, iaitu pembangunan dan pembelajaran kakitangan, kewangan syarikat, pelanggan dan proses kerja dalaman. Pihak Audit mendapati laporan pencapaian KPI bagi tahun 2019 dan 2020 disediakan secara bulanan untuk dikemukakan kepada PKNK.  
**Namun, KPI bagi tahun 2019 sahaja dibentangkan kepada Lembaga Pengarah DASB.**
- Perkara ini berlaku kerana pembentangan KPI tidak dijadikan agenda tetap mesyuarat ahli Lembaga Pengarah. Hal ini menyebabkan Lembaga Pengarah tidak dapat memantau prestasi syarikat mengikut KPI yang telah ditetapkan.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021 dan 3 Ogos 2021**

Pihak DASB tidak maklum akan keperluan penyediaan KPI. Bermula tahun 2019, agensi induk telah menyediakan bengkel penyediaan KPI kepada semua syarikat subsidiari PKNK untuk disatukan dalam KPI Kumpulan PKNK.

Pihak DASB mengambil maklum mengenai KPI tahun 2020 tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah kerana terlepas pandang untuk diangkat dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2020 yang diadakan pada 3 Jun 2020.

Pihak pengurusan DASB telah membentangkan isu tersebut dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah DASB Bil. 2 Tahun 2021 yang diadakan pada 16 Mac 2021 untuk makluman Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah DASB telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Exco DASB bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu yang dibangkitkan untuk tindakan selanjutnya.

**Pendapat Audit** | **KPI yang disediakan tidak dibentangkan untuk kelulusan dan pemantauan oleh Lembaga Pengarah. Pemantauan terhadap KPI adalah penting bagi memastikan operasi syarikat dilaksanakan selari dengan sasaran yang ditetapkan dan prestasi syarikat dapat dinilai oleh Lembaga Pengarah.**

#### f. Pemantauan Syarikat Subsidiari

- i. DASB memiliki sebuah syarikat subsidiari iaitu Darulaman Solutions Sdn. Bhd. (DSSB) yang ditubuhkan pada tahun 2013 dengan modal berbayar berjumlah RM100,000. Pegangan saham DASB adalah sebanyak 70% manakala 30% lagi dipegang oleh MyETrade Sdn. Bhd. (MyETrade). Komposisi Lembaga Pengarah DSSB terdiri daripada Pengerusi DASB sendiri sebagai Pengerusi dan empat ahli lain, iaitu dua wakil daripada PKNK dan dua wakil MyETrade. DSSB menjalankan aktiviti mengurus dan mengendali sistem terminal bas, pengurusan dan pengendalian sistem parkir, pemasaran ruang iklan dan pengurusan penyewaan kaunter jualan tiket di Kompleks Ukir Square, Sungai Petani seperti **Gambar 1** dan **2**.

**GAMBAR 1**



Kompleks Ukir Square, Sungai Petani  
- Terminal Bas  
(02.12.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Kompleks Ukir Square, Sungai Petani  
- Perkhidmatan Parkir  
(02.12.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Handbook MKD perenggan 3.46 menyatakan Lembaga Pengarah syarikat induk harus memastikan laporan prestasi syarikat subsidiari dibentangkan dari semasa ke semasa dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah syarikat induk bagi tujuan pemantauan.
- iii. Berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2017 hingga 2019, keuntungan sebelum cukai DSSB menunjukkan peningkatan kecuali bagi tahun 2018. Keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan berjumlah RM21,127 (2017), RM12,469 (2018) dan RM85,938 (2019). Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat ahli Lembaga Pengarah DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 mendapati **laporan prestasi DSSB tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah DASB**. Perkara ini berlaku kerana pengurusan DASB tidak dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat mengenai keperluan untuk membentangkan prestasi syarikat subsidiarinya dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah DASB.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Bermula tahun 2021, laporan prestasi dan kewangan DSSB akan dibentangkan dalam setiap mesyuarat ahli Lembaga Pengarah DASB. DASB juga telah berbincang dengan Setiausaha Syarikat untuk menetapkan perkara tersebut dijadikan sebagai agenda tetap dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Prestasi syarikat subsidiari tidak dapat dinilai dan diperingkatkan kerana tidak dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah DASB untuk tujuan pemantauan.</b>
-----------------------	--

## **5.2. Pengurusan Aktiviti**

DASB merupakan syarikat yang berorientasikan keuntungan. Antara aktiviti yang dijalankan oleh DASB adalah perkhidmatan pengurusan bangunan, pembaikan dan penyenggaraan bangunan, pengurusan parkir, pembersihan dan pencucian, kawalan keselamatan, pengurusan acara dan sewa urus bangunan. Selain itu, pada tahun 2010 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK), DASB diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk bertindak sebagai agen pemasaran bagi jualan lot kuota Melayu yang tidak berjaya dijual oleh pemaju di negeri Kedah.

### **5.2.1. Prestasi Aktiviti**

#### **5.2.1.1. Pencapaian Output**

Pencapaian output dinilai terhadap dua aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan tertinggi bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, iaitu aktiviti pengurusan bangunan serta aktiviti pembinaan dan penyenggaraan fasiliti bangunan.

##### **a. Prestasi Pendapatan Aktiviti Pengurusan Bangunan**

- i. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, DASB menguruskan sebanyak lima kontrak pengurusan bangunan iaitu Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall, Kompleks Ukir Square, Condo 900 dan Menara BDB. Skop bagi perkhidmatan pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh DASB antaranya merangkumi penyenggaraan sistem penghawa dingin, sistem *sewerage & cold water*, sistem *pump & genset*, sistem pencegahan kebakaran serta lif dan eskalator. Skop kerja lain meliputi perkhidmatan pembersihan dan pencucian, pengurusan landskap, kawalan serangga perosak dan kawalan keselamatan. Pendapatan daripada aktiviti ini adalah melalui yuran pengurusan dan yuran penyenggaraan bangunan yang dikenakan kepada pemilik bangunan. DASB menetapkan sasaran pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan melalui belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Berdasarkan Laporan Belanjawan Tahunan DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, semakan Audit mendapati **sasaran pendapatan DASB bagi aktiviti pengurusan bangunan menunjukkan trend penurunan. Penetapan sasaran didapati menurun bagi tahun 2018 hingga 2020 masing-masing sebanyak 6.4%, 0.50% dan 25.9%**.

iii. Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 mendapat pencapaian pendapatan aktiviti pengurusan bangunan adalah antara 76.1% hingga 100% berbanding sasaran tahunan. Pencapaian 100% adalah bagi tahun 2020. Prestasi pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PRESTASI PENDAPATAN AKTIVITI PENGURUSAN BANGUNAN**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	KONTRAK	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN	
			RM	%
2017	Wisma PKNK	365,940	348,221	95.2
	Kompleks Ukir Mall	476,685	507,671	106.5
	Kompleks Ukir Square	542,661	534,123	98.4
	Menara BDB	66,000	66,000	100
	Condo 900	270,240	248,481	91.9
	Kompleks Darul Qiyyam	432,226	0	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,153,752</b>	<b>1,704,496</b>	<b>79.1</b>
2018	Wisma PKNK	348,221	356,256	102.3
	Kompleks Ukir Mall	507,670	545,281	107.4
	Kompleks Ukir Square	534,123	541,683	101.4
	Menara BDB	66,000	22,000	33.3
	Condo 900	248,543	274,558	110.5
	Taman Halal	312,000	0	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,016,557</b>	<b>1,739,778</b>	<b>86.3</b>
2019	Wisma PKNK	357,863	336,453	94.0
	Kompleks Ukir Mall	552,803	456,586	82.6
	Kompleks Ukir Square	543,195	452,127	83.2
	Condo 900	281,622	281,571	99.9
	Taman Halal	270,000	0	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,005,483</b>	<b>1,526,737</b>	<b>76.1</b>
2020	Wisma PKNK	332,171	332,171	100
	Kompleks Ukir Mall	437,343	437,343	100
	Kompleks Ukir Square	433,914	433,914	100
	Condo 900	283,065	283,198	100
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,486,493</b>	<b>1,486,626</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan Belanjawan Tahunan dan Laporan Prestasi DASB

- iv. Berdasarkan **Jadual 1**, didapati **jumlah pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan menunjukkan trend menurun mulai tahun 2019**. Pada tahun 2017, pendapatan yang diperoleh berjumlah RM1.70 juta dan meningkat sebanyak RM35,282 menjadi RM1.74 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun, pada tahun 2019 pendapatan tersebut mencatatkan penurunan sebanyak RM213,041 kepada RM1.53 juta. Begitu juga pada tahun 2020, pendapatan daripada aktiviti pengurusan bangunan hanya mencatatkan RM1.49 juta, iaitu penurunan sebanyak RM40,111 daripada tahun 2019.
- v. Pihak Audit mendapati antara faktor pendapatan DASB menurun pada tahun 2019 dan 2020 ialah kontrak Menara BDB telah tamat tempoh pada tahun 2018 dan perkhidmatannya disambung secara *work order basis*. Selain itu, berlaku pelarasan harga kontrak pada tahun 2019 dan 2020 bagi Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square, iaitu sebanyak 7.2% hingga 20.9% lebih rendah berbanding harga asal.
- vi. Perkara ini telah menyebabkan pendapatan utama DASB menurun dan secara tidak langsung menjelaskan kedudukan kewangan syarikat.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Faktor yang menyebabkan DASB tidak mencapai sasaran pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan antaranya adalah terdapat penyelarasan harga bagi yuran pengurusan bangunan oleh PKNK iaitu pemilik bangunan Wisma PKNK, Ukir Mall dan Ukir Square disebabkan perubahan beberapa skop kerja berkaitan bilangan tenaga kerja bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dan pencucian di bangunan.

Selain itu, pendapatan daripada pengurusan bangunan BDB turut terjejas bermula bulan Mei 2018 apabila pihak pengurusan BDB telah memutuskan untuk menyambung kontrak secara *work order basis* yang mana DASB hanya memperolehi pendapatan berdasarkan arahan kerja dari semasa ke semasa.

DASB juga tidak berjaya memperolehi dua kontrak baru bagi pengurusan bangunan iaitu Kontrak pengurusan Kompleks Darul Qiyyam dan Taman Halal.

Bagi memastikan pendapatan syarikat meningkat, DASB akan bertindak dengan lebih agresif dengan meletakkan sasaran untuk tidak bergantung sepenuhnya

kepada kontrak/projek daripada agensi induk sahaja. Antara tindakan yang sedang dilakukan adalah dengan mengemaskini profil syarikat di Kementerian Kewangan di mana DASB telah membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Taraf Bumiputera untuk mendapat lebih peluang untuk menyertai tender kerajaan dan agensi lain.

**b. Prestasi Pendapatan Aktiviti Pembaikan dan Penyenggaraan Fasiliti Bangunan**

- i. DASB menetapkan sasaran pendapatan daripada aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan melalui belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Berdasarkan Laporan Belanjawan DASB tahun 2017 hingga 2020, sasaran pendapatan bagi aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan pada tahun 2018 dan 2019 meningkat, masing-masing sebanyak 6.4% dan 46.9%. Sasaran pada tahun 2020 pula menurun sebanyak 14.5%.
- ii. Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 mendapati **pencapaian pendapatan daripada aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan adalah antara 54.5% hingga 81% berbanding sasaran tahunan**. Pendapatan bagi aktiviti tersebut bagi tempoh empat tahun menunjukkan sedikit peningkatan kecuali pada tahun 2020. Pada tahun 2017, pendapatan yang diperoleh berjumlah RM274,368 dan meningkat sebanyak RM10,915 kepada RM285,283 pada tahun 2018. Pada tahun 2019, pendapatan yang diperoleh berjumlah RM288,316 dengan sedikit peningkatan iaitu sebanyak RM3,033. Pendapatan pada tahun 2020 pula menunjukkan penurunan sebanyak RM35,986 menjadi RM252,330 berbanding tahun 2019. Pihak Audit mendapati pada tahun 2019 dan 2020, prestasi pencapaian pendapatan berbanding sasaran mencatatkan peratusan yang rendah, iaitu masing-masing hanya sebanyak 54.5% dan 55.8%. Prestasi pendapatan bagi aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PRESTASI PENDAPATAN AKTIVITI PEMBAIKAN DAN**  
**PENYENGGARAAN FASILITI BANGUNAN BERBANDING SASARAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	PENDAPATAN		
	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN	
		RM	%
2017	338,598	274,368	81.0
2018	360,301	285,283	79.2
2019	529,173	288,316	54.5
2020	452,237	252,330	55.8

Sumber: Laporan Belanjawan Tahunan dan Laporan Prestasi DASB

- iii. Pihak Audit mendapati peningkatan pendapatan daripada aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan pada tahun 2018 dan 2019 disumbangkan oleh beberapa projek baharu yang berjaya diperoleh oleh DASB dalam tahun tersebut. Bagaimanapun, penetapan sasaran yang agak tinggi pada tahun 2019 dan 2020 tanpa mengambil kira prestasi pendapatan pada tahun sebelumnya menyebabkan sasaran pada tahun tersebut tidak tercapai. Peratus pencapaian yang dicatatkan juga lebih rendah berbanding tahun 2017 dan 2018.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Faktor yang menyebabkan DASB tidak mencapai sasaran pendapatan bagi aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan adalah disebabkan terdapat beberapa cadangan kerja pembaikan tidak dapat dijalankan kerana tiada kelulusan daripada pihak pelanggan.

**Pendapat Audit** | **Prestasi aktiviti pengurusan bangunan serta pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan yang dinilai dari aspek pendapatan sebenar berbanding sasaran masih tidak konsisten. Hal ini dapat dilihat daripada trend naik turun yang dicatatkan sepanjang tempoh empat tahun yang dinilai.**

### **5.2.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Secara umumnya, objektif penubuhan DASB untuk menceburi bidang pengurusan aset dan harta tanah khususnya dalam memberi perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta tanah kepada bangunan milik PKNK telah tercapai. Pencapaian keberhasilan DASB dinilai berdasarkan prestasi keuntungan syarikat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, penjualan lot kuota Melayu di negeri Kedah dan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh DASB.

#### **a. Prestasi Keuntungan Syarikat**

- i. Berdasarkan Pelan Strategik DASB 2019-2023, DASB mensasarkan untuk menjadi sebuah syarikat pengurusan senggaraan fasiliti bangunan yang terunggul di Wilayah Utara yang memberi perkhidmatan kepada aset atau harta tanah milik PKNK, syarikat subsidiari PKNK, Kerajaan negeri dan pihak swasta. Selain itu, DASB juga mensasarkan untuk meningkatkan keuntungan syarikat bagi memastikan pulangan melalui dividen kepada agensi induk. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 aktiviti pengurusan bangunan yang dijalankan oleh DASB hanya melibatkan lima kontrak, iaitu tiga kontrak bangunan milik PKNK dan dua kontrak bangunan milik swasta.
- ii. DASB menetapkan sasaran keuntungan syarikat melalui belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Berdasarkan Laporan Belanjawan bagi tahun 2017 hingga 2020, terdapat peningkatan sasaran keuntungan sebelum cukai bagi tempoh empat tahun tersebut. Analisis Audit mendapati pada tahun 2017, DASB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM39,067. Bagaimanapun, **DASB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM8,367 pada tahun 2018 dan RM60,311 pada tahun 2019**. Pada tahun 2020, DASB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM88,686. Prestasi keuntungan sebelum cukai berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PRESTASI KEUNTUNGAN DASB BAGI TEMPOH**  
**TAHUN 2017 HINGGA 2020**

TAHUN	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	
	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN RM
2017	5,904	39,067
2018	18,203	(8,367)
2019	56,557	(60,311)
*2020	83,932	88,686

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2017 hingga 2019

Nota: (\*) - Penyata Kewangan Belum Beraudit Tahun 2020

- iii. Pihak Audit mendapati kerugian yang berlaku pada tahun 2018 dan 2019 disebabkan aktiviti pemasaran dan promosi tidak dijalankan secara agresif bagi mendapatkan projek baharu untuk meningkatkan pendapatan DASB. Selain itu, DASB hanya bergantung kepada projek sedia ada daripada agensi induk. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan oleh DASB pada tahun 2020 antaranya adalah disebabkan oleh bayaran sejumlah RM118,800 yang diterima daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Program Subsidi Upah. Selain itu, terdapat pengurangan sejumlah RM58,684 bagi keseluruhan perbelanjaan pada tahun tersebut, iaitu sebanyak 6.8% berbanding tahun 2019.
- iv. Kerugian pada tahun 2018 dan 2019 telah menyebabkan DASB tidak dapat memberi pulangan kepada agensi induk dan boleh menjelaskan kelangsungan perniagaan (business continuity) DASB pada masa akan datang jika keadaan ini berlarutan.

**Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Kerugian DASB bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2018 dan 2019 antaranya adalah disebabkan oleh pengurangan pendapatan kutipan parkir di Kompleks Ukir Mall yang menyumbang margin keuntungan paling besar. Bermula bulan Ogos 2014, penempatan sementara peniaga Kompleks Pekan Rabu di Bangunan Ukir Mall telah meningkatkan lebih 50% kutipan parkir di Kompleks Ukir Mall. Namun begitu selepas mereka berpindah semula ke Kompleks Pekan Rabu yang baharu pada pertengahan April 2018, pendapatan kutipan parkir berkurang dengan ketara. Pendapatan utama syarikat iaitu pengurusan bangunan juga telah mengalami pengurangan berikutan penyelarasan semula harga kontrak

bagi ketiga-tiga bangunan milik PKNK iaitu Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square. Selain itu, pendapatan dari kawalan keselamatan turut menurun dari tahun ke tahun berikut penamatkan kontrak sedia ada.

Walaupun perbelanjaan pentadbiran menunjukkan trend penurunan, namun pada tahun 2019, DASB terpaksa menanggung perbelanjaan luar jangka bagi tujuan pemindahan dan ubah suai pejabat berikut arahan daripada syarikat induk supaya DASB berpindah dari Wisma PKNK ke bangunan baharu iaitu di Lot 2156, Jalan Tunku Abdul Halim bermula April 2019.

### **b. Penjualan Lot Kuota Melayu di Negeri Kedah**

Antara mandat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada DASB adalah bagi menjalankan penjualan lot kuota Melayu yang tidak dapat dijual oleh pemaju. Oleh kerana DASB tidak dapat melaksanakan jualan lot kuota Melayu sejak tahun 2016, penilaian pencapaian keberhasilan (outcome) bagi jualan lot kuota Melayu di negeri Kedah melalui DASB tidak dapat diukur.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB telah membuat permohonan untuk menarik diri daripada menjalankan aktiviti pemasaran lot kuota Melayu kerana tidak memberi keuntungan kepada syarikat. MMK yang bersidang pada 2 Disember 2020, melalui Kertas No. (F) 473/2020 telah memutuskan bahawa peranan DASB sebagai agen jualan lot kuota Melayu telah ditamatkan.

### **c. Tahap Kepuasan Pelanggan**

- i. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada pelanggan DASB bagi menilai mutu perkhidmatan dan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh DASB. Borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada pengguna perkhidmatan di empat lokasi, iaitu Condo 900, Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square.
- ii. Perkara yang dinilai dalam aspek perkhidmatan pengurusan bangunan meliputi perkhidmatan pembersihan dan pencucian, perkhidmatan landskap, perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyenggaraan

mekanikal/elektrikal/sivil. Selain itu, perkhidmatan penyenggaraan sistem pencegahan kebakaran, pengurusan aduan kerosakan dan urusan kutipan yuran pengurusan Condo 900 turut dinilai. Butiran terperinci mengenai bilangan responden mengikut lokasi dan perkhidmatan yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**LOKASI DAN RESPONDEN SOAL SELIDIK PERKHIDMATAN PENGURUSAN BANGUNAN**

LOKASI	RESPONDEN	BIL. RESPONDEN	PERKHIDMATAN PENGURUSAN BANGUNAN						
			A	B	C	D	E	F	G
Condo 900	• Pemilik • Penyewa	37	/	/	/	/	/	/	/
Wisma PKNK	• Pegawai PKNK • Penyewa lot kedai	86	/	/	TB	/	/	/	TB
Ukir Mall	• Penyewa lot bangunan	16	/	/	/	/	/	/	TB
Ukir Square	• Pegawai kerajaan • Penyewa lot kedai dan kaunter tiket	10	/	/	/	/	/	/	TB
<b>JUMLAH</b>		<b>149</b>							

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: A – Pembersihan dan pencucian

B – Landskap

C – Kawalan keselamatan

D – Penyenggaraan mekanikal/elektrikal/sivil

E – Penyenggaraan sistem pencegahan kebakaran


F – Aduan kerosakan

G – Kutipan yuran pengurusan Condo 900

TB – Tidak Berkaitan

- iii. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada 149 responden mendapati secara keseluruhannya, **sebanyak 60.6% responden berpuas hati, 26.1% bersifat neutral dan 13.3% tidak berpuas hati dengan perkhidmatan pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh DASB.** Berdasarkan penilaian mengikut jenis perkhidmatan, didapati perkhidmatan pembersihan dan pencucian mencatatkan peratusan responden yang tidak berpuas hati paling tinggi iaitu sebanyak 14.8% dan diikuti dengan perkhidmatan kawalan keselamatan iaitu sebanyak 14.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**TAHAP KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP**  
**PERKHIDMATAN PENGURUSAN BANGUNAN YANG DILAKSANAKAN OLEH DASB**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: A – Pembersihan dan pencucian

B – Lanskap

C – Kawalan keselamatan

D – Penyenggaraan mekanikal/elektrikal/sivil

E – Penyenggaraan sistem pencegahan kebakaran

F – Pengurusan aduan kerosakan

G – Kutipan yuran pengurusan Condo 900

### Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021

Bagi meningkatkan lagi tahap kepuasan pelanggan, DASB akan menempatkan seorang penyelia untuk membuat pemantauan di setiap bangunan yang diuruskan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap yang lebih baik.

**Pendapat Audit** | Aktiviti pemasaran yang tidak dijalankan dengan agresif menyumbangkan kepada kerugian yang dicatat pada tahun 2018 dan 2019. Manakala tahap kepuasan pelanggan adalah memuaskan di mana sebanyak 60.6% responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh DASB.

## **5.2.2. Pelaksanaan Aktiviti**

### **5.2.2.1. Pengurusan Bangunan**

#### **a. Dokumen Kontrak Pengurusan Bangunan**

Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) menyatakan suatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak. Selain itu, Seksyen 10(1) dan 10(2) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) menyatakan perjanjian merupakan dokumen penting yang perlu disediakan untuk memastikan pihak yang berkepentingan mempunyai ikatan perundangan yang jelas, lengkap dan melindungi kepentingan semua pihak yang terlibat. Semakan Audit terhadap pengurusan dokumen kontrak pengurusan bangunan mendapati perkara seperti berikut:

##### **i. Kontrak Pengurusan Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square**

- Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square merupakan bangunan milik PKNK. Dokumen kontrak pengurusan bangunan bagi bangunan tersebut disediakan secara berasingan memandangkan terdapat perbezaan pada skop dan spesifikasi kerja. Berdasarkan dokumen kontrak yang disediakan, tempoh perkhidmatan yang telah dipersetujui adalah selama setahun iaitu bermula 1 Mac 2019 hingga 28 Februari 2020. Mengikut kontrak, DASB perlu mengemukakan permohonan dalam masa tidak kurang dari tiga bulan sebelum tamat tempoh kontrak untuk memperbaharui dan melanjutkan tempoh perkhidmatan.
- Pihak Audit mendapati **tiada perlanjutan tempoh perkhidmatan dibuat dan tiada sebarang dokumen kontrak yang baharu disediakan**. Bagaimanapun, semasa pengauditian dijalankan pihak Audit mendapati DASB masih menjalankan kerja-kerja pengurusan bangunan di Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square. Ketiadaan dokumen perjanjian boleh menjelaskan kepentingan syarikat terutamanya jika berlaku pertikaian antara kedua-dua pihak.

## **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Penyediaan dokumen kontrak bagi pengurusan bangunan milik PKNK disediakan dan dimuktamadkan oleh pihak PKNK. Bagaimanapun, disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada bulan Mac 2020, kontrak baharu tidak dapat dimuktamadkan oleh PKNK. DASB hanya menerima makluman mengenai perlanjutan kontrak perkhidmatan pengurusan bangunan milik PKNK tersebut pada 14 Disember 2020 melalui surat PKNK rujukan: (141) dlm. PKN(K)665/DASB.

Pada 19 Januari 2021, PKNK telah mengemukakan kontrak pengurusan bagi Wisma PKNK, Komples Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square tahun 2020 dan 2021 untuk ditandatangani oleh DASB. Berdasarkan kontrak tersebut, skop, spesifikasi dan harga kontrak tahun 2020 dan 2021 adalah sama seperti kontrak perkhidmatan tahun 2019 kecuali Kompleks Ukir Mall kerana terdapat penyelarasan semula skop dan harga bagi kontrak perkhidmatan tahun 2021.

**Pendapat Audit** | Kelewatan perlanjutan kontrak menyebabkan tiada rujukan rasmi yang jelas mengenai perubahan nilai dan tempoh kontrak serta skop kerja yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

### **ii. Kontrak Pengurusan Condo 900**

- Semakan Audit mendapati DASB mula menguruskan Condo 900 sejak bulan Disember 2014. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian rasmi dimeterai antara DASB dan pihak Pengurusan Condo 900 sehingga salah dokumen kontrak pengurusan Condo 900 yang bertarikh 9 Julai 2019 ditandatangani. Pihak Audit dimaklumkan bahawa sebelum dokumen perjanjian ditandatangani, segala persetujuan mengenai skop kerja dan bayaran yang berkaitan hanya dibuat melalui surat menyurat antara kedua-dua pihak.
- Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen kontrak mendapati tempoh kontrak yang dimeterai telah tamat pada 30 Jun 2020. Semasa pengauditian dijalankan, didapati DASB masih melaksanakan pengurusan Condo 900. Melalui surat bertarikh 27 Jun 2020, Pengurusan Condo 900 telah memberi persetujuan kepada DASB untuk

menyambung kontrak tersebut. **Bagaimanapun, tiada dokumen kontrak yang baharu disediakan.** Pihak Audit juga mendapati **perlanjutan kontrak tersebut tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.**

- Perkara tersebut berlaku kerana DASB bercadang untuk menyemak semula terma perjanjian yang sedia ada. Ketiadaan dokumen perjanjian boleh menjelaskan kepentingan syarikat terutamanya jika berlaku pertikaian antara kedua-dua pihak. Perkara ini juga menyebabkan tiada sumber rujukan yang jelas mengenai terma dan syarat perjanjian seperti mana yang telah dipersetujui.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pada tahun 2015, DASB telah kemukakan draf Perjanjian Kontrak Pengurusan Condo 900 kepada pihak Pengurusan Condo 900. Bagaimanapun, DASB tidak mendapat sebarang maklum balas walaupun telah diberi beberapa peringatan melalui panggilan telefon sehingga Perjanjian Kontrak Pengurusan ditandatangani pada tahun 2019. Kontrak tersebut telah tamat pada 30 Jun 2020 dan secara dasarnya telah dipersetujui untuk dilanjutkan oleh Pengurusan Condo 900 dengan terma dan syarat yang sama. Tetapi dalam masa yang sama pihak Pengurusan DASB perlu membuat semakan semula terma dan syarat pelantikan berserta penyelaras harga kontrak mengikut harga pasaran semasa. Namun begitu, setelah DASB mengemukakan tawaran harga kontrak yang baharu, pihak Pengurusan Condo 900 telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan kontrak tersebut bermula 1 Mac 2021. Perkara ini akan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2021.

**Pendapat | Pengurusan kontrak Condo 900 yang tidak dibincangkan Audit di peringkat Lembaga Pengarah memberi kesan kepada masalah aliran tunai DASB dan pengurusan kontrak yang cekap.**

## **b. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan**

### **i. Pelantikan Syarikat Kawalan Keselamatan**

- Berdasarkan Lampiran 1 Perjanjian Condo 900, DASB bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di Condo 900. Menurut Akta Agensi Persendirian 1971, seseorang yang hendak menjalankan perniagaan berkaitan kawalan keselamatan hendaklah memohon lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan.
- Semakan Audit mendapati sejak pengambilalihan pengurusan Condo 900 pada bulan Disember 2014, DASB telah melantik empat orang pengawal untuk menjaga keselamatan di Condo 900. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **DASB tidak mempunyai Lesen Agensi Persendirian bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan**. Semasa pengauditan dijalankan, pihak Audit mendapati kontrak perkhidmatan bagi pengawal keselamatan yang dilantik telah tamat pada 30 September 2020.
- Pada 10 September 2020, pihak Audit mendapati DASB telah mengeluarkan surat tawaran untuk melantik sebuah syarikat kawalan keselamatan bermula 1 Oktober 2020. Bagaimanapun, syarikat tersebut telah memohon supaya DASB melantik syarikat lain yang juga diuruskan oleh pengurusan yang sama melalui surat bertarikh 20 September 2020. Sehubungan itu, pada 28 September 2020 DASB telah melantik syarikat seperti yang dinyatakan dalam surat tersebut. Bagaimanapun, **semakan Audit melalui *Electronic Security Industry Management System (SIMS)* mendapati syarikat yang dilantik itu juga tidak mempunyai Lesen Agensi Persendirian**.
- Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana DASB tidak membuat semakan secara terperinci terlebih dahulu mengenai syarikat yang dilantik sebelum surat tawaran dikeluarkan. Perkara ini boleh menimbulkan pertikaian berkaitan perundangan jika berlaku masalah keselamatan di bangunan yang diuruskan.

## **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB mengakui kesilapan tersebut kerana tidak membuat semakan terlebih dahulu mengenai syarikat yang dilantik.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Melantik syarikat yang tidak mempunyai Lesen Agensi Persendirian merupakan kesalahan dan melanggar syarat yang ditetapkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.</b>
-----------------------	--

### **ii. Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan**

- Seksyen 10(1) dan 10(2) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) menyatakan perjanjian merupakan dokumen penting yang perlu disediakan untuk memastikan pihak yang berkepentingan mempunyai ikatan perundangan yang jelas, lengkap dan melindungi kepentingan semua pihak yang terlibat.
- Semakan Audit mendapati DASB telah melantik satu syarikat untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di Kompleks Ukir Mall bagi tempoh 1 April 2019 hingga 31 Mac 2021 dan Kompleks Ukir Square bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 28 Februari 2021. Bagaimanapun, **tiada sebarang dokumen kontrak disediakan** antara DASB dan syarikat tersebut sepanjang tempoh pelantikan.
- Ketiadaan dokumen kontrak boleh menjelaskan kepentingan syarikat terutamanya jika berlaku pertikaian antara kedua-dua pihak kerana tiada sumber rujukan yang jelas mengenai terma dan skop kerja yang telah dipersetujui.

## **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB mengambil maklum mengenai perkara tersebut. DASB sedang dalam perancangan untuk melantik Pegawai Perundangan dari Tetuan Tengku Hezrul & Partners untuk tujuan penyediaan kontrak perkhidmatan tersebut. Perancangan ini akan dibincangkan bersama Lembaga Pengarah pada mesyuarat yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2021.

**Pendapat Audit** | Ketiadaan dokumen kontrak yang menetapkan terma, syarat dan skop kerja dengan jelas boleh menimbulkan pertikaian dan menjasakan kepentingan kedua-dua pihak.

### c. Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian

#### i. Kontrak Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian

- DASB melantik tiga kontraktor untuk membekalkan tenaga kerja bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan dan pencucian.
- Semakan Audit mendapati surat tawaran pelantikan kepada kontraktor telah dikeluarkan oleh DASB tetapi **terma dan syarat pelantikan tidak dinyatakan dengan jelas**. Berdasarkan surat tawaran yang dikeluarkan, dokumen kontrak perlu disediakan dan ditandatangani dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat tawaran. Pihak Audit mendapati **tiada sebarang dokumen kontrak disediakan** bagi ketiga-tiga kontraktor berkenaan sepanjang tempoh pelantikan. Butiran mengenai kontraktor tersebut adalah seperti **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**SENARAI KONTRAKTOR PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN**

BIL.	KONTRAKTOR	LOKASI	TEMPOH PERKHIDMATAN	BAYARAN PERKHIDMATAN BULANAN (RM)
1.	Kontraktor A	Wisma PKNK	1 Mei 2019 – 30 April 2020	10,924.36
		Kompleks Ukir Mall	1 September 2019 – 31 Ogos 2020	9,452.89
2.	Kontraktor B	Kompleks Ukir Square	1 Januari 2017 – tiada tempoh tamat perkhidmatan	11,200.00
3.	Kontraktor C	Condo 900	1 Januari – 31 Disember 2016	4,000.00

Sumber: Surat Tawaran Perkhidmatan oleh DASB

- Selain itu, pihak Audit mendapati tempoh pelantikan bagi kontraktor perkhidmatan dan pembersihan di Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Condo 900 telah tamat iaitu masing-masing pada 30 April 2020, 31 Ogos 2020 dan 31 Disember 2016. Bagaimanapun, semasa lawatan fizikal Audit di bangunan tersebut, didapati ketiga-tiga kontraktor masih melaksanakan perkhidmatan tersebut dan tiada surat perlanjutan perkhidmatan dikeluarkan.

- Perkara ini berlaku kerana DASB tidak mempunyai SOP yang jelas berkaitan dengan pengurusan kontrak syarikat. Ketiadaan dokumen kontrak boleh menjelaskan kepentingan syarikat terutamanya jika berlaku pertikaian antara kedua-dua pihak. Hal ini kerana tiada sumber rujukan yang jelas mengenai terma dan skop kerja yang telah dipersejui.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan akan membuat penambahbaikan dengan mengenal pasti semula setiap tawaran kontrak untuk disemak dan dikemas kini. Pihak DASB telah memohon dan menghubungi semua pihak kontraktor yang terlibat dengan kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian untuk mendapatkan maklumat syarikat yang terkini bagi membolehkan pihak DASB menyediakan kontrak yang baharu.

**Pendapat Audit** | **Ketiadaan dokumen kontrak yang menetapkan terma, syarat dan skop kerja dengan jelas boleh menimbulkan pertikaian dan menjelaskan kepentingan kedua-dua pihak.**

## **ii. Kualiti Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian**

- Perkhidmatan pembersihan dan pencucian yang dilaksanakan adalah merangkumi kerja-kerja mencuci, menyapu dan memungut sampah, menyedut habuk, mengelap cermin, membuang sawang dan menyenggara landskap di kawasan yang telah ditetapkan secara harian.
- Lawatan Audit telah dilaksanakan pada 23 November 2020 di Wisma PKNK dan Kompleks Ukir Mall bagi mengesahkan perkhidmatan yang dilaksanakan. Pihak Audit mendapati **tahap kebersihan di beberapa kawasan bangunan adalah kurang memuaskan** seperti dalam **Gambar 3 hingga Gambar 8**.

**GAMBAR 3**



WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Soket Telefon Dipenuhi dengan Puntung Rokok  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Tangga Eskalator Dipenuhi Habuk  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Dinding Kaca di Kawasan Lot Kedai Dipenuhi Habuk  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Kawasan Lobi Dipenuhi Sampah dan Puntung Rokok  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



KOMPLEKS UKIR MALL, ALOR SETAR  
- Mangkuk Tandas di Medan Selera Kotor  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



KOMPLEKS UKIR MALL, ALOR SETAR  
- Mangkuk Tandas di Medan Selera Kotor  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Selain itu, pihak Audit mendapati **penyenggaraan landskap di luar bangunan Wisma PKNK juga kurang memuaskan** seperti di **Gambar 9** hingga **Gambar 12**.

**GAMBAR 9**

WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Lumut di Dalam Longkang Tidak Dibersihkan  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**

WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Rumput di Dalam Longkang Tidak Dibuang  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**

WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Sisa Binaan Dilonggok di Kawasan Parkir  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**

WISMA PKNK, ALOR SETAR  
- Longgokan Kayu di Kawasan Parkir  
(23.11.2020)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan Audit mendapati keadaan ini berlaku kerana hanya seorang kakitangan yang diberi tanggungjawab untuk membuat pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan dan pencucian di Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Condo 900. Selain itu, beliau juga merupakan juruteknik yang ditugaskan di Condo 900.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Bagi tujuan penambahbaikan, pihak DASB akan membuat pemantauan yang lebih kerap untuk memastikan perkhidmatan tersebut dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Penetapan semula kakitangan yang terlibat bagi tujuan pemantauan di setiap bangunan telah buat. Selain itu, pihak DASB sedang merancang untuk mengadakan mesyuarat bulanan bersama kontraktor yang dilantik untuk memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan berada pada tahap yang lebih baik.

**Pendapat Audit** | **Pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik tidak dibuat secara efektif menyebabkan tahap kebersihan di Wisma PKNK dan Kompleks Ukir Mall kurang memuaskan. Perkara ini juga menunjukkan DASB tidak mendapat *value for money* bagi bayaran perkhidmatan yang dibuat.**

#### d. Tunggakan Bayaran daripada Pemilik/Penghuni Condo 900

- i. Perenggan 2.1, Perjanjian Pengurusan Condo 900 menetapkan DASB hendaklah membuat kutipan (jika perlu) bagi caj bulanan dan lain-lain caj yang dikenakan oleh pihak Pengurusan Condo 900 bagi tujuan pengurusan kondominium. Selain itu, perenggan 5.1 menetapkan bahawa semua perbelanjaan operasi dan pengurusan kondominium boleh dibayar daripada dana pengurusan yang dikutip oleh DASB.
- ii. Semakan Audit mendapati antara kutipan yang dibuat oleh DASB bagi pihak Pengurusan Condo 900 adalah yuran pengurusan, *sinking fund*, cukai tanah, caj bekalan air dan lain-lain. Berdasarkan perjanjian, yuran pengurusan yang dikutip adalah bayaran kepada DASB di atas perkhidmatan yang dilaksanakan dan menjadi hasil kepada DASB. *Sinking fund* adalah bayaran yang dikutip bagi pihak Pengurusan Condo 900 untuk tujuan penyenggaraan. Kutipan cukai tanah dan caj bekalan air pula merupakan bayaran yang perlu dijelaskan oleh DASB kepada Pejabat Tanah Kubang Pasu dan Syarikat Air Darulaman Aman Sdn. Bhd. (SADA).
- iii. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, **jumlah tunggakan bayaran daripada pemilik/penghuni Condo 900 menunjukkan peningkatan. Tunggakan yang dicatatkan masing-masing berjumlah RM241,450, RM325,923, RM355,631**. Peningkatan tunggakan ini antaranya disebabkan oleh sebahagian daripada pemilik kediaman yang enggan menjelaskan bayaran yuran pengurusan dengan alasan mereka tidak menghuni di Condo 900. Manakala pada tahun 2020, jumlah tunggakan menunjukkan penurunan sejumlah RM63,256 (17.8%) kepada RM292,375 berbanding tahun 2019. Analisis Audit seterusnya mendapati, tunggakan bagi yuran pengurusan mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi tempoh tersebut. Tunggakan tersebut merupakan penyumbang kepada jumlah penghutang dagangan DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 iaitu antara 36.3% hingga 59.9%. Butiran lanjut mengenai tunggakan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

**JADUAL 6**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BAGI PENGURUSAN CONDO 900**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020**

BIL.	JENIS KUTIPAN	JUMLAH TUNGGAKAN			
		2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
1.	Yuran Pengurusan	195,681	266,688	293,289	244,620
2.	<i>Sinking Fund</i>	19,437	26,878	29,519	24,629
3.	Cukai Tanah	17,018	21,898	21,741	15,369
4.	Bekalan Air	9,314	10,459	11,082	7,757
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>241,450</b>	<b>325,923</b>	<b>355,631</b>	<b>292,375</b>

Sumber: Rekod Tuggakan Condo 900

- iv. Antara pendekatan yang diambil oleh DASB untuk mengutip tuggakan bayaran tersebut ialah mempamerkan senarai tuggakan di ruang lobi *lift*, memaklumkan tuggakan kepada pemilik melalui panggilan telefon; mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik kediaman dan mengunci meter air kediaman berkenaan. Bagaimanapun, kaedah tersebut didapati kurang berkesan kerana jumlah tuggakan masih menunjukkan peningkatan. Manakala bagi tahun 2020, penurunan jumlah tuggakan antaranya disebabkan terdapat bayaran penuh tuggakan daripada pemilik yang menjual kediaman dan tawaran bayaran secara ansuran kepada pemilik yang mempunyai tuggakan yang tinggi.
- v. Perkara ini memberi kesan kepada aliran tunai syarikat kerana DASB perlu menggunakan sumber kewangan sedia ada bagi menampung kos pengurusan Condo 900.

**Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Penyumbang jumlah tuggakan bayaran pengurusan Condo 900 yang paling tinggi adalah daripada pemilik unit kediaman yang tidak berpenghuni kerana beranggapan mereka tidak perlu membayar disebabkan tidak menggunakan perkhidmatan di situ. Tindakan semasa yang diambil oleh pihak DASB hanya berkesan kepada pemilik kediaman yang berpenghuni sahaja. Selain itu, DASB tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik yang enggan membayar tuggakan tersebut memandangkan DASB hanyalah sebagai kontraktor yang menguruskan bangunan sahaja dan tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Pengurusan Condo 900 untuk tindakan selanjutnya.

**Pendapat Audit** | **Prestasi kutipan bayaran pengurusan Condo 900 adalah tidak cekap. Hal ini kerana kaedah kutipan yang dilaksanakan tidak berkesan untuk mengurangkan tunggakan, di mana tunggakan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019.**

#### **5.2.2.2. Penjualan Lot Kuota Melayu**

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah melalui Kertas No. 6 (F) 135/2010 bertarikh 15 Disember 2010 dan Kertas No. 6 (F) 135/2013 bertarikh 24 Julai 2013 telah memutuskan supaya DASB membantu pemaju untuk menjual lot kuota Melayu yang tidak berjaya dijual oleh pemaju. Lot kuota Melayu tersebut adalah terdiri daripada rumah kediaman dan rumah kedai. Pemaju dikehendaki mengemukakan maklumat terperinci dan model lot kuota Melayu yang tidak terjual kepada DASB untuk tujuan pameran dan pemasaran. DASB perlu menyediakan kemudahan ruang pameran, strategi pemasaran dan hebahan melalui saluran-saluran yang mendapat perhatian orang ramai. Sekiranya DASB berjaya menjual lot kuota melayu tersebut, komisen sebanyak 2% daripada harga jualan akan dibayar oleh pemaju kepada DASB. Namun, jika lot tersebut tidak berjaya dijual dalam tempoh yang ditetapkan, DASB perlu menyediakan kertas kerja kepada Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) untuk diangkat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Pemasaran Lot Kuota Melayu bagi tujuan permohonan pembatalan lot kuota Melayu.
- b. Semakan Audit terhadap laporan prestasi DASB mendapati, **tiada sebarang penjualan lot kuota Melayu sejak dari tahun 2016 hingga 2020**. Selain itu, **tiada aktiviti pemasaran dan hebahan dijalankan** oleh DASB. Daftar berkaitan dengan lot kuota Melayu yang diserahkan oleh pemaju bagi tujuan tersebut juga tidak diselenggarakan dengan teratur. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, pihak Audit mendapati DASB tidak menyediakan sebarang kertas kerja bagi tujuan permohonan pembatalan lot kuota Melayu untuk diangkat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemasaran Lot Melayu Negeri Kedah. Berdasarkan surat rujukan DASB/19/009 (SUK-Perumahan) bertarikh 20 Februari 2019, **DASB telah membuat permohonan menarik diri sebagai agen jualan lot kuota Melayu kepada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Lot Kuota Melayu**. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati perkara tersebut tidak dibincangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

- c. Perkara ini berlaku kerana DASB tidak menyediakan rancangan pemasaran yang efektif dan agresif dalam usaha untuk menjual lot kuota Melayu. Selain itu, berdasarkan semakan terhadap minit mesyuarat ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2017 hingga 2020 mendapati aktiviti penjualan lot Kuota Melayu tidak lagi dibincang dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.
- d. Keadaan ini memberi kesan kepada nama baik syarikat dan mandat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada DASB untuk menguruskan penjualan dan pembatalan lot kuota Melayu di negeri Kedah tidak terlaksana. Selain itu, berdasarkan rekod permohonan pembatalan lot kuota Melayu bagi tahun 2019 yang berada dalam tindakan Bahagian Perumahan Pejabat SUK, DASB telah gagal mengambil peluang untuk menjual sebanyak 186 lot kuota Melayu bernilai RM89.90 juta bagi menambah pendapatan syarikat.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Penjualan lot kuota Melayu tidak dapat dibuat kerana kebanyakan pemaju menyerahkan harta tanah yang sememangnya sukar untuk dijual. Hal ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat permohonan pelepasan lot kuota Melayu. DASB pernah menjalankan aktiviti pemasaran pada tahun 2011 hingga 2014 dengan perbelanjaan yang besar tetapi tidak menguntungkan syarikat.

Pihak DASB tidak menyediakan sebarang kertas kerja bagi tujuan pelepasan dalam tempoh tersebut disebabkan jangka masa untuk penyediaan kertas kerja yang agak lama dan terpaksa menanggung kos untuk tujuan tersebut.

MMK yang bersidang pada 2 Disember 2020, melalui Kertas No. (F) 473/2020 telah memutuskan bahawa peranan DASB selaku agen jualan lot kuota Melayu telah ditamatkan. Perkara ini akan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang dijangkakan pada bulan Mac 2021.

**Pendapat Audit** | **Aktiviti penjualan lot kuota Melayu oleh DASB yang tidak berjaya telah menyebabkan hasrat Kerajaan negeri bagi mengurangkan pembatalan lot kuota Melayu tidak tercapai.**

### **5.2.2.3. Pelan Pemasaran dan Promosi**

- a. Pelan pemasaran hendaklah disediakan dengan lengkap dan sempurna bagi memastikan aktiviti pemasaran dapat dilakukan dengan berkesan dan mencapai sasaran pendapatan. Manakala promosi adalah bertujuan untuk memperkenalkan dan memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkhidmatan dan produk yang ditawarkan.
- b. Semakan Audit terhadap pelan strategik syarikat mendapati **DASB tidak menyediakan perancangan dan pelan pemasaran secara efektif untuk mencari peluang perniagaan baharu** bagi meningkatkan pendapatan dan prestasi syarikat. Selain itu berdasarkan Laporan Belanjawan Tahunan, pihak Audit mendapati tiada bajet khusus yang disediakan untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi.
- c. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana tiada kakitangan atau bahagian yang diberi tanggungjawab secara khusus bagi tujuan pemasaran dan promosi. Aktiviti pemasaran dan promosi yang tidak dilaksanakan menyebabkan tiada projek baharu yang diperoleh. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan pendapatan DASB tidak dapat ditingkatkan dan boleh menjelaskan kelangsungan perniagaan DASB.

#### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

Pihak DASB mengambil maklum mengenai perkara tersebut. Bajet berkaitan aktiviti pemasaran berserta pindaan Pelan Strategik DASB Tahun 2021 hingga 2023 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 4 Tahun 2020. Pihak DASB telah memutuskan supaya Bahagian Pembangunan Perniagaan untuk bertindak dengan lebih efektif menjalankan aktiviti pemasaran selaras dengan pelan strategik.

**Pendapat Audit** | **Aktiviti pemasaran dan promosi yang tidak dilaksanakan oleh DASB menyebabkan tiada kontrak/projek baharu yang diperoleh bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 untuk meningkatkan pendapatan syarikat.**

### 5.3. Kedudukan Kewangan

5.3.1. Penyata kewangan DASB bagi tahun 2017 dan 2018 telah diaudit oleh Tetuan Baqir Hussain & Co, manakala penyata kewangan tahun 2019 telah diaudit oleh Tetuan Jamal, Amin & Partners. Penyata kewangan DASB telah diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran. **Berdasarkan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan 2019, DASB mendapat teguran daripada juruaudit mengenai *going concern* syarikat.** Analisis terhadap kedudukan kewangan DASB bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7  
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017, 2018 DAN 2019**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2017 (RM)</b>	<b>2018 (RM)</b>	<b>2019 (RM)</b>
Pendapatan	2,602,458	2,444,410	2,352,742
Lain-lain Pendapatan	3,327	2,137	246
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>2,605,785</b>	<b>2,446,547</b>	<b>2,352,988</b>
Kos Jualan	(1,637,513)	(1,581,913)	(1,550,143)
Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	(929,205)	(873,001)	(863,156)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>(2,566,718)</b>	<b>(2,454,914)</b>	<b>(2,413,299)</b>
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>39,067</b>	<b>(8,367)</b>	<b>(60,311)</b>
<b>(KERUGIAN) TERKUMPUL</b>	<b>(451,257)</b>	<b>(459,624)</b>	<b>(519,935)</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>965,630</b>	<b>643,430</b>	<b>543,659</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>1,166,887</b>	<b>853,054</b>	<b>813,594</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>(201,257)</b>	<b>(209,624)</b>	<b>(269,935)</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>965,630</b>	<b>643,430</b>	<b>543,659</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>238,483</b>	<b>224,336</b>	<b>96,265</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2017, 2018 dan 2019


5.3.2. Pendapatan DASB adalah terdiri daripada kontrak perkhidmatan pengurusan bangunan, pembaikan dan penyenggaraan, kontrak kawalan keselamatan, pengurusan parkir, perkhidmatan pembersihan dan pencucian dan sewa urus bangunan. Di samping itu, DASB juga menerima lain-lain pendapatan seperti hibah dan insurans. Pada tahun 2019, pendapatan DASB adalah berjumlah RM2.35 juta iaitu menurun sejumrah RM93,559 (3.8%) berbanding tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan berlakunya penyalarasan semula harga kontrak pengurusan bangunan milik PKNK iaitu Wisma PKNK, Kompleks Ukir Mall dan Kompleks Ukir Square pada tahun 2019 iaitu antara 7.2% hingga 20.9%. Pada tahun 2018, pendapatan DASB adalah berjumlah RM2.45 juta, iaitu menurun sejumrah RM159,238 (6.1%) berbanding RM2.61 juta pada tahun 2017. Penurunan tersebut antaranya disebabkan oleh penyusutan hasil kutipan parkir di Kompleks Ukir Mall yang ketara sejak peniaga

Pekan Rabu berpindah semula ke Kompleks Pekan Rabu pada pertengahan bulan April 2018. Trend pendapatan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti **Carta 4**.


5.3.3. Perbelanjaan DASB terdiri daripada kos jualan dan perbelanjaan pentadbiran serta operasi. Kos jualan terdiri daripada belanja berkaitan aktiviti perkhidmatan pengurusan bangunan, perkhidmatan pembersihan dan pencucian serta pembaikan dan penyenggaraan. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi pula terdiri daripada emolumen kakitangan, susut nilai, percetakan dan alat tulis, sewaan, bayaran utiliti, penyenggaraan pejabat dan lain-lain belanja berkaitan. Pada tahun 2019, perbelanjaan DASB adalah berjumlah RM2.41 juta, iaitu menurun sejumrah RM41,615 (1.7%) berbanding RM2.45 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan pada tahun 2018 juga menunjukkan penurunan sejumrah RM111,804 (4.4%) berbanding RM2.57 juta pada tahun 2017. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2018 dan 2019 antaranya adalah disebabkan pengurangan dalam kos jualan yang melibatkan perbelanjaan berkaitan aktiviti pengurusan bangunan dan kawalan keselamatan. Trend perbelanjaan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti **Carta 4**.

5.3.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 telah memberi kesan kepada keuntungan DASB. Pada tahun 2019, DASB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM60,311, iaitu meningkat sebanyak RM51,944 (620.8%) berbanding kerugian sebelum cukai tahun 2018. Hal ini disebabkan penurunan pendapatan utama iaitu bagi aktiviti pengurusan bangunan. Bagaimanapun, pada tahun 2017, DASB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM39,067. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, kerugian terkumpul DASB masing-masing berjumlah RM451,257, RM459,624 dan RM0.52 juta. Peningkatan kerugian sebelum cukai pada tahun 2019 telah menyebabkan peningkatan kerugian terkumpul DASB. Perkara ini juga telah menyebabkan jumlah ekuiti DASB mencatatkan defisit bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 5**.

**CARTA 4**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019**



**CARTA 5**  
**TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM**  
**CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL**  
**BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2017, 2018 dan 2019

5.3.5. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti DASB mendapati **jumlah liabiliti telah melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019**. Jumlah aset bagi tempoh tersebut masing-masing adalah berjumlah RM0.97 juta, RM0.64 juta dan RM0.54 juta manakala jumlah liabiliti masing-masing adalah berjumlah RM1.17 juta, RM0.85 juta dan RM0.81 juta. Melalui analisis nisbah kewangan, didapati DASB tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menampung obligasinya dalam jangka masa pendek. Tahap kecairan DASB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 masing-masing pada kadar antara 0.63:1 hingga 0.80:1. Keadaan ini berlaku apabila syarikat dijangka tidak mampu untuk meneruskan operasi disebabkan kedudukan kewangan yang tidak stabil.

5.3.6. Analisis Audit turut dijalankan terhadap aliran tunai DASB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. **Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, aliran tunai DASB berbaki positif namun menunjukkan trend menurun**. Pada akhir tahun kewangan 2019, DASB mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM96,265 iaitu menurun sebanyak RM128,071 (57.1%) berbanding tahun 2018. Baki tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018 berjumlah RM224,336, iaitu menurun sebanyak RM14,147 (5.9%) berbanding RM238,483 pada tahun 2017. Penurunan aliran tunai tersebut adalah kesan daripada defisit aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Defisit aliran tunai

bersih daripada aktiviti operasi antaranya disumbangkan oleh penurunan pendapatan daripada aktiviti utama DASB. Selain itu, pembelian aset syarikat juga turut menyumbang kepada aliran tunai defisit daripada aktiviti pelaburan.

### **Maklum Balas DASB yang Diterima pada 11 Februari 2021**

DASB mengalami kerugian pada tahun 2018 dan 2019 antaranya disebabkan oleh penurunan pendapatan bagi aktiviti pengurusan bangunan, pengurusan parkir dan perkhidmatan kawalan keselamatan. Selain itu, tiada kontrak/projek baharu yang diperolehi oleh DASB bagi tempoh tersebut.

Pinjaman tanpa syarat daripada PKNK yang berjumlah RM0.51 juta sebagai pendahuluan bagi memulakan perniagaan dan kerja mengubah suai ruang pameran untuk aktiviti pemasaran lot kuota Melayu merupakan antara penyumbang kepada jumlah liabiliti DASB yang menyebabkan kadar kecairan syarikat rendah. Kertas cadangan bagi menukar sejumlah pendahuluan tersebut kepada modal berbayar telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah DASB Bil. 4 Tahun 2020 pada 20 Disember 2020. Pihak DASB telah mengemukakan kertas cadangan ini kepada Bahagian Pelaburan PKNK pada 20 Januari 2021 untuk kelulusan.

**Pendapat Audit** Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan DASB adalah kurang stabil.

**Pada tahun 2018 dan 2019, DASB mencatatkan kerugian sebelum cukai yang menyebabkan kerugian terkumpul meningkat. Jumlah liabiliti juga telah melebihi jumlah aset menyebabkan DASB tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menampung obligasinya. Selain itu, DASB mendapat teguran daripada juruaudit mengenai *going concern* syarikat.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan DASB untuk menceburi bidang pengurusan aset dan harta tanah khususnya dalam memberi perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta tanah kepada bangunan milik PKNK telah tercapai. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat DASB berada pada tahap kurang memuaskan. Hal ini kerana DASB tidak mengamalkan sepenuhnya enam daripada sembilan amalan tadbir urus korporat yang baik. Pencapaian aktiviti pengurusan bangunan serta aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan dari aspek

pendapatan bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah kurang cekap kerana sasaran yang ditetapkan tidak tercapai. Prestasi keuntungan DASB juga tidak cekap kerana mencatat kerugian pada tahun 2018 dan 2019. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan bangunan, antaranya dokumen kontrak tidak disediakan, syarikat kawalan keselamatan yang dilantik tidak mempunyai lesen serta tahap perkhidmatan pembersihan dan pencucian kurang memuaskan. Dari segi kedudukan kewangan, DASB berada pada tahap kurang stabil kerana trend pendapatan utama menurun dan jumlah liabiliti telah melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan DASB serta memantapkan amalan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah DASB disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 7.1. dasar pelantikan Lembaga Pengarah perlu dikaji semula bagi mengelakkan risiko konflik kepentingan dalam membuat keputusan mengenai syarikat;
- 7.2. pelantikan Setiausaha Syarikat perlu dinyatakan terma, syarat dan skop tugas secara jelas supaya peranannya dapat dilaksanakan dengan berkesan;
- 7.3. SOP yang lengkap dan kemas kini serta menyeluruh perlu disediakan dan diangkat kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan sebagai rujukan rasmi kepada pihak pengurusan dan kakitangan DASB dalam melaksanakan operasi syarikat;
- 7.4. penyediaan pelan strategik dan KPI perlu dibuat kajian secara terperinci supaya lebih relevan dan efektif serta perlu dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pemantauan;
- 7.5. membuat kajian secara menyeluruh terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat terutamanya melibatkan aktiviti pemasaran dan promosi bagi mendapat lebih banyak kontrak/projek baharu; dan
- 7.6. pemantauan yang lebih berkesan dilaksanakan terhadap aktiviti syarikat terutamanya bagi aktiviti pengurusan bangunan yang menyumbang kepada pendapatan utama DASB.



# **PENUTUP**



---

## **PENUTUP**

---

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini. Sebagai rumusan, empat cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
  - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
  - b. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
  - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.
  - d. Agensi Kerajaan negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
30 Ogos 2021**





**AKRONIM**



---

## AKRONIM

---

<b>ABT</b>	Akaun Belum Terima
<b>AK</b>	Arahan Kerja
<b>APK</b>	Arahan Perubahan Kerja
<b>BDB</b>	Bina Darulaman Berhad
<b>Bil.</b>	Bilangan
<b>BPEN</b>	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
<b>BQ</b>	<i>Bill of Quantity</i>
<b>CIDB</b>	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
<b>DASB</b>	Darulaman Aset Sdn. Bhd.
<b>DSN</b>	Dasar Sukan Negara
<b>DSSB</b>	Darulaman Solutions Sdn. Bhd.
<b>GPS</b>	Global Positioning System
<b>GST</b>	Goods and Services Tax (Cukai Barang dan Perkhidmatan)
<b>iSPEKS</b>	Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri
<b>JKA</b>	Jawatankuasa Audit
<b>JKPG</b>	Jalan Kampung
<b>JKPR</b>	Jalan Raya Dalam Kawasan Perumahan
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JKR Negeri</b>	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah
<b>JPE</b>	Jalan Persekutuan dan Lebuhraya
<b>JPS</b>	Jabatan Pengairan dan Saliran
<b>JPTN</b>	Jalan Pertanian
<b>JRB</b>	Jalan Raya Perbandaran
<b>JRN</b>	Jalan Raya Negeri
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri
<b>km</b>	Kilometer
<b>KPE</b>	Ketua Pegawai Eksekutif
<b>KPI</b>	Petunjuk Prestasi Utama

<b>KTN</b>	Kanun Tanah Negara
<b>KWAPJN</b>	Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri
<b>M&amp;A</b>	Memorandum & Artikel Penubuhan Syarikat
<b>MARRIS</b>	Malaysian Roads Records Information System
<b>MCCG</b>	Malaysian Code on Corporate Governance
<b>MIROS</b>	Malaysian Institute of Road Safety Research
<b>MkewN</b>	Majlis Kewangan Negara
<b>MMK</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah
<b>MSNK</b>	Majlis Sukan Negeri Kedah
<b>MyETrade</b>	MyETrade Sdn. Bhd.
<b>No.</b>	Nombor
<b>PBN</b>	Pihak Berkuasa Negeri
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PDT</b>	Pejabat Daerah dan Tanah
<b>Perbendaharaan Negeri</b>	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah
<b>PKN</b>	Pegawai Kewangan Negeri
<b>PKNK</b>	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
<b>PLB</b>	Lorong Belakang/Lorong Tepi
<b>PPNK</b>	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah
<b>PSNK</b>	Perbadanan Stadium Negeri Kedah
<b>PTG Kedah</b>	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah
<b>PTKS</b>	Pejabat Tanah Kota Setar
<b>SADA</b>	Syarikat Air Darulaman Aman Sdn. Bhd.
<b>SIMS</b>	Electronic Security Industry Management System
<b>SOP</b>	<i>Standard Operating Procedures</i>
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>SST</b>	Cukai Jualan dan Perkhidmatan
<b>SUK</b>	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
<b>SUKMA</b>	Sukan Malaysia









[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA

